

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 23**Isnin****20 Jun 2005**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2005 (Halaman 27)
- Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak)
(Pindaan) 2005 (Halaman 39)
- Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi
(Pindaan) 2005 (Halaman 83)
- Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 (Halaman 86)

USUL:

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 130)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**Kempen Budi Bahasa**

- *Y.B. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)* (Halaman 130)

Pelarian Filipina di Sabah – Masalah Sosial

- *Y.B. Tuan Wilfred Madius Tangau* (Halaman 134)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 Jun 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kawalan Peruntukan Wang (Pindaan) 2005;
2. Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005;
3. Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2005;
4. Akta Konvensyen Senjata Kimia 2004;
5. Akta Perbekalan Tambahan (2004) 2005;
6. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005; dan
7. Akta Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada
Dewan Rakyat**

“19 Mei 2005

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005;
3. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005;
4. Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004;
5. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005;
dan
6. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berikutan penggunaan peralatan LCD dan notebook di setiap sekolah untuk kegunaan mata pelajaran Sains dan Matematik tidak dapat diperbaiki, apakah langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi, salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sememangnya telah mengambil kira penyelenggaraan peralatan tersebut semasa kontrak diberikan kerajaan kepada syarikat-syarikat yang terlibat semenjak dari

permulaan program pengajaran dan pembelajaran pada pelajaran Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris (PSMI) iaitu sejak fasa 1. Penyelenggaraan ini terdiri daripada penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dua kali setahun dan penyelenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*).

Tempoh penyelenggaraan tiga tahun bagi peralatan LCD dan notebook dari fasa 1 masih berkuat kuasa sehingga bulan Januari 2007. Selepas tempoh itu luput kerja penyelenggaraan akan diambil kira ambil alih pula oleh syarikat yang bakal yang dilantik kerajaan sedikit masa lagi yang akan menjalankan penyelenggaraan untuk semua peralatan ICT di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah kontrak 'per semasa'. Pihak sekolah telah diberikan nombor *hotline* bagi melaporkan sebarang kerosakan peralatan tersebut bagi membolehkan penyelenggaraan pemulihan dibuat. Sekiranya pihak syarikat tidak membuat penyelenggaraan pemulihan tersebut, pihak sekolah hendaklah membuat aduan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri supaya tindakan selanjutnya boleh diambil ke atas syarikat tersebut kerana tidak mematuhi kontrak. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghafur bin Salleh: Tuan Speaker, nampaknya jawapan yang diberikan oleh kementerian begitu indah sekali kerana kontrak telah pun ditandatangani hingga 2007, tetapi masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah luar bandar ialah notebook-notebook yang diberi ini tidak diselenggarakan dan tidak diperbaiki apabila rosak. Jadi, saya tidak tahu yang mana satu kesalahan sama ada kementeriankah atau tidak ada monitoring kerana kita dapat bukti banyak bahawa banyak notebook yang diberi tidak dapat digunakan. Kalau pun ia rosak bererti kalau hendak diperbaiki sebulan, murid tidak boleh belajar kerana satu komputer sahaja dia beri. Saya minta kalau boleh penjelasan yang setepatnya kerana kita tidak mahu apabila kita bawa soalan seperti ini di dalam Dewan, kementerian jawab dengan senang bahawa sudah ada kontrak yang dilantik. Jadi, kita minta satu penjelasan sama ada kementerian sedar ada laptop-laptop atau notebook-notebook yang diberi ini tidak dapat diperbaiki. Ini kita akan bagi bukti.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Memang saya mengalu-alukan maklum balas daripada Yang Berhormat sekiranya ada terdapat notebook-notebook, ada LCD yang tidak diperbaiki seperti yang saya sebutkan tadi. Sebenarnya bagi Kementerian Pelajaran, syarikat telah pun bersetuju untuk *corrective maintenance* ini selepas aduan

diterima syarikat itu dalam tempoh empat jam mesti memberi jawapan. Selepas itu unit ICT ini haruslah diperbaiki dalam tempoh masa 48 jam. Kalau melebihi 12 jam unit pinjaman harus diberikan. Jadi, inilah syarat-syarat yang telah ditetapkan. Saya telah pun buat siasatan tentang kawasan Yang Berhormat, terdapat tiga buah sekolah di kawasan Yang Berhormat dan setakat ini baru-baru ini memang tidak ada laporan yang kita terima tentang kerosakan ICT ini. Kalau Yang Berhormat terdapat apa-apa maklum balas sila kemukakan kepada pihak kementerian kita, kementerian kami memang serius memandangkan ini betapa pentingnya semua peralatan diberikan kepada sekolah-sekolah dapat digunakan dengan baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa...

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Apa soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah awal lagi. Itu soalan. Susahlah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan sekolah itu kerana penyelenggaraan tidak lengkap ataupun tidak sempurna mereka menggunakan perkhidmatan yang lain daripada swasta, daripada PIBG dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan syarikat-syarikat yang dilantik untuk penyelenggaraan LCD dan notebook ini, kerana kadangkala notebook ini out of date. Ini termasuklah notebook-notebook daripada Dewan Undangan Negeri. Saya pernah terima notebook daripada Dewan Undangan Negeri yang tidak boleh dipakai dan penyelenggaraan itu sangat tidak memuaskan dan ini termasuk sekolah-sekolah. Bagi ADUN pun macam itu, apatah lagi bagi pelajar-pelajar di sekolah.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat komen apa-apa, tidak ada soalan sebenarnya. Memang kita sedarlah ada setengahnya guru-guru menggunakan perkhidmatan daripada syarikat-syarikat atau perseorangan. Saya tahu Yang Berhormat memang komputer savvy, tahniah.

2. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kewangan menyatakan bagi kad kredit, apakah syarat baru yang dikenakan bagi mengurangkan masalah hutang dan menjadi muflis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 12 dari Yang Berhormat bagi Pendang yang juga dijadualkan untuk dijawab pada hari ini kerana ia menyentuh mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dan memastikan bahawa tahap penggunaan kad kredit adalah berhemat dan terkawal. Sebagai langkah untuk memastikan tahap pengeluaran dan penggunaan kad kredit adalah berhemat serta tahap perlindungan pengguna dan pendidikan mengenai penggunaan kad kredit diberikan sewajarnya, beberapa garis panduan telah pun diperkenalkan mengenai garis panduan kad kredit. Sebagai contoh, garis panduan memerlukan institusi pengeluaran kad kredit membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Pusat Kredit (SICRIS) iaitu sistem yang mempunyai maklumat kredit peminjam yang komprehensif semasa memproses sebarang permohonan kad kredit untuk menilai kedudukan kewangan sipemohon. Melalui sistem ini risiko keterhutangan yang berlebihan oleh pelanggan runcit termasuk pemegang kad kredit dapat dinilai dan dikawal dengan lebih teratur. Semasa melakukan pemeriksaan berkala Bank Negara Malaysia juga memeriksa proses penilaian dan pemberian pinjaman kad kredit di institusi-institusi berkenaan bagi memastikan proses yang dijalankan adakah berhemat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah lain juga telah dilaksanakan seperti berikut:

- i) pengeluar kad kredit dikehendaki memberi amaran kepada pengguna kad kredit kepada penyata bulanan kad kredit mengenai akibat jikalau hanya membayar jumlah minimum pada setiap bulan;
- ii) pengguna dinasihatkan mengenai risiko keterhutangan yang berlebihan sekiranya tidak berhemat ketika mengguna kad kredit di alamat *internet banking info*; dan

- iii) pengeluar kad kredit dikehendaki menjalankan penilaian yang sewajarnya ketika meluluskan sesuatu permohonan kad kredit dan juga ketika menilai kad kredit yang dibenarkan bagi seseorang pemegang kad.

Secara amnya Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai *instrument* pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah. Oleh yang demikian pendekatan kepada memperkenalkan syarat-syarat baru harus dihalusi secara seimbang memandangkan ramai pengguna yang bijak juga memerlukannya untuk kesenangan membuat pembayaran secara elektronik dan kemudahan sampingan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini walaupun jumlah kad kredit yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 6.9 juta kad, jumlah pemegang kad utama ataupun *principal kad holders* adalah dianggarkan sebanyak 2 juta, dan *principal kad* 4 juta dan yang lain-lain adalah kad *supplementary* dengan izin, justeru itu Bank Negara Malaysia sentiasa memantau kegiatan dan perkembangan kad kredit serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan penggunaan dan pengeluaran kad kredit adalah secara berhemah dan tidak menjurus kepada masalah keterhutangan yang berlebihan dan mufliis.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan yang diterima dari institusi perbankan jumlah kes yang disiarkan mufliis kerana gagal membayar hutang kad kredit adalah 757 kes bagi tahun 2000, 952 kes bagi tahun 2001, - 1,917 kes, bagi tahun 2002, 1,152 kes bagi tahun 2003 dan 1,397 kes bagi tahun 2004. Sekiranya dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kes individu yang mufliis iaitu masing-masing tahun sebanyak 12,351 kes dan 16,251 kes pada tahun 2003 dan 2004, maka jumlah kes mufliis melalui penggunaan kad kredit telah pun menurun sedikit, maknanya dari segi *rationya* iaitu tahun 2003 sebanyak 9.3 peratus dan pada 2004 - 8.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes mufliis Tuan Yang di-Pertua.

Dan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kebankrapan 67 pindaan 2003 hanya penerima hutang yang mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM30 ribu boleh dihadapkan ke mahkamah untuk disiarkan mufliis oleh mahkamah syariah, *sorry* oleh mahkamah sekiranya difailkan. [Ketawa] Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato Seri Dr. Hilmi Ibin Yahaya: Ke mahkamah, bukan mahkamah syariah, untuk isytiharkan muflis oleh mahkamah sekiranya difailkan. Dan satu lagi maklumat iaitu Jabatan Insolvensi, jabatan tersebut mempunyai seramai 454 kakitangan di 21 buah cawangan di seluruh Malaysia Tuan Yang di-Pertua

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sekarang kita nampak ramai orang senang menggunakan kad kredit, tetapi kadang-kadang dia tidak difahamkan faedah hutang yang sangat tinggi dan saya difahamkan ada ramai orang yang ada jumlah kad kredit kadang-kadang lima kad, kadang-kadang enam kad dan ada juga orang yang ada banyak kad pinjam wang dari satu kad dan bayar hutang untuk lain kad, dan apakah langkah yang kementerian boleh ambil untuk menghentikan sikap yang buruk ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang berlaku begitu Tuan Yang di-Pertua oleh kerana kad kredit ini diperolehi dengan mudah sekali, mereka tidak sedar bahawa faedahnya cukup tinggi 18 peratus setahun iaitu kira-kira 1.5 peratus sebulan dan memang kita ketahui bahawa ramai orang yang mempunyai kad yang lebih daripada satu, dua dan kadang-kadang lima memang saya akuilah. Setakat ini belum ada kawalan lagi tentang jumlah kad kredit Yang Berhormat boleh diperolehi oleh setiap individu, tetapi dalam usaha ini pihak bank negara memang saya sebut tadi bahawa ada garis panduan, ada nasihat dan sepatutnya kad kredit ini digunakan untuk kemudahan membayar secara elektronik bukan secara kredit yang mudah dan oleh kerana seperti yang kita tahu faedahnya terlalu tinggi, maknanya kena ada satu pendidikan berkenaan dengan pengguna-pengguna kad kredit ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penjelasan daripada Setiausaha Parlimen begitu terperinci, cuma daripada saya tidakkah kerajaan berhasrat untuk mengubah sedikit peraturan yang sedia ada pertama, termasuk *service* caj yang dikenakan kepada setiap kredit kad terlalu tinggi.

Kedua, 18 peratus lebih ini pun terlalu tinggi, ini disebabkan cuma mungkin tidak begitu perasaan sebab dia satu bulan lebih kurang 1.5 atau 8 peratus. Jadi, ini

kalau dikumpul pada purata tahunan begitu membebankan pihak pengguna, sebab itulah setiap tahun statistik menunjukkan ramai di antara pemegang kad ini yang muflis.

Ketiga, kita juga melihat promosi kad-kad percuma ini di lapangan terbang pun ada dan sebagainya seolah-olah dia diberi kemudahan yang sebaik mungkin, jadi persoalannya di mana kawalan yang dikatakan oleh menteri mengenai pemberian kad-kad kredit ini, saya tengok tidak ada kawalan mangkin mempermudah lagi, dan ini bermakna penggalakan kepada masyarakat Malaysia untuk menjadi muflis, untuk berhutang.

Satu masalah besar lagi iaitu kawalan bagaimana kad ini tidak boleh diklon terutama sekali di Jakarta, di Hong Kong ini dua negara selalu mengklon kad-kad daripada negara kita dan ini membebankan pemegang-pemegang kad, apa langkah-langkah kerajaan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang faedah maksimum yang boleh dikenakan oleh pihak bank 18 peratus. Jadi, tiap-tiap bank memang mereka mengenakan peratusan yang maksimum 18 peratus. Jadi, kalau bank nak kurangkan faedah ini memang mereka digalakkan. Jadi, setakat ini maksimum memang 18 peratus.

Tuan Yang di-Pertua tentang kawalan, setakat ini belum ada lagi peraturan yang terperinci tentang kawalan, tentang pengeluaran kad kredit ini bank negara sedang mengkaji tentang implikasinya kalau kita dihadkan jumlah kad dikeluarkan ataupun kesan-kesan yang lain, oleh kerana kita tahu bahawa kad kredit ini digunakan dengan secara meluas dalam negeri dan luar negeri dan tiap-tiap tahun dalam lingkungan 36 bilion bayaran dibayar melalui kad kredit, jadi satu angka yang banyak dan satu kemudahan kepada orang ramai, jadi apa juga peraturan yang dibuat hendaklah kita ambil kira semua kesan atas kehidupan rakyat kita ataupun pihak-pihak lain.

Tentang klon Tuan Yang di-Pertua memang sekarang sudah ada, kalau kita lihat kad kredit yang baru ini sudah ada mikrochip di situ dan ini salah satu cara untuk mencegah daripada klon kad kredit Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimana pihak kementerian mengenal pasti waris Skim Pampasan Pekerja (SPPA) serta waris yang terbabit benar-benar mendapat pampasan tersebut.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan ahli waris si mati mendapat wang pampasan, Kementerian Sumber Manusia melalui kedutaan asing berkenaan akan mendapatkan daripada pihak yang bertanggungjawab terhadap hal-hal pampasan pekerja di negara asal. Keterangan untuk menentukan ahli waris si mati serta ratusan agihan bagi setiap ahli waris tersebut. Di samping itu mereka juga dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen seperti salinan sah kad tanda penduduk setiap ahli waris, sijil kahwin, sijil kelahiran anak-anak, surat yang berkaitan untuk membuktikan pertalian dengan si mati resit-resit atau keterangan kiriman wang yang dihantar oleh si mati jika ada. Semua pembayaran wang pampasan dibuat dalam bentuk bank draf atas nama waris dan akan dihantar kepada kedutaan untuk dibayar kepada waris di negara asal. Waris dikehendaki mengesahkan penerimaan bayaran pampasan dengan menandatangani akaun penerimaan yang disaksikan oleh seorang majistret atau pesuruhjaya buruh di negara asal dan pengakuan tersebut hendaklah dikembalikan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, soalan tambahan saya sejak semenjak skim SPPA ini diperkenalkan di negara kita, sesuatu yang amat baik bagi melindungi pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara kita. Berapa jumlah wang yang telah dikeluarkan itu satu. Yang kedua, berapa lama proses ini daripada kematian atau kemalangan itu sehingga mangsa ataupun waris dia dapat faedah itu daripada SPPA ini satu, satu lagi pertanyaan, ini yang selalu ditanya boleh tak dinyatakan jenis-jenis faedah yang dibayar kepada pekerja asing di bawah SPPA, satu yang mendapat kemalangan semasa bekerja yang kedua, pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan di luar masa bekerja, boleh tak Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan ke atas pertanyaan yang begini mudahlah sebenarnya. *[Ketawa]* Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading ini. Berkenaan dengan jumlah pampasan yang dibayar memang sejak ia

diperkenalkan skim, pampasan yang dibayar kita ada rekodkan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2002 jumlah pampasan ialah RM6.6 juta ke atas kes kemalangan maut 207 orang dan bukan maut lebih kurang 5,400 kes ini.

Pada tahun 2003 jumlah pampasan ialah RM5.5 juta sedangkan pada tahun 2004 jumlah pampasan ialah RM4.4 juta. Berkaitan dengan proses untuk mendapat bayaran pada dasarnya syarat Kementerian Sumber Manusia ialah semua bayaran tersebut dibuat dalam masa enam bulan, namun demikian memang ada kes-kes tertentu di mana kita tidak boleh dapat data-data berkaitan dengan waris itu dan kes tersebut kita akan siasat dan ambil sedikit masa lagi.

Tentang bayaran untuk pekerja yang ditimpa kemalangan maut kita bayar RM25 ribu ringgit dan mereka yang menghadapi hilang upaya sepenuh yang kekal RM23 ribu dan pada kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja, ini kalau maut (mati) atau hilang upaya sepenuhnya kita bayar RM23 ribu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, terutama saya nak tahu dari Menteri berapakah kadar premium yang dibayar oleh pekerja-pekerja asing ke atas skim ini dan tadi Yang Berhormat mengatakan orang mati dapat pampasan, adakah jenazah ataupun mayat mereka kita hantar balik ini dibayar, begitu juga orang-orang yang kurang upaya yang mendapat kemalangan apabila kita hendak hantar depa balik, adakah mereka juga mendapat bayaran pampasan, saya minta penjelasan. Kemudian Yang Berhormat lupa soalan tulis kepada saya berkenaan kursus kementerian Berhormat sampai hari ini saya tidak dapat lagi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: *[Ketawa]* Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Terima kasih. Berkaitan dengan premium ini kita caj premium ini hanya sedikit sahaja iaitu RM72 setahun. Sedikit sahajalah. Dan berkaitan dengan perbelanjaan yang dikenakan untuk menghantar balik mayat atau pekerja yang mengalami hilang upaya, di bawah skim ini kita bayar RM4,000.

Saya berjanji kursus itu akan diberi dalam tempoh tiga hari. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan status pelaksanaan 125 cadangan Laporan Suruhanjaya Diraja demi memperkasakan operasi dan pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] bertarikh 20 Jun 2005; Yang Berhormat Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] bertarikh 21 Jun 2005, dan Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor] bertarikh 22 Jun 2005 kerana ia mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia telah diangkat sembah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 26 April 2005 di Istana Negara dan pihak kerajaan juga telah bersetuju untuk menjadikan laporan ini sebagai dokumen awam pada 16 Mei 2005.

Laporan Suruhanjaya Diraja ini telah diterima baik oleh semua lapisan masyarakat dan kerajaan secara dasarnya bersetuju secara komited untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja berdasarkan kepada keutamaan, kesesuaian dan juga kemampuan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun mempengerusikan satu Jawatankuasa Kerja yang dianggotai oleh Menteri Kerja Raya, Menteri Kewangan Kedua, dua orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tujuan utama penubuhan Jawatankuasa Kerja ini ialah untuk merealisasikan hasrat kerajaan bagi melaksanakan cadangan penambahbaikan tersebut berdasarkan keutamaan dan kesesuaian di dalam usaha menjadikan pasukan PDRM suatu agensi penguat kuasa yang berwibawa dan cemerlang.

Pelaksanaan cadangan penambahbaikan PDRM ini akan dilakukan secara tiga peringkat seperti berikut:

- (i) pelaksanaan segera iaitu dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun;
- (ii) pelaksanaan yang memerlukan jangka masa sederhana dalam tempoh satu hingga dua tahun; dan
- (iii) pelaksanaan yang memerlukan jangka masa panjang dua tahun sehingga lima tahun.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan penambahbaikan ini hendaklah berdasarkan kepada keutamaan, kesesuaian dan kemampuan pihak kerajaan dari segi kewangan dan juga penelitian aspek perundangan. Manakala tempoh pelaksanaan cadangan penambahbaikan yang dibahagikan kepada tiga peringkat ini adalah bukan menunjukkan tempoh bermulanya pelaksanaan penambahbaikan tersebut tetapi sebenarnya ia bermaksud hasil daripada usaha penambahbaikan telah dapat dilihat dan terbukti.

Semua tindakan susulan berkaitan pelaksanaan penambahbaikan ini perlu dimulakan dengan serentak dan seberapa segera yang mungkin. Di samping itu, lima Jawatankuasa Kecil diwujudkan pula bagi mengkaji secara lebih mendalam dan teliti cadangan penambahbaikan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan juga pengurusan PDRM.

Lima Jawatankuasa Kecil ini akan memperakukan hasil penelitian dan juga kajian tersebut kepada Jawatankuasa Kerja untuk pertimbangan dan kelulusan sewajarnya. Jawatankuasa Kecil adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kecil Pengurusan Sumber Manusia dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- (ii) Jawatankuasa Kecil Logistik dan Kewangan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- (iii) Jawatankuasa Kecil Premis dan Bangunan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- (iv) Jawatankuasa Kecil Etika Kerja dan Pemodenan Pengurusan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAMPU; dan

- (v) Jawatankuasa Kecil Undang-undang dan Peraturan dipengerusikan oleh Peguam Negara.

Komitmen kerajaan dalam usaha menambahbaikkan PDRM ini adalah jelas dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat mengambil berat tentang pelaksanaan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya tersebut. Ini terbukti dengan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan kelulusan peruntukan kewangan sejumlah RM2.5 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan PDRM yang baru di mana ia akan melibatkan pembinaan pejabat, balai polis dan juga 25,000 unit rumah bagi pegawai dan juga anggota PDRM di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap bahawa bumbung tidak bocor dan persidangan tergendala sungguhpun sudah berbelanja RM99 juta untuk mengubahsuai.

Sebenarnya persidangan hari ini patut dimulakan dengan satu laporan apa yang telah berlaku dalam peristiwa itu. Kita mahu tahu. Saya sangat kesal. Tuan Yang di-Pertua, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak ada di sini untuk menjawab soalan ini. Pagi dia ada di sini untuk Pre-Council. Apa lebih mustahak, Parlimen atau Pre-Council? Kenapa dia tak boleh di sini? Ini lebih mustahak! *[Disorak]* Patut satu contoh yang baik diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat lebih peka dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu protes kenapa Laporan Polis Suruhanjaya Diraja Polis belum dibentang untuk Ahli-ahli Parlimen? Laporan polis belum diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, tidak ada di *internet*. Mana itu *interim report* yang dijamin itu? Bagaimana kita boleh soal dan bahaskan perkara ini?

Saya masuk dalam mukadimah sahaja. Saya masuk soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa adalah satu *task force* di tiga peringkat pelaksanaan, 150 perakuan-perakuan (*police recommendation*) ini dalam tiga peringkat iaitu enam bulan, satu hingga dua bulan di peringkat sederhana dan peringkat jangka masa dua hingga lima tahun. Tetapi ini bukannya bercanggah dengan perakuan-perakuan Suruhanjaya oleh kerana Suruhanjaya ada buat *recommendation* 40%

daripada 125 *recommendations* atau 48 *recommendations* dilaksanakan dalam masa enam bulan dan 99 *recommendations* dilaksanakan dalam satu tahun?

Ini menunjukkan bahawa sungguhpun kata menerima tetapi tidak menerima maknanya. Bolehkah kita satu komitmen yang tegas sama *recommendations* semua akan diterima khasnya mengenai IPCMC? Adakah kerajaan komited untuk menubuhkan *an independent Police Complaints and Misconduct Commission* oleh kerana sampai sekarang belum ada apa-apa pendirian dalam perkara ini? Dan bolehkah satu perbahasan diadakan di dalam Parlimen ini supaya perkara ini diberikan perhatian yang serius dan sewajarnya dalam perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Dia mula-mula in dia merapu lebih sedikitlah.

Yang Berhormat, kita Kerajaan Barisan Nasional bukan macam pembangkang, bercakap lebih tetapi kerja tidak buat pun. Saya telah nyatakan tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pun mempengerusikan suatu mesyuarat. Kita telah pun menyusun suatu strategi untuk kita mengambil tindakan.

Apa guna kalau hanya bercakap seperti pembangkang tetapi tindakan tidak diambil? Dengan usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga peruntukan telah pun diumumkan, ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk melaksanakan segala pandangan dan juga cadangan yang diberi oleh pihak Suruhanjaya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tunggulah! Inilah pembangkang tak sabar. Patutlah tidak boleh jadi Setiausaha Agung sebab tidak sabar. Kepong elok ambil alih. Sabarlah!

Yang kedua, Yang Berhormat ini masih lagi menyanyi lagu lama. Hendak cerita apa fasal *interim report*? Buku sudah dijual kepada *public*, lebih daripada apa Yang Berhormat minta. Dahulu Yang Berhormat minta hanya bentang dalam Parlimen. Kita lebih telus bukan sahaja dalam Parlimen, boleh jual. Yang Berhormat sudah beli atau belum?. Kalau belum saya boleh bagi satu *copy*, ada pada saya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak *interim report* tidak perlu, Tuan Yang di-Pertua. Segala ini sudah ada di dalam ini [*Menunjuk naskhah yang berkenaan*] Apa cerita-cerita yang lama? Sudah ada bagi yang penuh laporan, hendak yang *interim report*. Apa standard Ketua Pembangkang macam ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan-aduan dan cadangan-cadangan, saya telah nyatakan tadi bahawa kita tengok kesesuaian. Kita ada jangka pendek banyak. Yang kita buat jangka pendek, jangka sederhana dan juga jangka panjang. Memanglah cadangan. Cadangan ini memang baik-baik belaka tetapi kita hendak melaksanakan kita kena lihat kesesuaian kita, kemampuan kita dan juga kewangan kita. Sebab itu kita telah susunkan tiga peringkat ini.

Untuk jangka masa pendek memang saya ingat hampir 40% daripada cadangan itu kita akan laksana dalam jangka masa yang pendek. Dalam jangka masa yang panjang seperti kalau Yang Berhormat... untuk macam mana kata? Untuk menubuhkan bahagian kanak-kanak dan sebagainya sebagai bangunan dan sebagainya ini kita memang ada perangkaan ita. Kita akan susun. Mengenai satu Jawatankuasa ataupun Suruhanjaya Khas, ini sedang dikaji.

Sebab kita katakan satu jawatankuasa mengenai peraturan dan undang-undang yang dipengerusikan oleh Peguam Negara sendiri telah pun ditubuhkan dan Jawatankuasa ini nanti akan membuat, akan mengkaji, akan mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Induk ini untuk kita memikirkan sesuai ataupun tidak. Tidak semestinya kita akan terima semua, tidak semestinya kita akan tolak semua. Saya percaya dengan lima jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah nyatakan tadi. Kita sudah menubuhkan lima jawatankuasa. Lima jawatankuasa ini salah satu daripadanya ialah Jawatankuasa Kajian Peraturan Undang-undang yang diminta untuk mengkaji Suruhanjaya ini iaitu suruhanjaya Yang Berhormat nyatakan tadi. Kita akan menunggu laporan daripada jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Peguam Negara.

Kita tidak boleh membuat pengumuman secara serta-merta sebab ini suatu peraturan yang baru. Nanti kalau kita buat secara mengejut kalau kita lihat benda ini

mungkin tidak perlu, takkan kita hendak ubah balik. Saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang kena sabar dan kita telah pun telus dalam tindakan kita. Kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan dalam Parlimen tidak ada masalah. Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam Parlimen, buat usul atau pun nanti kita dalam Ucapan Dasar dalam Bajet, Yang Berhormat boleh cakap. Tidak ada halangan!

Ini bukannya rahsia kerajaan, kita sudah jual kepada publik. Yang Berhormat boleh ambil tindakan. Yang Berhormat boleh buat usul tidak jadi masalah. Takkan tak faham jadi Ketua Pembangkang sudah berapa tahun dah, prosedur di dalam Parlimen? Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu dalam laporan yang sama wujudnya satu aduan yang mana telah pun direkodkan oleh Suruhanjaya ini iaitu aduan daripada orang ramai menyatakan wujudnya rasuah dalam PDRM dan wujudnya juga seorang pegawai kanan PDRM yang mana dipercayai mempunyai harta peribadi lebih kurang RM7 juta. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sama ada siasatan telah pun dibuat untuk mengenal pasti kebenaran aduan itu dan jika ada, apakah keputusan siasatan itu dan apakah tindakan yang telah diambil? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Mengenai aduan rasuah ini, kalau kita laporan yang kita terima 98 kes rasuah. Salah satunya seperti Yang Berhormat bangkitkan dan telah pun dinyatakan bahawa pihak PDRM dan juga pihak kementerian tidak menghalang untuk BPR menyiasat kes ini. Lebih telus kalau BPR sendiri yang menyiasat kes yang telah dibangkitkan daripada polis menyiasat sendiri, mungkin nanti akan berbagai-bagai tohmahan ditimbulkan. Bukan sahaja kes yang satu ini, malah 98 kes yang dikemukakan kalau BPR hendak siasat, kita tidak ada apa-apa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kena nyatakan juga di sini bahawa aduan yang diterima keseluruhannya adalah 1,242 aduan - 98 adalah kes rasuah. Tetapi malangnya yang banyak yang dibangkitkan ialah kes-kes rasuah sehinggakan memberi gambaran negatif kepada pasukan polis sehinggakan saya difahamkan ada pasukan polis merasa lemah dan kecewa untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan, kita harus menghargai jasa polis. Saya ambil satu contoh. Pada tahun 2003, sebanyak 156,315 kes jenayah. Daripada 156,000 ini kita telah menyelesaikan kes ini sebanyak 72,904. Ini bermakna kita telah berjaya menyelesaikan kes ini sebanyak 46.6%.

Pada tahun 2004, sebanyak 156,445 indeks jenayah. Daripada angka tersebut, kita telah dapat menyelesaikan sebanyak 72,940. Ini menunjukkan hampir 46% kes-kes yang dilaporkan telah selesai. Dan daripada laporan INTERPOL sepatutnya standard penyiasatan kes ini hanya 20%. Tetapi polis kita berjaya menyelesaikan sehingga 46%. Kalau kes yang diselesaikan sebanyak 72,000 lebih kalau dibandingkan dengan 1,200 aduan, saya ingat begitu kecil nisbahnya.

Begitu juga di Bahagian Narkotik, kita lihat pada tahun 2004 hanya kita berjaya memberi kewangan kepada kerajaan apabila harta benda penagihan dadah kita rampas sebanyak RM711,300, tetapi pada tahun ini sahaja daripada Januari hingga April 2005 kita telah merampas dan memberikan kewangan kepada negara sebanyak RM8,012,519.00. Ini jelas menunjukkan bahawa polis kita telah berjaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik dan berjaya menjaga keamanan dan keselamatan dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, *a point of privilege* - 26(1)(b) mengenai *privilege*. Pada hari ini di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ada soalan di No. 47 mengenai Laporan Suruhanjaya Diraja bagi seorang pegawai polis yang mengisytiharkan harta benda bernilai RM34 juta dan pada hari ini muka depan akhbar *New Straits Time* nampaknya ada satu jawapan *anticipate* kepada soalan Parlimen. Ini adalah *unparliamentary*. Sama ada benar atau tidak benar jawapan sepatutnya diberi dalam Parlimen ini mengenai kedudukan *RM34 million cop* dan bukannya di dalam akhbar. Bolehkah kita dapatkan satu.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang: Ini *abuse of privilege*! Ahli Parlimen tidak tahu *privilege*! Ini adalah antara perkara di Parlimen iaitu *privilege*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Menyampuk] Ini buang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apa? Itu sia-sia sahaja. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh ambil perhatian bahawa soalan-soalan yang dikemukakan pada hari ini sepatutnya forumnya di sini bukannya melalui surat khabar yang tidak diketahui sama benar atau tidak. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan mengenai perkara ini - *RM34 million dot cop*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak ada kaitannya.

Tuan Lim Kit Siang: *On a point of privilege not on your answer.*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita sudah beri jawapan ini, kita

Tuan Lim Kit Siang: *On a point of privilege*, soalan yang ada dikemukakan sepatutnya dijawab dalam Dewan dan bukannya dalam surat khabar. Dalam perkara ini tidak diketahui benar atau tidak pun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: *Nothing to do with you -*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mencadangkan sebelum soalan Parlimen dikeluarkan kita mesti bagi kepada media untuk mereka tengok yang mana mereka boleh siarkan ataupun tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan. Kita tahulah!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa ini cadangan 'budak-budak' ni!

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu ada *anticipation - anticipation* jawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini cadangan, kita punya urusan Parlimen jangan campur dengan surat khabarlah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu ikut tradisi konvensi di dunia.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Soalan sudah dikemukakan, jawablah dalam Dewan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ambil perhatian! Soalan daripada Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

5. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah penyangak-penyangak diesel yang telah ditangkap oleh penguat kuasa kementerian dan berapakah telah dihadapkan ke mahkamah oleh pihak kementerian dan apakah jenis hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah pada hari ini, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa pada 27 Jun, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 28 Jun, Yang Berhormat bagi Sekijang dan Yang Berhormat bagi Bakri pada 4 Julai, Yang Berhormat bagi Jerlun pada 5 Julai dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada 7 Julai kerana semuanya menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil langkah tegas terhadap pihak-pihak yang telah terlibat dalam penyelewengan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi. Bagi tempoh Januari 2005 hingga 15 Jun 2005, sejumlah 391 kes telah diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 terhadap penyangak-penyangak yang terlibat dalam penyelewengan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi, dan pecahan bilangan mengikut bulan adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Kes
Januari	62
Februari	71
Mac	78
April	102
Mei	75
Sehingga 15 Jun	3
JUMLAH	391

Pihak-pihak yang terlibat telah didakwa di mahkamah ataupun dikenakan kompaun. Sehingga 15 Jun 2005, satu kes telah didakwa di mana peniaga berkenaan telah pun dikenakan denda sebanyak RM2,000, manakala 211 kes lain yang dikompaun dengan nilai kompaun keseluruhan berjumlah RM647,160. Sebanyak 179 kes lagi masih dalam siasatan. Antara pihak yang telah dikenakan tindakan itu ialah pemilik-pemilik stesen minyak, pemborong, orang perseorangan rakyat negara jiran yang cuba membawa keluar diesel secara haram dari negara ini.

Turut diambil tindakan ialah pemilik-pemilik kenderaan seperti lori mereka yang telah diubahsuai kapasiti tangki minyak. Kes seperti ini telah pun dirujuk untuk tindakan lanjut pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Setakat ini belum ada lagi sindiket khusus yang dikenal pasti untuk diambil tindakan oleh kementerian.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, isu bekalan diesel telah pun dijelaskan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri dalam sesi Dewan Rakyat yang lalu. Kerajaan sekali lagi ingin mengatakan bahawa isu menambah bekalan diesel dalam negara ini tidak timbul kerana bekalan sentiasa mencukupi. Apa yang sebenarnya berlaku ialah bekalan ini telah diselewengkan oleh sektor peruncit stesen minyak kepada sektor yang tidak berhak menikmati kemudahan diesel bersubsidi.

Oleh sebab itu kementerian telah mempertingkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan dalam membanteras kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi dan mewujudkan pasukan petugas yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Polis, Kastam, Unit Pencegah Penyeludupan, Badan Pencegah Rasuah serta Jabatan Pengangkutan Jalan.

Kementerian akan terus menjalankan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Tindakan-tindakan ini juga meliputi pemeriksaan berasaskan rekod pembelian ke atas kilang-kilang pembuatan dan penggunaan industri yang menentukan mereka mendapat bekalan daripada sumber yang asal dan mereka mempunyai surat kuasa bagi menyimpan diesel.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpandangan memang perlu satu dasar perbekalan diesel yang berkesan. Dalam hubungan ini sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang merangka satu mekanisme yang baru yang lebih berkesan bagi menangani isu diesel

ini. Namun demikian kerajaan ingin menyeru kepada semua pihak supaya memberi maklumat yang tepat kepada kementerian yang ada melalui telefon bebas tol ataupun menyampaikan kepada semua cawangan ataupun pejabat penguat kuasa di seluruh negara. Jika diketahui pihak-pihak yang berkaitan dalam kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi, kementerian telah membuat keputusan akan memberi sugu hati yang berpatutan kepada pemberi maklumat yang tepat dan kerajaan memberi jaminan identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Huan Cheng Guan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Ekoran daripada kegiatan penyangak-penyangak diesel, krisis tersebut memang hampir melumpuhkan seluruh negara pada dua tiga bulan yang lepas.

Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa bekalan diesel sentiasa mencukupi, soalan saya ialah apakah kementerian dapat memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa krisis tersebut tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi saya akui bahawa pada awalnya nampak ada sedikit kelemahan dari segi penyampaian arahan ataupun maklumat syarikat minyak kepada stesen-stesen minyak. Tindakan awal itu merupakan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah ini. Seperti yang saya sebutkan tadi, untuk menyelesaikan masalah ini bagi tempoh jangka panjang, satu jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang merangka satu kaedah ataupun mekanisme baru yang lebih berkesan untuk mengatasi isu diesel ini. Kementerian akan memastikan bahawa masalah-masalah yang berlaku pada bulan April itu tidak akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 27 April, saya membawa usul tergepar dalam Dewan ini mengenai diesel. Waktu itu seluruh negara menghadapi krisis diesel dan apabila usul ini dibincangkan dalam Parlimen ini, Menteri yang berkenaan menjawab bahawa kerajaan akan memastikan isu ini akan diselesaikan dengan segera. Waktu itu bas ekspres, lori-lori *tanker* berbatu-batu berbaris untuk mendapatkan diesel.

Kita tamat bersidang pada 28 April. Pada 4 Mei harga diesel dinaikkan 20 sen. Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, apabila harga naik hilang masalah. Lori-lori tidak lagi beratur, bas ekspres boleh berjalan dengan baik dan pengguna tidak ada masalah. Adakah ini bermakna dengan naik 20 sen selesai masalah? Adakah ini cara terbaik untuk menghadapi isu diesel ini?

Jadi, saya minta seperti yang saya sebutkan dalam Dewan ini dan usul tergepar adakah ini konspirasi? Adakah penyangak-penyangak ini dibawa ke mahkamah, di hukum tetapi rakyat tidak tahu siapakah penyangak? Harga diesel naik 20 sen, selesailah masalah sampai kepada hari ini. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, menaikkan harga diesel dan harga minyak cuma salah satu cara kita supaya perbezaan harga yang begitu jauh itu dapat kita rapatkan sedikit. Pendapat sama ada dengan menaikkan harga minyak ini akan terus menghapuskan semua kegiatan penyelewengan ini, saya berpendapat bahawa harga merupakan faktor utama yang menyebabkan masalah ini. Selain daripada itu satu mekanisme baru yang dapat kita selesaikan perkara ini juga merupakan perkara yang penting. Sama-samalah kita mengatasi masalah ini.

Saya juga berharap semua pihak termasuk Yang Berhormat sendiri dapat membantu untuk memberikan pandangan ataupun cara-cara yang lebih berkesan supaya kita dapat mengumpulkan semua maklumat ini dan membuat satu keputusan yang cukup berkesan. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai kontroversi rencana sebuah majalah antarabangsa yang mendakwa tentera di penjara Amerika Syarikat di Teluk Guantanamo, Cuba, mengemam Al Quran ke dalam tandas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab empat soalan, masing-masing yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman pada pagi ini, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pada 22 Jun, Yang Berhormat bagi Pensiangan pada 6 Julai dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pada 12 Julai 2005. Ini adalah kerana keempat-empat soalan itu serupa dan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengutuk sekeras-kerasnya tindakan keji yang dilakukan oleh tentera Amerika yang terbabit dan mendesak negara itu menubuhkan satu badan penyiasat bebas untuk menyiasat dakwaan tersebut. Malaysia menggesa Amerika Syarikat supaya tidak berlembut dan menghadapkan anggota tenteranya yang terlibat ke muka pengadilan untuk dibicarakan dan diberi hukuman yang sewajarnya.

Perbuatan tersebut secara terang-terang menunjukkan kebencian segelintir tentera Amerika Syarikat terhadap agama Islam. Pada masa yang sama insiden ini juga menimbulkan kesangsian mengenai bentuk arahan yang dikeluarkan kepada tentera Amerika berhubung dengan nilai dan toleransi agama.

Kementerian Luar Negeri Malaysia telah memanggil Timbalan Ketua Perwakilan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur untuk menyampaikan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap cara Amerika Syarikat menangani isu penghinaan ini terhadap kitab suci Al-Quran. Beliau telah dimaklumkan bahawa Malaysia memandang berat terhadap dakwaan-dakwaan mengenai penghinaan Al-Quran di Teluk Guantanamo dan mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan tersebut. Wakil Kedutaan Besar Amerika Syarikat juga diberitahu bahawa tindakan anggota tentera Amerika Syarikat itu adalah satu perlakuan yang langsung tidak boleh diterima oleh Malaysia.

Seterusnya Kementerian Luar Negeri telah menggesa Amerika Syarikat untuk menghukum mereka yang terlibat di samping memastikan perkara seperti ini tidak berulang di masa hadapan demi untuk menjaga hubungan baik di antara negara-negara Islam dengan bukan Islam.

Akhirnya Setiausaha Agong OIC bagi pihak OIC juga telah menghantar surat bantahan mengenai perkara tersebut kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat. Beliau menyatakan rasa kecewa di atas insiden yang telah menaikkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia dan turut mendesak agar Amerika Syarikat segera mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terbabit. Ini adalah penting bagi meredakan kedatangan dan meredakan ketegangan di kalangan negara-negara Islam dan

seterusnya memastikan perbuatan keji ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan, terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita mendengar cerita di penjara Abu Gharib dan kemudiannya cerita Guantanamo ini bukanlah perkara baru. Waktu penjara ini mula dilihat untuk digunakan bagi apa yang disebutkan sebagai tahanan-tahanan daripada Afghanistan dahulu sampai sekarang banyak cerita yang kita dengar, yang pokoknya ia telah memberikan imej moral, Kerajaan Amerika Syarikat yang kononnya sebagai negara yang mempunyai misi moral yang tersendiri sangat-sangat terjejas. Tentera mereka tidak dilihat lagi hanya memerangi keganasan tetapi memerangi Islam, saya difahamkan siasatan dibuat lagi bahkan Senat mereka telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini.

Saya ingin tahu apakah perkembangan siasatan ini dan apakah hasilnya, dan apakah Kerajaan Malaysia selaku Pengerusi OIC berpuas hati dengan siasatan dan tindakan-tindakan yang telah dibuat berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang lepas, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman kerana mengemukakan soalan tambahan ini, pihak tentera Amerika telah mengadakan dengan izin, *military enquiry* dan telah mengeluarkan laporan pada hb Jun yang lepas, yang telah mengesahkan sebanyak lima kes dengan izin, *mishandling* Al-Quran di pengkalan tentera Amerika Syarikat di Guantanamo. Ianya mengakui ada askar-askar mereka yang secara sengaja atau secara tidak sengaja telah menendang, memijak Al-Quran dan juga menyebabkan Al-Quran telah basah terkena air dan secara tidak sengaja terpercik air kencing kepada Al-Quran.

Komander Brigedier Jeneral Jay W. Hood telah menyiapkan penyiasatan selama tiga minggu dan telah mengesahkan dengan izin, kes *mishandling* Al-Quran ini secara sengaja atau tidak sengaja oleh tentera Amerika Syarikat, daripada 15 kes yang melibatkan Al-Quran di pusat tahanan tersebut sejak ianya dibuka daripada Januari 2002. Walau bagaimanapun tuduhan kitab suci Al-Quran telah dibuang dan dipam ke atas tandas telah tidak dapat dibuktikan. Kerajaan Malaysia berharap *enquiry* ini dapat dibuat oleh pihak penyiasatan yang bebas dan tidak boleh dibuat oleh pihak tentera

mereka sendiri kerana adalah tidak begitu lojik untuk tentera sendiri membuat satu laporan oleh mereka sendiri dan kesahihannya boleh dipertikaikan, terima kasih.

7. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah status rancangan pelaksanaan 'Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan' yang telah diwarwarkan. Adakah di bawah skim ini rakyat miskin dan luar bandar yang menikmati perkhidmatan kesihatan percuma di bawah sistem sekarang agar terus dilindungi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab secara bersekali pertanyaan ini dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Larut pada 22 Jun 2005, Yang Berhormat Mambong pada 29 Jun 2005 dan Yang Berhormat Tanjong pada 6hb Julai 2005 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin dan menyedari akan perlunya diwujudkan mekanisme pembiayaan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian untuk negara. Lanjutan daripada itu kerajaan menerusi Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan telah melantik pakar perunding untuk mengkaji pelaksanaan pengwujudan mekanisme pembiayaan kesihatan berkenaan. Pengalaman pelbagai negara luar telah dihalusi dan diteliti, selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga telah dan akan terus sentiasa mendapatkan maklum balas dari pelbagai pihak bagi memastikan mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini diterima oleh semua golongan rakyat mampu bertahan lama, fleksibel dan telus sejajar dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Adalah dicadangkan agar mekanisme pembiayaan kesihatan negara tersebut bercirikan dengan konsep insurans kesihatan nasional dengan caruman dibuat berdasarkan sistem komuniti rated di mana kadar dan had caruman adalah sama bagi setiap golongan penduduk. Hanya mereka yang berkemampuan dikehendaki mencarum, selain dari itu kerajaan akan terus memberikan bantuan bagi membiayai golongan miskin, warga tua dan golongan kurang upaya. Justeru itu rakyat miskin yang

berada di dalam dan luar bandar akan dapat terus menikmati perkhidmatan percuma seperti dalam sistem sedia ada sekarang, sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita telah mendengar kajian yang telah dijalankan begitu lama lebih 20 tahun dan sampai hari ini kajian masih terus dijalankan dan banyak pakar perunding yang telah dilantik dan sampai hari ini tidak ada sebarang keputusan. Saya ingin tahu ialah Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan (SIKK) ini adakah akan diswastakan ataupun akan dijalankan oleh kerajaan?

Yang kedua adakah satu lembaga ataupun suruhanjaya akan dibentuk yang mana mewakili berbagai-bagai pihak untuk menjaga kepentingan rakyat?

Tuan Lee Kah Choon: Satu badan akan diwujudkan untuk mengendalikan skim ini jikalau dia diluluskan dan ia tidak akan diswastakan dan ia akan berdasarkan kepada *community risk rated* dan bukan seperti kalau diswastakan dia akan *risk rated*, bermakna *risk rated* itu ada banyak orang yang tidak dapat menyertainya kerana *risk rated* ini selalunya dia berdasarkan keuntungan, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akhiri sesi pertanyaan dan jawapan lisan sekarang.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [28 April 2005]

11.08 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. Kenapa tidak ada rang undang-undang yang baru untuk bacaan yang pertama, dua bulan selepas mesyuarat, adakah kabinet-kabinet atau kamar Peguam Negara tidur? Adakah tidur? *Delivery system* mana itu *new bills*, ini semua *old business*, semua *old business*. Ini tidak membayangkan baik satu kerajaan yang cekap, satu *consultation process* yang bermakna. Saya harap boleh ambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya difahamkan bahawa rang undang-undang baru akan dikemukakan sedikit masa lagi, sila. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyambung dan menjawab perbahasan yang tertangguh pada 28 April 2005, sila.

11.09 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2005 sebagai mengingatkan rang undang-undang ini tujuan mengubah undang-undang ini ialah satu sahaja, iaitu mengubah satu definisi "nilai" berhubung dengan barangan yang diimport. Definisi "nilai" semasa hanya mengambil kira nilai barangan sahaja.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen teruskan jawapan beliau, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apakah kerugian yang dialami oleh kerajaan oleh kerana bil ini ditunda dua bulan oleh sebab bumbung bocor, apakah kerugian atau ada mendapat faedah, bolehkah kita beri satu *cost benefit? Profit* ataupun *lose*, apa itu?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor, memang sebenarnya cadangan undang-undang dipinda untuk membolehkan Kastam melaksanakan pada bulan Julai, tetapi nampaknya tangguh sedikit tetapi kalau ikut perkiraan daripada Jabatan Kastam ia tidak merugikan apa-apa kerana kita cuma mengubah definisi sahaja dan akan berlaku persamaan lebih kurang dan tidak ada kerugian dari segi kewangan Tuan Yang di-Pertua.

Saya berbalik kepada yang tadi, iaitu tujuan undang-undang ini ialah untuk mengubah definisi "nilai", iaitu nilai semasa hanya mengambil kira nilai barangan sahaja manakala definisi yang dijalankan akan mengambil kira juga amaun duti import Kastam jika ada yang kena dibayar di atas barangan import. Definisi nilai ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Jasin mengatakan bahawa Kastam tidak periksa daging khinzir yang diimport dan yang dicop dengan tanda "Halal" dan Kastam hanya lihat borang Kastam sahaja borang ikrar, tetapi tidak memeriksa barang berkenaan iaitu daging khinzir.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini daging khinzir merupakan barang yang tidak tertakluk kepada duti import. Semua pengimportan daging termasuk daging khinzir memerlukan permit import dari Jabatan Haiwan di bawah Animal Ordinance 1953, Jadual 4, Bahagian satu, Butiran 1, Perintah Kastam Barangan mengenai import 1998. Dengan yang demikian semua jenis daging yang diimport ke negara ini akan diserahkan kepada Jabatan Haiwan untuk pemeriksaan selanjutnya.

Untuk makluman lagi lazimnya jika sekiranya daging berkenaan memerlukan pengesahan dari segi status halal, ia bukannya dicop pada daging atau *containernya*,

tetapi sebaliknya ia akan disertakan dengan sijil Halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang ditauliahkan di negara yang pengeksport.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan tentang bayaran *reward* ataupun hadiah ke atas kejayaan sesuatu kes yang dikesan oleh Pegawai Kastam Pencegah telah dimansuhkan. Dengan demikian moral Pegawai Pencegah telah merosot. Kesimpulannya ialah kes-kes penyeludupan yang dapat dikesan semakin berkurangan dan barang sahaja dapat dirampas sebaliknya orang yang disyaki atau penyeludup dapat melarikan diri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sistem hadiah ataupun *reward* yang diperuntukkan di bawah Seksyen 141 Akta Kastam 1967 seperti petikan di bawah ini tidak dimansuhkan sebenarnya dengan izin;

“Director General may order such reward as he may deem fit to be paid to any officer or other person for services rendered in connection with the detection of cases or smuggling or of offences under this act or in connection with any seizures made under this act”.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian reward kepada Pegawai Kastam Pencegah ditamatkan mulai April tahun 2004, untuk makluman Dewan yang mulia ini mungkin pada peringkat awal ini memberi sedikit reaksi yang tidak menyenangkan. Saya dimaklumkan bahawa Pegawai Kastam Pencegah terus menjalankan tugas pencegahan dan mengambil tindakan ke atas kes-kes penyeludupan, walaupun mereka tidak lagi memberi penganjuran ataupun reward ke atas kejayaan sesuatu kes.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kastam Pencegah dari semua kategori gred perkhidmatan diberi bayaran insentif pencegah sebanyak tiga ratus ringgit sebulan.:

Tuan Yang di-Pertua, jika kes-kes berkurangan bukannya Pegawai Kastam Pencegah tidak menjalankan tugas sebaliknya Jabatan Kastam telah menukar strategi dan penumpuan kepada tindakan pencegahan bagi melumpuhkan sindiket. Ini terbukti dengan pencapaian pungutan hasil oleh Jabatan Kastam bagi tempoh 2 tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2003 kutipan hasil oleh Kastam ialah 20.372 bilion, pada tahun 2004 ialah 21.713 bilion. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, hadiah ataupun reward kepada *informer* ataupun pemberi

maklumat bagi sesuatu kes penyeludupan atau penyelewengan masih diteruskan seperti biasa selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 141, Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin juga semasa menjawab penjelasan oleh Yang Berhormat daripada Kelana Jaya menjelaskan bahawa rokok dan mercun yang dirampas selepas dilucut hak dieksport ke luar negara. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sukacita saya membetulkan kenyataan berkenaan bahawa rokok dan mercun atau bunga api yang telah dilucut hak tidak dieksport semula ke luar negara, sebaliknya barang berkenaan dilupuskan dengan cara seperti berikut, mercun dan bunga api ditanam atau direndam di dalam air mengikut kesesuaian dan rokok akan dimusnahkan ataupun dibakar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Putrajaya inginkan dengan *charge* perkhidmatan yang dikenakan oleh hotel kepada pelanggan berdasarkan *net price* dan kadang-kadang diberikan diskaun, bagaimanakah Jabatan Kastam mengutip cukai sedemikian. Tuan Yang di-Pertua mengikut seksyen 10 (1) Akta Cukai Perkhidmatan 1975, elemen cukai perkhidmatan hendaklah ditunjukkan secara berasingan daripada nilai sewaan bilik kepada invois yang dikeluarkan. Sebaliknya peruntukan peraturan 8 (7)(a) Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 membenarkan lesen ataupun pemilik hotel menggunakan pengiraan *tax inclusive* pada invois bagi membolehkan pemilik hotel menggunakan kaedah *tax inclusive* mereka kenalah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Kastam. Dengan cara ini pihak Jabatan Kastam dapat memantau mana-mana pelesen ataupun pemilik hotel yang dibenarkan menggunakan kaedah ini.

Berhubung dengan pemberian diskaun kepada pelanggan, amalan ini boleh dibenarkan jika sekiranya diskaun tersebut terbuka kepada semua pelanggan. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat daripada Jasin, ini berkenaan dengan kereta peronda kastam dipasang dengan lampu berwarna biru di atas bumbung seperti kereta Polis. Cara ini tidak sesuai kerana penyeludup akan melarikan diri terlebih dahulu lebih awal kerana lampu berkenaan dapat dilihat daripada jauh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Bahagian Pencegahan Jabatan Kastam memiliki dua jenis kenderaan yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Iaitu satu kereta yang dipasang dengan lampu biru

digunakan oleh pasukan peronda kastam bagi membuat tugas rondaan biasa selaras dengan fungsi pencegahan ataupun *prevention*. Yang satu lagi ialah kereta yang digunakan untuk membuat perisikan menggunakan kereta biasa tanpa lampu biru dan tidak dilekatkan dengan sebarang lambang atau simbol pengenalan Jabatan Kastam.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin lagi mengenai kereta rampasan yang dilucut hak dilelong kepada orang ramai tetapi di dalam bentuk lot. Kementerian menjual kereta rampasan yang telah dilucut hak kepada Ahli Parlimen atau pegawai kerajaan dan difahamkan Jabatan Kastam pernah memberi kereta yang dilucut hak kepada sekolah atau rumah kebajikan. Tuan Yang di-Pertua kementerian akan mengkaji peruntukan yang ada dan sekiranya terdapat peruntukan yang membolehkan ianya dijual sebagaimana yang diminta maka pihak kementerian akan menimbangankan jika ada permohonan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Jasin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya tertarik dengan penggunaan kenderaan oleh pihak kastam dari pihak bahagian pencegahan. Tadi Yang Berhormat sebut beberapa perkara kenderaan yang digunakan oleh pihak pencegahan termasuk kenderaan-kenderaan yang ada menggunakan kenderaan biasa dan sebagainya. Saya ingin tahu apakah logiknya pihak bahagian pencegahan kastam ini menggunakan kenderaan yang melambangkan jabatan-jabatan yang lain. Kadang-kadang menggunakan *landrover* digunakan lambang Tenaga Nasional kononnya kenderaan itu untuk membaiki elektrik yang rosak sedangkan mereka itu sedang menunggu penyeludup-penyeludup yang akan melalui jalan tersebut, kadang-kadang menggunakan kenderaan-kenderaan yang lambang-lambang jabatan-jabatan lain lagi sehingga menyebabkan rakyat mengatakan seolah-olah jabatan tersebut terlibat ataupun bekerjasama dengan bahagian penyeludupan Jabatan Kastam, untuk membantu penyeludup-penyeludup tersebut.

Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan apakah logiknya pihak kastam ini menggunakan lambang jabatan-jabatan yang lain yang sebelum pada ini tidak terlibat kerjasama dengan pihak kastam dalam segi penyeludupan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kerja perisikan ini, Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada kebijaksanaan jabatan itu sendiri, Jabatan Kastam. Ini terpulang pada merekalah hendak menggunakan apa juga kenderaan sama ada hendak gunakan lori, hendak gunakan motosikal, hendak berjalan kaki dan sebagainya. Ini cara-cara perisikan jadi kalau orang kenal mereka maka macam saya sebut tadilah kalau dia datang dengan kereta kastam sahaja dengan lampu birunya maka orang akan lari. Sebab itu kastam menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menggunakan berbagai-bagai kaedah untuk mengesan mereka-mereka yang menyeludup ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya kira ini terpulang kepada kebijaksanaan pihak kastam sendirilah menggunakan berbagai kaedah.

Tuan Yang di-Pertua lagi satu, Yang Berhormat bagi Jasin, beliau bertanya kenapa dalam satu kawasan yang sama terdapat kedai makanan, restoran yang mengenakan cukai perkhidmatan dan selang beberapa kedai yang lain pula tidak mengenakan cukai perkhidmatan. Apakah tindakan yang diambil oleh kastam bagi menentukan semua restoran ini membayar cukai perkhidmatan dan apakah tindakan diambil bagi menentukan cukai yang dikutip dibayar kepada kastam?

Tuan Yang di-Pertua bukan semua restoran kena dilesenkan dan membayar cukai perkhidmatan. Mengikut Peraturan 3 Jadual Kedua, bahagian C Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975, mana-mana restoran yang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, baru-baru ini bila saya hendak balik Alor Setar, saya singgah di R&R, saya *order* dua biji kuih pau dan satu Milo-O kosong panas. Apabila saya hendak bayar duit dia minta dekat saya cukai perkhidmatan. Jadi saya tanya dia, resit ada tidak? Dia kata resit tidak ada, duit semua dia bubuh dalam peti duit, dia kata air dalam peti ais, *bottled drinks* tidak dikenakan cukai perkhidmatan, tetapi segala cucur, segala nasi apa yang kita makan di gerai-gerai tersebut di bawah R&R itu semua kena

bayar cukai perkhidmatan. Saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Yang Berhormat, adakah wajar? Kerana pertamanya tak kanlah kita hendak makan itu kita hendak kena bayar resit, kemudian dia tidak beri perkhidmatan.

Di R&R ini kita pergi ambil sendiri, kita makan nasi kandar kita ambil lauk sendiri kita pergi makan di meja, begitu juga kuih pau pun saya ambil sendiri. Jadi saya fikir kalau boleh pihak Kementerian kaji balik kepada restoran-restoran yang besar, restoran-restoran yang tertentu, saya kira wajar tetapi bagi R&R yang kita dok di tepi jalan gerai-gerai ini kita gunakan cukai perkhidmatan kasihan dekat orang-orang ini. Dia mai satu keluarga 6, 7 orang, dah lah harga barang pun dok naik la ini, tahu-tahu kerajaan pergi kutip pula cukai perkhidmatan.

Jadi saya minta pihak Kementerian mempertimbangkan balik kerana saya tidak tahu bagaimana dia kutip. Dan saya hendak tahu Yang Berhormat mungkin benda ini khusus, berapa banyakkah cukai-cukai perkhidmatan yang tidak dibayar oleh kedai-kedai, hotel-hotel yang kutip daripada pelanggan tetapi tidak bayar kepada kastam? Dan adakah pihak kastam akan menswastakan kutipan cukai perkhidmatan supaya syarikat-syarikat boleh tolong kutip bagi pihak kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Saya pun balik kerap kali saya naik kereta juga, beli kuih pau juga tetapi tidak kena *service tax* ini, tidak kena cukai perkhidmatan. Mungkin orang itu tengok Yang Berhormat naik *Mercedes* besar, dia...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, tidak! Saya naik kereta Proton Eksekutif sahaja. Dia kenal Menteri jaga kastam kot, tetapi undang-undang ini baru sangat Yang Berhormat dibuat, hari yang saya pergi itu hari yang kedua. Jadi kalau Yang Berhormat balik Tanjung minggu ini, Yang Berhormat tengoklah, berhentilah. Jadi terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sebenarnya ada jawapannya, saya hendak baca. Ada jawapan. Tuan Yang di-Pertua saya ingat jabatan ini juga kena-mengena dengan apa Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua restoran kena dilesenkan dan membayar cukai perkhidmatan, mengikut Peraturan 3 Jadual Kedua bahagian C Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975, mana-mana restoran yang mana perolehan jualan tahunan –

threshold, ya - melebihi RM500,000,00 setahun kena dilesenkan dan membayar cukai perkhidmatan. Mana-mana restoran yang bernilai perolehan tahunan kurang daripada RM500,000,00 setahun tidak kena dilesenkan dan tidak kena membayar cukai perkhidmatan. Manakala kedai kuih pau itu dia jual RM500,000 ke atas setahun, dia kena caj cukai perkhidmatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Ini, kacang rebus yang berasap jual RM2 pun cukai perkhidmatan ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Mungkin yang ini....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang ini betul Yang Berhormat. Yang Berhormat kena check fasal bagi sayalah Yang Berhormat, tidak relevan. Fasal apa sekarang ini dia tidak bagi resit. Jadi macam mana dia hendak pisahkan antara yang dia kena bayar cukai perkhidmatan dan yang tidak boleh bayar. Kalau dia bagi resit, sekurang-kurangnya dia tahu. Tetapi ini dia tidak ada. Dia semua masuk dalam dia punya cash etc. Jadi, di sini saya minta kalau bolehlah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh minta resit sama dia. Kenapa kedai itu dia tidak bagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak ada resit, dia tidak bagi. Ini, cari makan sikit-sikit punya Tuan Yang di-Pertua, bukan kaya punya. Ini kecil-kecil punya cari makan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Okey. Yang tadi saya akan menjawablah. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, kebolehan jualan tahunan bagi restoran telah diturunkan dari RM500,000 kepada RM300,000 berkuat kuasa pada 1 Januari 2002. Tetapi, ditangguhkan pelaksanaannya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sehingga sekarang ekoran dari kelembapan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam telah melakukan beberapa tindakan bagi m menyedarkan masyarakat supaya membayar cukai melalui kempen-kempen kesedaran. Selain daripada itu, Kastam juga melakukan *street survey* bagi mengesan restoran-restoran yang menjalankan perniagaan tanpa lesen cukai perkhidmatan. Juga Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Apa yang saya pertikaikan ialah pelaksanaan cukai perkhidmatan, kerana kita dapati bahawa sekarang ini Kastam minta orang datang mengaku menyerah diri, bukan Kastam turun ke bawah. Jadi macam orang berniaga, dia tidak akan mengaku yang dia untung. Kalau tengokkan bilangan RM500,000 per tahun bukan besar sangat bagi restoran, sekitar RM40,000 sebulan perolehan, sekitar RM1,200 satu hari jualan. Yang saya kemukakan di kawasan saya, kawasan ikan bakar, rata-rata perniagaan di sana lebih daripada yang itu. Tetapi, mengapa hanya satu, dua orang sahaja yang kena cukai perkhidmatan, yang lain tidak kena? Ini masalah yang berlaku sekarang di peringkat bawahan. Orang yang kena cukai perkhidmatan bermakna caj yang dikenakan kepada pelanggan mesti lebih lagi daripada kawan yang tidak kena.

Jadi, kita hendakkan supaya Kastam turun ke bawah, Kastam sendiri nilai. Ini kerana, pada hari ini kalau hendak mengharap orang yang menjual ataupun restoran ini datang ke hadapan untuk mendaftar sebagai pengutip cukai perkhidmatan ini, saya rasa tidak ada satu per sen yang akan datang. Oleh yang demikian, kalau kerajaan bersungguh-sungguh hendak mengutip cukai perkhidmatan ini, yang saya penuh yakin dan percaya, kalau ini dapat dilaksanakan, insya-Allah, kerajaan akan memperoleh lebih banyak cukai perkhidmatan ini daripada mereka yang harus membayar. Kadang-kadang yang ejen kastam juga saya kemukakan. Ejen kastam yang diwajibkan untuk membayar cukai perkhidmatan pun yang duduk bawah dagu kastam pun ada kalanya mereka tidak pun datang dan kastam tidak buat apa pun. Ini yang masalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya tiap-tiap negeri memang ada unit untuk pergi turun ke bawah, buat *street survey* dan ada cara mereka sendiri. Kalau didapati memang restoran berkenaan kena bayar, kalau ikut *estimate* mereka, memang dia kena bayar, kena kutipan cukai perkhidmatan, maka mereka akan dikenakan. Bukan bermaknanya kastam akan menunggu di pejabat dan tunggu orang lain datang untuk menawarkan diri. Ini sebenarnya tidak berlaku, sebaliknya pihak kastam memang buat rondaan dan buat *street survey* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kastam mempunyai unit pemeriksaan akaun setiap negeri yang membuat auditan ke atas akaun pemegang lesen, cukai perkhidmatan bagi

mengesan sebarang bentuk penyelewengan seperti memungut cukai dari orang ramai tetapi tidak membayar kepada Jabatan Kastam. Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 29E, Akta Cukai Perkhidmatan 25, *“bagi mana-mana pelesen cukai perkhidmatan yang membayar cukai, terkurang dari amaun yang sepatutnya dibayar. Jika disabitkan dengan kesalahan, boleh didenda tidak lebih daripada RM5,000 atau dipenjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya sekali”*. Untuk makluman Dewan yang mulia dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, jika sekiranya merasa curiga sama ada restoran yang mengenakan cukai perkhidmatan itu dilesenkan dengan Jabatan Kastam atau sebaliknya ataupun tidak, Yang Berhormat bolehlah meminta supaya lesen cukai perkhidmatan ditunjukkan.

Menurut Peraturan 6, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975, setiap orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan hendaklah mempamerkan lesen berkenaan di suatu tempat yang selamat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Cuma, saya hendak tahu modus operandinya. Adakah pihak Jabatan Kastam menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di pihak berkuasa tempatan, di majlis-majlis bandar raya, majlis perbandaran ataupun majlis-majlis daerah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci di dalam pelaksanaan proses ataupun mengenal pasti tempat-tempat yang boleh dikenakan cukai perkhidmatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kastam bekerja sendiri tanpa mendapatkan rujukan ataupun tanpa merujuk kepada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, cadangan itu adalah baik dan patut diambil kira oleh pihak kastam iaitu bekerjasama dengan pihak kerajaan-kerajaan tempatan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada apa yang saya sebut tadi bahawa tentang peraturan. Menurut Peraturan 6, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 25,

“setiap orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan hendaklah mempamerkan lesen berkenaan di suatu tempat yang selamat dan mudah dilihat di tempat perniagaannya. Kegagalan mematuhi Peraturan 6 merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 34 akta. Jika disabitkan dengan kesalahan, boleh didenda sebanyak RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya sekali.”

Tuan Yang di-Pertua, tentang rampasan kereta yang diimport dari pembeli sedangkan kereta berkenaan telah pun didaftar oleh JPJ. Ini Tuan Yang di-Pertua mungkin berlaku pemalsuan AP ataupun permit import. Yang keduanya, untuk makluman Dewan yang mulia dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jika ingin hendak membeli kenderaan import, khasnya jika harganya yang ditawarkan terlalu murah, jika dibandingkan dengan harga pasaran biasa, eloklah dibuat rujukan atau semakan dengan pihak JPJ atau meminta dokumen seperti borang Ikrar Kastam dan AP yang dikeluarkan oleh MITI. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kerana Yang Berhormat telah meresponkan kepada masalah mereka yang merampas kenderaan kereta yang dibawa masuk ke negara kita ini, terutama mereka yang pembeli, yang menjadi mangsa kerana ketidakpengetahuan mereka tentang penyelesaian cukai duti eksais import. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat tentang proses ataupun pendekatan yang diguna pakai oleh kastam ke atas duti eksais kereta import yang dibawa masuk ke negara kita ini. Ada yang mendakwa bahawa mereka terpaksa membayar dua kali. Contohnya, apabila ada pegawai yang berkenaan mengenakan penilaian ke atas kereta import yang dibawa masuk dan bila dia bertukar, orang lain pula akan membuat penilaian yang lain.

Bermakna, yang pertama penjual akan menghadapi masalah dengan penilaian yang dibuat oleh pihak kastam, terutama sekali apabila mereka terpaksa menanggung kerugian yang besar. Apatah lagi dengan pembeli yang tidak tahu menahu langsung dengan segala cukai yang telah dibayar oleh pihak penjual kereta berkenaan. Dan ini telah berlaku, jika berterusan perkara ini, ia akan menjejaskan industri, terutama sekali bumiputera yang terlibat dalam mengendalikan penjualan kereta import yang dibawa

masuk ke dalam negara kita ini. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, yang dikatakan dua kali penilaian dibuat oleh pihak kastam.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini kebijaksanaan pengimport-pengimport kereta terpakai ini. Ada juga yang bijak, yang pandai, dia import kereta baru sebagai kereta terpakai. Jadi, maklumat ini pada peringkat awal, memang Kastam mungkin tidak tahu dan dia jual dengan harga yang murah dan import duti dan eksais duti tentulah rendah dibandingkan dengan kereta baru.

Maka pada peringkat awal mungkin maklumat ini tidak dapat dikesan oleh pihak Kastam tetapi apabila dikesan, maka Kastam akan menilai semula kereta yang dibeli tadi di mana kereta yang baru telah pun dijual sebagai kereta terpakai memang dutinya rendah, kereta baru tinggi. Jadi, sebab itu bila Kastam dapat mengetahui bahawa kereta ini adalah kereta baru dan didaftar sebagai kereta terpakai, maka Kastam akan menilai semula. Ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kita kena teliti dalam perkara ini bila hendak membeli kereta.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada dua perkara yang saya bangkitkan tadi, satu tentang penjual kereta, pengedar kereta dan yang kedua yang lebih lagi ialah pembeli kereta. Katakanlah daripada Yang Berhormat bagi Jerai, dia tengah bawa kereta itu, kereta yang dijual oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap sedap dibawa dengan keluarga, tiba-tiba kena tahan dengan Kastam dan kereta itu ken rampas. Dia tidak tahu menahu soal pembayaran cukai.

Tadi Yang Berhormat menyebut tentang kereta terpakai. Ini kereta baru yang dibawa masuk ke dalam negara kita ini juga berlaku. Jadi apakah pendekatan pihak berkenaan untuk menyelesaikan perkara ini supaya syarikat-syarikat bumiputera terutamanya tidak akan gulung tikar dalam memenuhi hasrat kerajaan untuk memberi peluang kepada bumiputera untuk menjalankan perniagaan. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang saya kira rumit juga. Saya tidak boleh memberi jawapan segera pada masa sekarang ini, patut saya rujuk balik kepada pihak Kastam bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan saya ingin mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PENCEMARAN MINYAK) (PINDAAN) 2005

11.39 pagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu rang undang-undang yang bernama Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005. Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994. Civil Liability Convention ataupun CLC 1969 dan Fund Convention 1971 adalah merupakan dua konvensyen antarabangsa yang berperanan mewujudkan satu sistem tuntutan dan pampasan bagi kerosakan akibat pencemaran minyak daripada kapal.

Malaysia telah menyertai kedua-dua konvensyen tersebut dan ianya telah berkuat kuasa di Malaysia pada 6 April 1995 melalui Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994. Dalam pada itu, setelah beroperasi beberapa tahun sistem

di bawah kedua-dua konvensyen didapati tidak lagi memadai dan mempunyai skop pemakaian yang terhad. Oleh itu Pertubuhan Maritim Antarabangsa ataupun IMO telah meminda kedua-dua konvensyen berkenaan pada tahun 1992 dan telah menerima pakai Protokol 1992 (CLC) dan Protokol 1992 (Fund) untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut.

Malaysia telah menyertai Protokol 1992 (CLC) dan Protokol 1992 (Fund) berkenaan pada 7 Jun 2004 di mana kedua-dua Protokol 1992 tersebut akan berkuat kuasa di Malaysia pada 7 Jun 2005. Sejajar dengan itu, Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 perlu dipinda seperti mana Rang Undang-undang Perkapalan (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005 bagi membolehkan pemakaian dan penguatkuasaan kedua-dua Protokol 1992 tersebut di Malaysia.

Rang Undang-undang yang dibentangkan mengandungi 17 fasal. Fasal-fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ialah:

- (a) satu peruntukan mengenai pemakaian akta iaitu Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 hanya terpakai bagi perairan wilayah Malaysia iaitu 12 batu nautika dan Fasal 2C, rang undang-undang memperuntukkan bahawa liputan akta pindaan ini akan terpakai bagi perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia iaitu sejauh 200 batu nautika seperti mana yang diperuntukkan oleh Protokol 1992.
- (b) satu pemakaian kepada kapal-kapal tangki kosong. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 hanya terpakai kepada kapal-kapal tangki yang berisi minyak sahaja. Akta Pindaan yang dicadangkan adalah terpakai bukan sahaja kepada kapal-kapal tangki yang berisi minyak tetapi turut terpakai ke atas kapal-kapal tangki yang kosong ini diperuntukkan di bawah Fasal 2A(vii) Rang Undang-undang
- (c) pampasan dibolehkan berasaskan kemungkinan berlaku pencemaran minyak walaupun tidak ada tumpahan minyak yang sebenarnya. Protokol 1992 membenarkan tuntutan terhadap kos yang terlibat di dalam mengawal pencemaran sebagai keadaan

berjaga-jaga walaupun pada akhirnya tidak ada sebarang tumpahan minyak berlaku. Ini berbeza dengan Akta Ibu di mana tuntutan pampasan hanya boleh dibuat apabila terdapat tumpahan minyak yang sebenar. Fasal yang terbabit ialah Fasal 2A(iii) dan Fasal 2B dan Fasal 2A(vi) Rang Undang-undang.

- (d) Tambahan terhadap had pampasan. Akta Pindaan ini memperuntukkan had pampasan yang boleh dituntut dinaikkan kepada RM4,510,000 *special drawing rights* iaitu RM317 juta bagi kapal-kapal yang tidak melebihi 5,000 tan di bawah Protokol 1992 Civil Liability Convention. Bagi kapal-kapal yang melebihi 5,000 tan, pampasan tambahan yang terlibat ialah 631 *special drawing rights* untuk setiap tan yang melebihi 5,000 tan tersebut. Bagi Protokol 1992 Fund pula, pampasan tambahan ini ialah RM203 juta *special drawings rights* iaitu *equivalent* kepada RM715 juta yang merupakan tiga kali ganda daripada tahap pampasan konvensional Fund 1971 seperti yang termaktub dalam Akta A515.

Pindaan-pindaan ini terdapat di Fasal 4, 5, 10, 11, 12 dan 16 Rang Undang-undang. Pindaan-pindaan lain yang terdapat di dalam rang undang-undang ini ialah Fasal 15 yang membolehkan Menteri Pengangkutan meminda jadual-jadual di dalam akta melalui pemberitahuan di dalam warta. Fasal 16 pula merujuk kepada had pampasan pemilik kapal di bawah protokol 1992 *Civil Liability Convention* sementara Fasal 17 adalah untuk meminda jadual kedua kata untuk memasukkan nama-nama negara yang menjadi ahli kepada kedua-dua protokol 1992.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Perkapalan Saudagar Pencemaran Minyak 1994. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Perkapalan Saudagar Pencemaran Minyak pindaan 2005 ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan wang kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sokong ya?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) tahun 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Mambong.

11.46 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang undang-undang Akta Perkapalan Saudagar Pencemaran Minyak Tahun 1994. Akta ini adalah penting bagi negara kita Malaysia untuk mematuhi sebuah konvensyen iaitu *convention international* yang dinamakan *Marine Pollution*. Konvensyen ini penting kerana pencemaran di lautan seharusnya dikawal dengan rapi. Kepentingan untuk Malaysia MARPOL ini ataupun *Marine Pollution Convention* ini adalah yang berkaitan dengan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Ia amat penting kepada pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan keperluan alam sekitar di negara kita. Namun kepentingan Selat Melaka kepada negara kita adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada Laut China Selatan. Kepentingan tersebut adalah disumbangkan oleh aktiviti perkapalan saudagar.

Selat Melaka adalah selat yang terpanjang di dunia iaitu lebih daripada 800 kilometer panjang. Ia amat penting untuk pelayaran antarabangsa. Laluan perkapalan ini adalah terpenting di dunia khususnya bagi pelayaran daripada Timur Tengah ke Asia Timur. Setiap hari bilangan purata adalah 200 kapal yang menggunakan Selat Melaka ini. Pelayaran melalui Selat Melaka mengurangkan masa tiga hari untuk pelayaran dari Timur Tengah ke Asia Timur. Itulah sebabnya Selat Melaka adalah penting bagi Malaysia.

Coast line bagi negara kita yang berhadapan dengan Selat Melaka ialah 956 kilometer dan ini menyumbang kepada ekonomi-ekonomi negara:

- (i) bidang pertanian, bidang akuakultur dan bidang perikanan - Selat Melaka menyumbangkan kepada 46% daripada panjang kos lain;
- (ii) urbanisasi dan *industrialization* ia menyumbang kepada 16%;

- (iii) pembangunan tanah (*land development*) menyumbang kepada 36% *off coast line* dan *estuarine land*. Itulah sebabnya selat ini adalah penting kepada negara kita Malaysia.

Oleh yang demikian, penjagaan pencemaran Selat Melaka adalah penting. Kalau kita lihat daripada 200 kapal yang menggunakan Selat Melaka setiap hari memang ada kemungkinan *accident* ataupun *oil spill of crude oil cargo* dengan izin. Pengawasan dan pengurusan pencemaran di Selat Melaka hanya dibuat oleh negara kita. Negara kita telah pun melabur sebanyak RM52 juta untuk mewujudkan 256 *navigational aids* di Selat Melaka dengan izin. Ini merangkumi pelampung (*life bouy*)

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *Life bouy.*

Dr. James Dawos Mamit: Ha, *life bouy*. Pelampung yang ada api dan *beacon* juga. Negara kita juga telah melabur sebanyak RM100 juta untuk mewujudkan *vassal traffic management system*. Jadi ini adalah penting sekiranya kita ingin Selat Melaka tidak dicemari. Namun pencemaran berlaku juga kerana sudah banyak kemalangan kapal yang belayar di Selat Melaka dan oleh itu kapal-kapal yang mengalami *accident* sudah tentu membuang minyak di lautan. Apabila minyak dibuang di Selat Melaka, maka tercemarlah Selat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1975 hingga tahun 1997... pada tahun 1975 umpamanya Shuamaru iaitu sebuah kapal Jepun dan, *MV Fortune, Century Dawn*, kapal-kapal ini mengalami kemalangan di Selat Melaka dan mengeluarkan banyak minyak. Kemalangan ini telah pun mengakibatkan *marine pollution* yang sangat teruk dan mengganggu ekologi di dalam Selat Melaka. Kalau pada tahun 50an terdapat banyak ikan dugong di Selat Melaka tetapi kini kita tidak ada lagi. Tidak ada ikan dugong lagi di Selat Melaka, hampir pupus. Ini adalah disebabkan *pollution* minyak.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dr. James Dawos Mamit: Pada tahun ini, menurut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, Kepong. Okey, Kepong sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pada satu atau dua tahun yang lepas kita ada jumpa seekor ikan dugong. Ini menunjukkan masih ada.

Saya tidak mempertahankan orang yang mencemar laut kita. Cuma maklumat yang diberikan tadi mungkin tidak begitu tepat juga.

Kita masih ada ikan dugong yang banyak lagi, cuma hampir pupuslah. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah bukti yang menunjukkan semua ini sudah pupus?

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, saya tidak menyatakan bahawa telah pupus tetapi memang betul kata Yang Berhormat, hampir pupus. Kalau mengikut laporan oleh TAD Cares Studies ini – Melaka, the impact of transportation of wild life in the Melaka Straits. Pada tahun lepas, terjumpa dua ikan dugong mati di Selat Melaka. Itu pun terlekat di....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, ada mengikut jawapan Yang Berhormat bagi Mambong?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia jawab soalan Yang Berhormat. Baik, baik.

Dr. James Dawos Mamit: *[Ketawa]* Itulah, pada tahun lepas, mengikut laporan TAD ini, carilah dalam internet, ada dua ikan dugong yang telah mati, bukan yang hidup, yang telah mati terkena pukut fisherman di Selat Melaka. Itu pun yang mati, bukan yang masih hidup lagi. Ini bermakna, pencemaran di Selat Melaka memang sudah teruk. Kalau kita ikuti penganalisa oleh Unit Analisa Jabatan Alam Sekitar, mereka telah pun mengambil 1,060 sampel air daripada Selat Melaka pada tahun 2004 dan membuat penganalisa. 50.5% sampel-sampel yang dipungut tadi melebihi *interim standard for oil and grease* yang seharusnya berada di dalam air laut. Ini bermakna, sudah jelas Selat Melaka memang sudah tercemar. Itulah sebabnya rang undang-undang ini amat penting kepada negara kita kerana mengikut pindaan MARPOL....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Sekejap lagi ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading, abang saya. Itulah yang mengikut pindaan MARPOL yang baru walaupun pencemaran ini tidak jelas berlaku, negara juga mendapat compositions daripada kapal yang belayar

melalui Selat Melaka. Ini amat penting bagi kita. Itulah sebabnya semua pihak haruslah menyokong akta-akta yang dipinda ini. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat abang kepada Mambong ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau saya abang kepada Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat Datuk apa dia punya takrif? Abang atau adik kepada Sri Gading?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bebas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk bertanding MCA Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan Perhimpunan MCA.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, saya cuma bertanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau Datuk bertanding, saya sokonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun tidak dapat sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong moral Datuk, undi memang tidak boleh sokonglah, kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kita bincang nantilah.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Akta ini Datuk, satu lagi – “kebobrokan” dunia itu. Datuk faham kebobrokan? Itu cakap dalam masyarakat saya. Dalam bahasa, apa ya? Menggambarkan bahawa dunia sentiasa tidak adil dan antaranya yang menjadi mangsa kepada ketidakadilan antarabangsa ialah negara-negara kecil, negara-negara membangun seperti kita dan kerosakan ini dibuat oleh kuasa-kuasa besar, negara-negara kaya. Maka akta ini harus dibuat, konvensyen yang dikeluarkan di peringkat antarabangsa. Saya hendak tanya, tetapi sebelum itu Datuk, dia punya mukadimah, pertanyaan saya kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Jadi, yang punya kapal ini bukan kita. Yang saya katakan tadi, yang kuasa besar, yang kaya-kaya dan merekalah yang melakukan kerosakan dan pencemaran ini, tidak ada orang lain Datuk. Tuan punya kapal dan tuan punya vessel. Kapal ini ialah bangsa-bangsa yang di

Barat kebanyakannya, yang kaya-kaya, yang kuat-kuat dan yang maju-maju dan dialah yang membuat kerosakan dan pencemaran di seluruh dunia termasuk perairan di negara kita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Mambong, dalam Seksyen 11(2) akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “perairan wilayah” dengan perkataan “laut wilayah”. Perairan itu apa? Laut itu apa? Iyalah, laut sudah tentu perairan dan perairan tidak semestinya laut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa tidak tanya soalan ini kepada Timbalan Menteri yang jaga ehwal....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri tidak boleh jawab Datuk, Mambong lebih boleh jawab, biar Mambong jawab Datuk. Mambong menyentuh tentang Selat Melaka. Saya menyokong apa yang diperkatakan oleh Mambong sebagai warganegara yang cinta kepada negara, itu kita sokonglah dan semua orang sokong termasuk Setiausaha Agung PAS yang baru daripada Tumpat, dia akan sokong juga. Dia pun warganegara yang cintakan negara dia. Tidak tahulah Kepong. Kepong pun saya ingat sokong jugalah. Soalnya, bagaimana penguatkuasaan? Selat Melaka bukan juga kepunyaan kita semua, bukan semua kepunyaan kita. Ia ada zon antarabangsa dan pencemaran yang dikatakan oleh Mambong memang benar-benar berlaku sama ada pertembungan, pelanggaran kapal atau kerana memang sengaja dibuat. Kita tahu Datuk, kami di Johor pun biasa dengar pencemaran-pencemaran di laut. Malaysia di kawasan Johor – memang sengaja dibuang. Tidak usah ceritalah pelabuhan lagi satu, yang di Selatan. Kapal yang berlabuh di sana, pencemaran dan benda-benda kotor yang hendak dibuang, kebanyakan dalam lautan yang dipunyai oleh Malaysia. Kenapa dan mengapa? Ini cerita lain pula Datuk, ada kaitan pula dengan, jadi tidak baiklah pula kita ini berjiran. Susah hendak cakap ini.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Mambong, penguatkuasaan. Di kawasan zon antarabangsa memang berhampiran dan berjiran dengan kita. Perairan

Selat Melaka itu bukan semua kita yang punya. So, macam mana Datuk? Saya Cuma hendak tanya, sekadar melemparkan pertanyaan Datuk, terima kasih Datuk. Apa khabar Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Alhamdulillah. Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat abang saya daripada Sri Gading. Soalan-soalan yang dilemparkan tadi bukan hanya sekadar tetapi itu adalah soalan-soalan yang penting bagi membahaskan rang undang-undang ini. Takrifan untuk perairan dan lautan. Biasanya perairan ini adalah satu takrifan yang bukan spesifik. Ini bermakna di Selat Melaka, kalau kita menggunakan 'pengairan'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, pengairan atau perairan?

Dr. James Dawos Mamit: Perairan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengairan ini tanaman.

Dr. James Dawos Mamit: [Ketawa] Perairan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membuat penjelasan itu tadi. Perairan ini adalah dimaksudkan untuk marin, untuk air lautan, untuk ocean. Apa ocean dalam bahasa kita?

Seorang Ahli: Lautan!

Dr. James Dawos Mamit: Bukan, ocean. Lautan? [Ketawa]

Itulah sebabnya digantikan 'lautan' dengan 'perairan' kerana Selat Melaka dia bukan dirangkum di dalam *ocean*. Yang kedua tadi, iaitu tentang penguatkuasaan. Kita beruntung kerana Selat Melaka ini sering diguna oleh kapal-kapal yang membawa muatan minyak dan sebagainya adalah di dalam perairan negara kita. Oleh yang demikian, maka negara kitalah yang membuat *enforcement* ataupun penguatkuasaan. Jika negara kita membuat penguatkuasaan, maka rang undang-undang ini, Akta Perkapalan Saudagar ini memang kenalah untuk diguna pakai oleh negara membuat penguatkuasaan. Di dalam liabiliti baru, hak liabiliti bagi kerosakan pencemaran dan pembatasan liabiliti, ini memberi keuntungan kepada negara kita jika pencemaran benar-benar berlaku, jika pencemaran disyak berlaku kerana mereka membuang juga minyak dan air kotor di dalam laut yang telah dikumpulkan di dalam kapal.

Itulah sebabnya saya menyarankan agar negara kita mewujudkan *reception facilities* ataupun fasiliti-fasiliti di mana syarikat kapal ataupun kapal-kapal yang besar boleh membawa minyak terpakai, ' *beach water* dan sebagainya kepada fasiliti yang begini ataupun prasarana yang begini supaya....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun. Tidak tahu dia minat ke apa.

Dr. James Dawos Mamit: Jasin? Sekejap.... supaya air kotor dan *beach water* boleh dirawat di *reception facilities* yang ada di negara kita. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Saya tengok Yang Berhormat bagi Mambong bercerita tentang *facilities study*. Saya teringat juga soalan yang dikemukakan oleh sahabat saya bagi Sri Gading. Tetapi pada hari ini, kalau kita lihat masalah pencemaran ini bukan sahaja diakibatkan oleh pelanggaran antara kapal-kapal. Tetapi masalah yang berlaku pada hari ini, kalau kita lihat banyak di antara kapal-kapal itu dia tidak masuk *docking* apabila tiba masa hendak tukar minyak hitam. Biasanya dia akan buat masa dalam pelayaran. Ini yang akan mengotorkan lautan kita, lebih-lebih lagi Selat Melaka. Apa yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kepong tentang dugong. Kalau kita lihat Selat Melaka dahulu Tuan Yang di-Pertua, jangan kata Sarawak sahaja boleh bangga dengan ikan terubok dia. Ketika dahulu di Melaka, di Johor dan juga di Negeri Sembilan punya banyak ikan teruboknya. Sehinggaan satu ketika dahulu nelayan-nelayan menangkap ikan terubok sampai tidak ada tempat hendak jual dan akhirnya UMNO mengambil peranan untuk menjual dan sehingga hari ini, terubok yang besar disebut di Melaka dan di Johor sebagai terubok UMNO. Hari ini....

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sudah tidak ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ikan yu UMNO tidak ada Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ikan yu UMNO tidak ada?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ikan yu UMNO tidak ada. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Terubok PAS tidak ada?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sekarang ini pula yang diceritakan oleh sahabat saya bagi Mambong tentang penguasaan. Saya pun hendak bagi tahu Timbalan Menteri, *bill* kita akan diluluskan pada bila-bila masa. Tetapi kita lihat, penguatkuasaan ini, kalau pada hari ini mengharapkan Jabatan Laut Malaysia untuk menguat kuasa, saya ingat ramai di antara kawan-kawan kita pun kata "Tidak bolehlah". Dengan kekurangan kakitangan, lebih-lebih lagi pada hari ini kalau kita lihat, syahbandar-syahbandar di pelabuhan-pelabuhan kita. Kalau tahun 60-an tahun 70-an dan termasuk tahun 80-an adalah mereka yang mempunyai pengalaman sebagai kapten-kapten kapal yang kita lantik menjadi syahbandar. Mereka berpengalaman untuk mentadbirkan pelabuhan-pelabuhan kita dan mentadbirkan jabatan laut sebagai syahbandar. Tetapi akhir-akhir ini kita mengambil orang-orang yang muda-muda, yang mempunyai diploma yang ada degree yang mana kita lihat mereka tidak ada pengalaman langsung tentang pengawalan pelabuhan ini dan apatah lagi hendak menguatkuasakan akta yang kita kan luluskan sebentar lagi.

Jadi, oleh yang demikian kita berharap, kita jangan hendak sampai retorik sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Banyak akta kita akan diluluskan di dalam Parlimen ini. Tetapi akta ini tinggal akta sahaja. Laut kita masih tercemar. Ikan-ikan di kawasan-kawasan perairan kita banyak sudah mati. Jadi, dengan demikian kita berharap, apabila benda ini diluluskan, pelaksanaannya ialah hendak kita kuatkuasakan sebaik mungkin supaya kita tidak akan menghadapi masalah-masalah pencemaran seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar kita pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Memang benar Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa penguatkuasaan nanti adalah satu isu yang sering terbangkit jika kita melaksanakan Akta Perkapalan Saudagar ini. Sekarang di dalam akta baru ini zone yang dimasukkan sekarang adalah 200 batu notika di dalam Malaysia Exclusive Economic Zone. Walhal dahulu hanya 12 batu sahaja. Ini bermakna kawasan dia sudah besar. Oleh yang demikian penguatkuasaan adalah penting.

Yang kedua tadi....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, saya akan bagi dia tetapi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan tunggu sekejap.

Yang kedua tadi, yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Kapal-kapal yang meyelenggarakan *docking* dia tidak masuk ke pelabuhan. Apa sebab kapal-kapal tidak masuk ke dalam pelabuhan? Kerana banyak pelabuhan kita tidak ada *reception facilities* untuk minyak terpakai untuk air yang tercemar ini. Itulah sebabnya negara kita haruslah mewujudkan *reception facilities* di pelabuhan-pelabuhan yang ada di negara kita. Ini amat penting bagi memenuhi kehendak konvensyen MARPOL ini. Ya, sahabat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan saya bagi Mambong. Saya memang bersetuju dengan rakan-rakan seperti dari Jasin bahawa untuk meluluskan akta ini, memang jarang tidak pernah kita lulus. Tetapi yang mengecewakan kita ialah implementasi akta yang telah diluluskan dan apakah Yang Berhormat bagi Mambong ingin mencadangkan dan berhasrat mencadangkan kepada kerajaan, bahawa antara lain sebab akta induk kita tidak ada perubahan-perubahan dan sebagainya. Dari segi penguatkuasaan ini, iaitu pertama memastikan bahawa setiap kapal-kapal perkapalan saudagar dalam minyak ini hendaklah mengeluarkan atau mempam minyak kotor mereka di *docking* yang telah kita sediakan. Ini bermakna *facilities reception* itu harus diwujudkan di negara kita sebelum undang-undang ini kita laksanakan.

Kalau tidak undang-undang, akta yang kita luluskan ini hanya tinggal begitu, sebab kalau tidak ada *facilities* maka mereka sudah pasti mencari perairan dan berkemungkinan perairan kita ini digunakan untuk mempam minyak kotor dan pencemaran ini sentiasa berterusan. Dari segi itu keselamatan juga adalah perlu. Sebab baru-baru ini peristiwa telah melanda di negara kita, iaitu empat atau lima hari yang lalu, di mana kumpulan lanun telah *hijacking* sebuah kapal mengangkut minyak

dan dengan kecekapan pihak marin kita telah berjaya membanteras gejala seumpama ini.

Jadi apakah jaminan juga yang kapal-kapal saudagar membawa minyak ini dijamin dari segi keselamatan mereka dalam merangka pelayaran dari sebuah negara ke satu negara. Sebab kalau tidak ini akan menjejaskan lagi reputasi keselamatan dalam negara kita dan akan mungkin menjejaskan sedikit ekonomi negara. Jadi ini juga kena diambil kira sebelum Akta ini kita luluskan. Terima kasih Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itu menyentuh tentang keselamatan di Selat Melaka. Ini saya mohon Timbalan Menteri untuk memberi jawapan bagaimana negara kita akan mewujudkan keselamatan di Selat Melaka bagi memastikan bahawa kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka tidak diganggu oleh lanun-lanun yang bilangan mereka tiap hari makin bertambah. Ini adalah amat penting.

Yang kedua yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan juga ialah tentang *reception facilities* ini. Sebenarnya MARPOL ini adalah telah pun dirunding pada tahun 1973 dan selepas itu tahun 1978. Dan negara kita adalah pihak kepada Konvensyen MARPOL. Apabila negara sudah menjadi pihak kepada Konvensyen MARPOL, ini bermakna negara kita seharusnya mewujudkan *reception facilities* apabila saja negara kita menjadi pihak tetapi hingga sekarang kita pun tidak tahu berapakah *reception facilities* yang ada di pelabuhan-pelabuhan kita.

Saya masih ingat lagi pada tahun 2002, ada satu cadangan untuk mewujudkan satu *reception facilities* di Pelabuhan Kuching dan peruntukan telah pun disediakan juga di dalam Bajet, saya nampak di dalam Bajet tetapi sudahkah *reception facility* ini diwujudkan di Pelabuhan Kuching, di Sejingkang. Ini satu persoalan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Kepong bangun lagi. Boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah. Saya memang setuju *reception facility* mesti diadakan untuk dari segi penguatkuasaan dan lebih penting itu penguatkuasaan lah. Tapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa yang

pencemaran air laut ini bukan sahaja daripada kapal minyak, itu hanya tidak lebih daripada 20%, 80% itu datang daripada punca yang lain, *toxic waste* dan sebagainya. Dan termasuklah aktiviti-aktiviti manusia, macam Jasin tadi tidak menyebutkan masalah itu, masalah pembuangan sampah di dalam laut dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat bukan saja kita sebutkan mengenai pencemaran minyak sahaja bahkan juga kita dengan menyeluruh melihat masalah-masalah yang wujud lebih 80% daripada punca tanah, punca aktiviti manusia bukan laut.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat daripada Kepong, memanglah sebab kita membahaskan Akta Perkapalan Saudagar dan di dalam Akta ini, di dalam bracket adalah pencemaran minyak jadi kita sentuhlah pencemaran minyak. Saya memang tahu bahawa pencemaran laut dan marin bukan sahaja daripada minyak.

Pada tahun 1980 dulu, apabila Convention on Chemical Weapon telah pun diwujudkan, beberapa ribu tong bahan-bahan kimia daripada Rusia, kerana bahan-bahan kimia haruslah dihapuskan, dirawat. Berapa ribu tong bahan-bahan kimia ini telah pun dibuang di dalam Lautan Pasifik ataupun Lautan Atlantik oleh pihak Rusia. Jadi ini amatlah penting juga, kita harus lihat daripada pelbagai sudut pencemaran dan menyentuh tentang kapal lain, kalau itu kapal saudagar memang semua kapal, bot menggunakan minyak dan apabila mereka menggunakan minyak untuk belayar, maka sudah tentu ada minyak terpakai yang haruslah disimpan di dalam tong kerana ini adalah satu keperluan Konvensyen MARPOL juga.

Semua kapal harusnya ada tong untuk menyimpan minyak terpakai, sebab tidak harus dibuang di dalam laut. Dan inilah harus dibawa kepada *reception facility* yang ada di pelabuhan. Kalau tidak ada *reception facility* di manakah mereka nak buang ini, sudah tentu di dalam laut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pontian bangun Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Ini, Okey, Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Mambong, di dalam pindaan Akta Perkapalan Saudagar ini, bagaimana dengan keadaan peruntukan Akta ini apabila kerajaan merancang sesuatu laluan baru

untuk Perkapalan Saudagar ini. Sebagai contoh di negeri Johor, di selatan Johor, kita ada pelabuhan baru yang dinamakan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Dengan adanya pelabuhan tersebut, jumlah laluan kapal saudagar ini bertambah. Itu tentunya baik untuk ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama perairan khususnya di Pontian, hari ini dengan adanya laluan kapal yang lebih sering, kesan ombak bukan hanya minyak, kesan ombak ditambah pula dengan minyak telah merumitkan lagi soal pencemaran, soal hakisan pantai malah pokok-pokok bakau yang ada pun tidak dapat menahan oleh sebab ketinggian ombak yang melanda sepanjang kawasan pantai.

Yang Berhormat Mambong, sama ada Rang Undang-undang ini pada pandangan Yang Berhormat, perlu juga mengambil kira Akta yang bersabit dengan soal alam sekitar. Ini bererti bahawa sekiranya kerajaan merancang apabila dibuka satu laluan baru, perlukah kerajaan terlebih dahulu mengambil kira faktor-faktor pencemaran ini supaya ia tidak membebankan rakyat dan juga kerajaan di masa akan datang. Dah tentu kerajaan merancang nak membuka laluan baru dan ini akan timbul soal pencemaran tapi bila ia beroperasi masyarakat nelayan di situ mengemukakan pampasan kepada kerajaan, memohon.

Jadi di sini, akhirnya faedah itu yang didapati oleh pengusaha-pengusaha kapal saudagar tersebut mendapat keuntungan tetapi akhirnya kerajaan yang menanggung beban itu. Jadi pada pandangan Yang Berhormat adakah Rang Undang-undang ini akan membantu kerajaan untuk mengelakkan daripada menanggung beban yang berterusan, selain daripada itu adakah Rang Undang-undang ini juga akan dapat membantu kerajaan dalam memberi lebih luas kaedah perancangan supaya sesuatu usaha untuk membuka laluan baru bagi kapal saudagar ini memerlukan pemilik kapal-kapal tersebut mungkin membayar satu bentuk wang jaminan kepada kerajaan. Adakah Akta ini membolehkan perkara-perkara itu dilakukan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya bersetuju bahawa jika kerajaan membuka laluan baru untuk pelayaran, memang pencemaran akan meningkat lagi di lautan. Saya ada baca insiden-insiden di mana di Pontian ada aktiviti akuakultur dijalankan di laut Selat Melaka. Tetapi oleh kerana, pertama, pencemaran, yang kedua, ombak besar yang dilakukan oleh kapal-kapal

saudagar. Maka aktiviti-aktiviti akuakultur ini tidak menguntungkan lagi dan mereka telah pun gulung tikar. Ramai nelayan dekat Pontian telah pun menggulung tikar, tidak menceburi diri lagi di dalam bidang akuakultur. Jadi, mereka ini berhajat untuk memohon pampasan daripada kerajaan. Dari mana lagi kalau tidak dari kerajaan.

Itulah sebabnya kalau kita lihat daripada pindaan rang undang-undang ini, pampasan bagi ancaman pencemaran minyak, walaupun tiada tumpahan minyak yang sebenarnya berlaku. Saya mencadangkan kepada kerajaan jika pampasan ini diterima oleh kerajaan, kerajaan seharusnya memberi pampasan juga kepada nelayan-nelayan kita yang telah kehilangan mata pencarian kerana ikan sudah tidak ada lagi.

Yang kedua, oleh kerana ombak besar yang membawa minyak ke pantai, ini menyebabkan pantai kita tercemar. Jika ada aktiviti *clean up* atau membersih pantai, saya mohonlah wang ini juga boleh digunakan untuk membersih pantai negara kita. Ini amat penting jika kita hanya membuat pindaan rang undang-undang ini untuk mengambil kira peruntukan Konvensyen MARPOL sahaja.

Kalau kita lihat pencemaran minyak di dunia ini, tadi Yang Berhormat bagi Kepong menyebut hutan bakau juga – mana Yang Berhormat bagi Kepong, dia terkepung di sana. Hutan bakau ini adalah penting, dan Yang Berhormat bagi Pontian juga telah menyebut hutan bakau telah pun rosak kerana ombak besar daripada kapal. Ini kita harus lihat daripada ekologi hutan bakau. Kenapa hutan bakau amat penting kepada kita, kerana hutan bakau adalah satu habitat di mana ikan-ikan laut, ikan-ikan marin ataupun *aquatic lifes* membiak. Jika tidak ada hutan bakau maka kurangnya nanti ikan-ikan di dalam laut.

Yang kedua, pencemaran juga bukan sahaja daripada kapal tetapi daripada darat juga kerana kalau kita lihat *workshop* di darat, di manakah membuang minyak mereka kalau tidak di dalam longkang dan ia mengalir dalam sungai dan dibawa ke dalam laut. Jadi, pengawasan pencemaran minyak bukan sahaja untuk kapal saudagar, tetapi semua aktiviti yang berkaitan dengan minyak terpakai di darat juga, kita harus mengawasi.

Kerajaan di dalam meminda rang undang-undang ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pontianya seharusnya *integrate*, dengan izin Tuan Yang di-

Pertua. *Integrate* keperluan-keperluan rang undang-undang ini dengan keperluan-keperluan Akta Alam Sekeliling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ayer Hitam bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Yang Berhormat bagi Mambong ada sebut tentang pencemaran minyak daripada darat sebenarnya dan telah disalurkan ke lautan. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong yang memang arif di dalam bidang ini, setakat manakah keseriusan ataupun masalah *effluent* yang mengandungi *oil and grease* telah disalurkan ke lautan dan bagaimana Yang Berhormat melihat kerja-kerja pemantauan yang telah dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar setakat ini? Minta penjelasan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Soalan ini memang tepat pada masanya. Jika Jabatan Alam Sekitar membuat penguatkuasaan, sudah tentu masalah ini tidak berlaku. Dari segi pencemaran oleh minyak ke dalam lautan yang paling tinggi ialah dinamakan '*down the drain*' iaitu minyak yang dibuang di darat mengalir di dalam longkang dan seterusnya ke dalam sungai dan ke laut. Setiap tahun – ini adalah angka ataupun statistik daripada dunia, bukan untuk negara kita sahaja. Di dunia 363 juta gelen minyak setiap tahun dari darat mengalir ke laut atau lautan ataupun perairan marin. Daripada *spill* kerana pelanggaran kapal, 37 juta gelen, daripada *routine maintenance* ataupun *docking* kapal tadi – 137 juta gelen; *offshore drilling* yang mengambil minyak ini – 15 juta gelen setahun. Itulah statistik yang kita lihat di seluruh dunia ini.

Ini bermakna minyak terpakai yang dibuang ke dalam longkang adalah penyumbang yang paling tinggi kepada pencemaran minyak di lautan ataupun di perairan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kedua-dua bangun, Lipis dan Beluran.

Dr. James Dawos Mamit: Lipis dahulu, selepas itu Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis.

Dr. James Dawos Mamit: Lipis dahulu ya. Sila, sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong kerana beri Lipis dahulu. Yang Berhormat bagi Mambong, minta penjelasan. Adakah tidak usaha dibuat sejauh manakah minyak-minyak terpakai ini atau usaha untuk *merecyclekan*, dengan izin, minyak terpakai?

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Memang ada usaha yang dibuat. Sebenarnya apa yang berlaku di negara kita sekarang adalah yang pertama. Ada usaha untuk mereka mengambil minyak terpakai ini dan *direcycle* balik supaya minyak ini boleh diguna pakai lagi tetapi *recovery*nya, dengan izin adalah rendah.

Yang kedua, negara jiran, mereka pun beli minyak terpakai daripada kita ini. Mereka pun beli kita tidak tahu untuk apa. Tetapi mungkin untuk bahan bakarkah dan sebagainya. Tetapi yang paling penting adalah *recycling*.

Yang ketiga, kita ada dua tempat untuk merawat minyak terpakai ini. Satu, kualiti alam di Bukit Nanas di Seremban. Kualiti Alam Sdn. Bhd. satu syarikat yang melupuskan minyak terpakai ini. Seharusnya semua minyak terpakai dari Semenanjung dihantar di Bukit Nanas. Yang di Sarawak dan di Sabah seharusnya dihantarkan di tapak pelupusan yang dinamakan Tapak Pelupusan Mambong, bukan kawasan Parlimen Mambong, tetap Tapak Pelupusan Mambong yang terletak di dalam kawasan Parlimen Mambong juga. Jadi, itu memang ada usaha itu. Sila Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Kita memang tahu Jabatan Alam Sekitar merupakan Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk membendung masalah tumpahan minyak, sengaja ditumpahkan bahan-bahan yang boleh mencemari alam sekitar, sebagai *ex-Director* Jabatan Alam Sekitar di Sarawak dan juga sekarang ini merupakan penasihat alam sekitar negeri. Saya ingin tahu apakah masalah Jabatan Alam Sekitar ini yang boleh menyebabkan pencemaran boleh berlaku? Adakah disebabkan kekurangan undang-undang, peruntukan undang-undangan yang lebih tegas ataupun disebabkan oleh kekurangan sensitiviti di kalangan kakitangan jabatan atau masalah-masalah yang menyebabkan masalah ini menjadi satu isu, menjadi satu masalah. Alam sekitar menjadi masalah dan seharusnya alam sekitar dari segi Jabatan Alam Sekitar

merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk mencegah pencemaran alam sekitar. Saya minta penjelasan sebagai *ex-Director* Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat daripada Beluran, saya sebenarnya bukan *ex-Director* Jabatan Alam Sekitar, saya *ex-Director* Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Ini adalah satu badan penguatkuasaan Alam Sekitar di Negeri Sarawak untuk *compliment* aktiviti-aktiviti Jabatan Alam Sekitar. Bagaimanakah Yang Berhormat tahu bahawa saya sekarang adalah penasihat alam sekitar Kerajaan Negeri Sarawak? Memang benarlah, saya penasihat alam sekitar kerajaan negeri sekarang dan memang banyak tugas.

Jabatan Alam Sekitar ini dengan penguatkuasaannya, penguatkuasaan memang penting tapi jika tidak cukup kakitangan atau pun pegawai-pegawai amat sukar bagi mereka untuk menguatkuasakan apa-apa sahaja yang ada di Akta yang sedia ada, Akta Alam Sekeliling, Jadi, ini adalah satu masalah tapi Jabatan alam Sekitar telah pun mewujudkan satu sistem untuk pencemaran minyak khususnya di perairan kita di Malaysia. Jabatan Alam Sekitar telah mewujudkan tiga tingkat langkah yang bertingkat. Yang pertama, jika ia berlaku kerana sesebuah kilang membuatnya berlaku, ini adalah tanggungjawab kilang dan Jabatan Alam Sekitar mengarah kilang itu untuk membuat pembersihan.

Yang kedua, jika ia berlaku kerana pelanggaran kapal mungkin di sungai, sungai yang besar, Beluran tak ada sungai mungkin di Sungai Kinabatangan maka Jabatan Alam Sekitar boleh mengarah...

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu, bangun.

Dr. James Dawos Mamit: ...PBT - nanti ya, Kuala Terengganu - Jabatan Alam Sekitar boleh mengarah PBT untuk membuat kerja pembersihan.

Dan yang ketiga, jika ada *big oil spill* - dengan izin, tumpahan pencemaran minyak yang berlaku - seperti di Selat Melaka sebagai contoh - maka Jabatan Alam Sekitar dengan jabatan-jabatan yang lain akan membuat dan lakukan kerja pembersihan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat bagi Mambong, tadi telah menyentuh mengenai satu cadangan lebih awal tadi iaitu pendekatan secara integrasi iaitu

pendekatan secara bersepadu dalam membicarakan pindaan rang undang-undang ini supaya akta ini dilihat secara bersepadu sebab masalah pencemaran minyak ini bukan hanya berlaku di laut tetapi juga melibatkan pencemaran-pencemaran minyak daripada darat ke laut, jadi ini suatu pendekatan yang saya kira begitu baik sekali.

Selain daripada itu juga barang kali saya hendak mencadangkan supaya akta ini juga dilihat secara *holistic* ertinya secara bersepadu juga sebab pencemaran di lautan Selat Melaka ini bukan hanya menyebabkan dan mengakibatkan masalah kepada negara kita tetapi negara-negara jiran yang lain seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia. Maka dalam konteks ini kita harus melihat juga potensi *smart partnership* ini yakni perkongsian bestari dalam menyelesaikan masalah-masalah ini. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Mambong?.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Integrasi di negara kita untuk mengawal pencemaran minyak ini memanglah penting. Oleh yang demikian saya telah pun sebut lebih awal tadi bahawa kalaulah ada akta seperti ini pencemaran minyak ataupun berlaku kerana perkapalan saudagar, maka akta sebegini haruslah mengambil kira keperluan daripada akta-akta yang lain, bukan sahaja akta ini tetapi banyak lagi akta yang lain harus kita rujuk dan mengintegrasikan keperluan-keperluan yang tertentu.

Yang kedua, tentang kerjasama ataupun *smart partnership* dengan negara jiran, negara kita membuat pindaan ini disebabkan keperluan *MARPOL Convention*, kerana di dalam *MARPOL Convention* semua itu perlu, semua pindaan di dalam ini perlu. Sebagai contoh, liputan *geography* yang lebih luas daripada 12 batu nautika ke 200 batu nautika yang lebih luas. Ini bermakna penguatkuasaan oleh negara kita adalah di kawasan yang lebih besar lagi, kemungkinan hampir *crossline* negara-negara jiran. Untuk bekerjasama dengan mereka ataupun mewujudkan satu *partnership*, jika mereka tidak ada akta sebegini, bagaimanakah kita hendak mewujudkan *partnership*? Kerana saya rasa mereka hanya memberi tanggungan ataupun *responsibility* kepada *secretariat MARPOL Convention* sahaja. Jadi untuk negara kita tidak. Kita mewujudkan rang undang-undang seperti ini supaya kita boleh melihat daripada liputan *geography* yang lebih luas lagi bagaimanakah kita membuat penguasaan.

Yang ketiga, kapal tangki yang belayar melalui Selat Melaka di *exclusive economic zone* negara kita di dalam lingkungan 200 batu ini. Jadi, bagaimanakah kita hendak mendapat pampasan kerana pampasan bagi ancaman pencemaran minyak, walaupun tiada tumpahan minyak sebenarnya berlaku kita pun dapat pampasan. Jadi, bagaimanakah kita hendak *operationalize the collection of* - dengan izin - *collection of pampasan*. Ini adalah penting.

Jadi, kalau kita nak wujudkan satu *partnership* dengan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand maka lebih banyak lagi kerumitan yang harus kita hadapi. Kita akan membuat perbincangan dan sebagainya, kita akan menyeragamkan rang undang-undang dan sebagainya walhal kita membuat pindaan ini kerana pindaan di dalam *MARPOL Convention* pada tahun 2002, 2003, 2004. Jadi, jika ada pindaan di dalam *MARPOL Convention* pada tahun 2002, 2003, 2004, kita harus ambil kira, kerana ini adalah suatu keuntungan kepada negara kita. Kalau kita boleh *operationalize* pampasan ini kita dapat duit dan kita pun boleh beri duit ini sebagai pampasan kepada nelayan-nelayan yang telah kehilangan mata pencarian. Itulah sebabnya kita harus menyokong rang undang-undang ini dan mengawal dan mengawasi pencemaran pengairan bukan sahaja daripada kapal tetapi daripada darat. Ini adalah penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mambong. Kita harus sama-sama menjaga alam sekitar kita khususnya dalam konteks pencemaran.

Sabak Benam, daerah itu kawasan pantainya meliputi lebih kurang 60 kilometer dan buat masa ini sebenarnya tidak kurang daripada 3,500 penduduk kawasan pantai itu bergantung harap kepada kegiatan ekonomi di kawasan pantai khususnya daripada hasil kupang dan yang terutamanya kerang dan juga siput sedut. Sebenarnya rakyat di situ membimbangi apabila Selat Melaka itu semakin sibuk dan akan menjadi semakin sibuk, kemungkinan untuk kemalangan berlaku di antara kapal bertembung dan menyebabkan pencemaran laut dengan minyak ini akan berlaku.

Sabak Bernam sebenarnya ingin bertanya dalam konteks pencegahan. Kita sangat bersetuju supaya akta ini dipinda dan dihalusi supaya apabila berlaku pencemaran itu maka sewajarnya rakyat ataupun penduduk ataupun negara Malaysia ini mendapat pampasan. Saya ingin bertanya apakah unsur pencegahan yang boleh dilakukan oleh mungkin antara negara kita khususnya negara Malaysia dengan Indonesia dari segi kemungkinan mengurangkan kesibukan perairan Selat Melaka itu daripada berbagai-bagai jenis kapal yang saya rasa kalau daripada pantai pun kita dapat lihat kesibukannya. Apakah boleh diadakan ataupun telah diadakan satu peraturan dan undang-undang agar kesibukan Selat Melaka ini dapat dikurangkan dan mengurangkan kemungkinan kapal itu bertembung ataupun berlaku accident dan seumpamanya. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Sabak Bernam. Saya memang lihat kepentingan pencemaran perairan ini kepada Sabak Bernam kerana sumbangan pantai kepada kegiatan ekonomi penduduk-penduduk. Di Akta Perkapalan itu sendiri, saya pun tidak tahu sama negara kita ada satu akta sendiri - Merchant Shipping, tetapi bukan World Pollution Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau itu ada, sudah tentu akta itu mengambil kira bagi mengelakkan perlanggaran kapal di Selat Melaka.

Walau pun demikian, yang telah saya sebutkan tadi seharusnya ada suatu guidance seperti Civil Aviation kita kerana kapal terbang pun jika tidak ada satu guidance di udara, mereka pun boleh berlanggar. Tetapi Civil Aviation telah pun diwujudkan untuk menjaga laluan kapal terbang di udara. Saya pun mahu bertanya kepada Timbalan Menteri di Akta Perkapalan ini adakah suatu guidance untuk menjaga perlanggaran kapal.

Yang keduanya, adakah laluan di mana-mana sahaja di Selat Melaka ditentukan untuk semua kapal saudagar yang berlayar di perairan kita. Ini adalah penting kalau laluan ditetapkan maka kalau kapal-kapal yang berlayar mengikut laluan maka perlanggaran sudah tentu akan dielakkan. Ini amat penting juga untuk Akta Perkapalan di negara kita.

Yang terakhir, saya ingin menyentuh tentang jadual ini. Negara yang menjadi pihak kepada Convention on Civil Liability, saya tidak nampak negara kita di dalam senarai ini. Negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Kumpulan Wang juga saya

tidak nampak negara kita di senarai ini. Oleh yang demikian, adakah negara kita akan menjadi pihak ataupun tidak kerana tidak ada dalam senarai di muka surat 11, 12, dan 13. Itu sahajalah perbahasan saya pada pagi ini. Saya menyokong rang undang-undang ini iaitu pindaan Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

12.50 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Mambong kerana telah memberi hujah-hujah yang amat bernas berkenaan dengan betapa pentingnya negara kita menerima pakai Convention on Civil Liability dan juga Konvensyen Kumpulan Wang Tahun 1992 ini yang merupakan suatu memperluaskan liputan geografi yang lebih luas juga berkenaan dengan kapal tangki yang tanpa muatan juga termasuk dalam protokol ini dan juga berkenaan dengan pampasan bagi ancaman pencemaran minyak walau pun tiada tumpahan minyak sebenarnya berlaku. Ini suatu perkara yang amat penting untuk menjaga kepentingan negara kita.

Protokol ini juga melibatkan kenaikan batasan liabiliti dan juga kenaikan batasan tahap kedua. Saya baru sahaja dengar hujah dari Yang Berhormat Mambong bahawa adalah untung kepada negara kita untuk menerima pakai konvensyen ini. Saya sama pendapat dengan beliau bahawa di sini kita tidak ada apa-apa bantahan terhadap usaha dan langkah kerajaan untuk menerima pakai konvensyen dan protokol ini. Tetapi seperti apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat Mambong mengapa tidak terdapat senarai negara Malaysia dalam negara-negara yang sudah terima pakai.

Saya rasalah walau pun saya sokong penuh usaha ini, saya juga ingin mengingatkan kerajaan negara Malaysia bahawa nampaknya protokol ini yang digubal pada tahun 1992, baru pada tahun 2005 Malaysia membuat pindaan kepada akta ini untuk menerima pakai protokol pada tahun 1992. Ini bermaksud bahawa sudah hampir 13 tahun kita kebelakangan masa dan ini amatlah merugikan.

Saya rasa ini satu yang boleh saya anggap sebagai cuai bagi pihak kerajaan kerana tidak mengambil tindakan yang segera untuk menerima pakai konvensyen-

konvensyen ini. Sebab apabila saya buat sedikit penyelidikan, sudah pun sebaik sahaja konvensyen ataupun protokol tahun 1992 itu digubal, sudah didapati bahawa ada banyak kelemahan khususnya dari segi batasan liabiliti yang pada masa itu *as far back as* tahun 1992 apabila protokol itu digubal sudah nampak ada kekurangannya.

Tetapi negara kita menunggu 13 tahun untuk menerima pakai protokol 1992 yang pada masa itu sudah pun dianggap mengandungi ataupun tidak mengandungi clause-clause yang mencukupi khususnya dalam segi batasan liabiliti. Jadi saya menganggap ini suatu kecuaiian bagi pihak kerajaan dalam tidak mengambil tindakan yang segera untuk menerima pakai protokol dan konvensyen ini.

Saya juga mendapati bahawa sudah pun ada satu *Supplementary Fund Protocol* 2003 yang masuk diterima pakai dikuatkuasakan pada 3 Mac tahun ini dan apakah kita juga ingin menunggu 10 atau 15 tahun sebelum kita menerima pakai ataupun membuat pindaan kepada Akta Ibu untuk menerima pakai *Supplementary Fund Protocol* ini yang *adopted* oleh *International Maritim Organization* yang berkuat kuasa pada 3hb Mac tahun ini.

Saya berharap Timbalan Menteri bolehlah memberi sedikit penjelasan mengapa kita kena tunggu melebihi satu dekad untuk menerima pakai protokol tahun 1992 ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan khususnya kementerian untuk juga menerima pakai *Supplementary Fund Protocol* 2003 ini yang sudah pun seperti yang saya katakan yang dikuatkuasakan pada 3 Mac tahun ini.

Saya amat bersetuju dengan beberapa pandangan oleh selain daripada Yang Berhormat bagi Mambong dan juga lain-lain ahli berhubung dengan betapa pentingnya kita menjaga ataupun mencegah pencemaran laut memandangkan negara kita adalah sebuah negara maritim yang di mana lautan kita memberi khazanah dan makanan laut yang amat banyak kepada negara kita, amat penting kepada ekonomi negara kita dan juga merupakan destinasi pelancongan. Pulau-pulau dan pantai-pantai di negara kita ini begitu indah dan menjadi satu tarikan pelancongan yang dikenali di seluruh dunia.

Jadi ini merupakan satu usaha yang amat genting bagi kita untuk menjaga supaya pantai-pantai dan pulau-pulau kita dapatlah dicegah dari pencemaran laut dan bukan sahaja *oils spill* akibat dari *accident* yang membabitkan kapal-kapal minyak tetapi juga usaha-usaha yang *deliberate* oleh pengusaha tangki ini yang suka menggunakan

Selat Melaka sebagai satu tempat untuk mencuci tangki minyak mereka selepas mereka menghantar minyak ke *Far East* seperti Jepun dan apabila dalam perjalanan balik ke *Middle East* mereka memilih untuk mencuci tangki di Selat Melaka. Mengapa kita membiarkan ini berlaku? Mengapa mereka sengaja ingin memilih Selat Melaka dan bukan lautan-lautan yang lain? Adakah wujudnya kelemahan dari segi penguatkuasaan dan pemantauan oleh negara-negara *lateral* di Selat Melaka seperti Malaysia, Singapore dan Indonesia?

Jadi saya juga sependapat bahawa *prevention is better than cure*. Walaupun kita boleh setelah menerima pakai *convention* dan protokol ini kita berhak untuk menuntut wang pampasan dari IMO yang mengendalikan *fund* ini tetapi *at the end of the day* kita perlulah menjaga kepentingan kita supaya mencegah pencemaran laut dari berlaku yang saya berharap melihat bahawa dengan tertubuhnya pasukan penguatkuasaan maritim kita boleh menjaga Selat Melaka dengan lebih teratur, memainkan peranan berkesan untuk mencegah kejadian kapal-kapal minyak mencuci tangki mereka di Selat Melaka dapat dibanteras dan dapat diambil tindakan yang keras supaya perkara ini tidak berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Tanjong sila sambung ucapan.

2.34 ptg

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dan beberapa lagi Yang Berhormat telah menyentuh tentang betapa pentingnya pemantauan dan kawalan di Selat Melaka dipertingkatkan supaya memastikan Selat ini yang begitu sibuk sekali adalah memberikan laluan yang selamat kepada kapal-kapal yang menggunakan Selat ini. Pada tahun 2000, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pengangkutan pada masa itu telah mengumumkan dan melancarkan *Vessel Traffic System* yang menelan perbelanjaan sebanyak RM100 juta untuk memantau kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka supaya menjadikan Selat ini lebih selamat.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sistem ini masih bergerak dengan lancar dan apakah agensi yang memantau dan menjadi agensi yang bertanggungjawab terhadap *Vessel Traffic system* ini yang memandangkan ia melibatkan satu perbelanjaan yang begitu besar, haraplah Timbalan Menteri dan Kementerian dapat memaklumkan sama ada sistem ini yang dilancarkan pada tahun 2000 masih berfungsi dengan baiknya. Kita juga mendengar bahawa betapa pentingnya kerjasama negara-negara jiran di Selat Melaka ini untuk bekerjasama demi memastikan Selat Melaka ini selamat dan juga bersama-sama mencegah masalah pencemaran laut di mana saya mendapati Indonesia, Thailand dan juga Malaysia pada satu ketika ada mengesyorkan bahawa satu *Traffic Separation Scheme* dilaksanakan di Selat Melaka di mana laluan-laluan dapat dikenalpastikan sebagai laluan yang selamat dan juga bebas dari sebarang halangan dan rancangan atau skim ini sudah mendapat sambutan ataupun perlu mendapat persetujuan daripada *International Maritime Organization* dengan mewajibkan setiap kapal yang melalui Selat Melaka untuk diwajibkan melaporkan kedudukan mereka kepada agensi yang bertanggungjawab.

Jadi saya ingin tahu sama ada negara Malaysia sejak adanya satu cadangan untuk mengadakan *Traffic Separation Scheme* di Selat Melaka apakah peranan Malaysia untuk memastikan skim ini dapat persetujuan dari *International Maritime*

Organization dan ianya dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini dan juga saya akhirnya ingin mendapat kepastian daripada kementerian. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh negara Malaysia ini dari segi melobi dengan *International Maritime Organization* supaya kapal-kapal yang membawa minyak yang melalui Selat Melaka dan lain-lain lautan di dunia ini dapat diganti secara berjadual supaya ia menjadi satu dasar di mana kapal-kapal yang usianya sudah melangkaui satu jangka yang misalnya 20 ataupun 30 tahun diwajibkan untuk dimansuhkan dan digantikan pula dengan kapal-kapal yang baru yang akan menjamin peralatan yang lebih canggih dan yang boleh memastikan mereka tidak menimbulkan masalah dari segi pembocoran ataupun menyebabkan masalah pencemaran minyak di Selat Melaka ataupun Laut China Selatan di Malaysia ini.

Dengan ini saya berharap Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan terhadap beberapa perkara yang sudah saya bangkitkan khususnya dalam awal ucapan saya mengapa kita perlu menunggu sampai melebihi satu dekad barulah kita ingin membuat satu pindaan dalam akta supaya kita dapat menerima pakai Protokol 1992 yang sudah pun saya katakan, sudah *out dated* yang sudah pada masa ini sudah pun ada satu protokol yang baru dan apakah kementerian dan kerajaan akan juga mengambil tindakan yang segera untuk menerima pakai protokol yang baru dan saya berharap dinding di dalam dewan ini tidak bocorlah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Santubong, sila

2.38 ptg

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyentuh sedikit soalan dengan Akta Perkapalan Saudagar Pencemaran Minyak 1994 pindaan ini. Saya mengalu-alukan tindakan pihak kementerian mengambil tindakan untuk meminda khususnya daripada segi takrifan yang terdapat dalam Akta Ibu yang begitu general apabila undang-undang kita dilulus dan dipinda hingga ke tahun 1992 dan undang-undang pindaan ini dibawa ke Dewan ini dengan mengkhususkan banyak lagi takrifan-takrifan yang sesuai dalam keadaan masa kini. Jadi ini amatlah baik sekali supaya undang-undang yang asal walaupun baru tahun 1994. Masih banyak takrifan dan perkataan-perkataan dan

makna-makna yang diberi oleh undang-undang itu sendiri yang telah menjadi tidak sesuai lagi pada zaman yang cepat dan berubah ini.

Jadi inilah kenapa apabila undang-undang yang dibawa di sini ia amatlah sesuai sekali dan tidak ada apa sebab kenapa undang-undang ini mendapat bantahan daripada mana-mana pihak sama ada dari peringkat Dewan Rakyat ataupun di peringkat Dewan Negara. Saya menyerulah supaya pihak di Dewan Negara itu nanti janganlah lihat terlupa noktah, terlupa *semi column* dan sebagainya terus tarik balik undang-undang ini jadi kalau ini berlaku Tuan Yang di-Pertua namun bukan sahaja Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak boleh ataupun dipandang tidak boleh bekerjasama bahkan pandangan kita pun berlainan juga, bahkan telah menyentuh kedudukan kementerian-kementerian yang membawa undang-undang ke Dewan yang mulia ini.

Kerana kita di Dewan Rakyat selalu berkompromi dalam segi-segi teknikal walaupun kita tahu ada perkara-perkara yang patut diubah dan boleh diubah tetapi perkara ini tidaklah begitu *substantive* yang boleh diubah selepas itu dan tidak akan mengetepikan kehendak-kehendak dan dasar negara, kita berkompromi dari segi itu. Berkompromi ini bukan bermakna kita tidak peka dan kita tidak meneliti dengan sehalus-halusnya, kita meneliti dengan sehalus-halusnya. Tetapi dalam masa yang sama kita juga melihat bahawa kehendak kerajaan, aspirasi kerajaan dan semangat tujuan kerajaan itu amat baik sekali umpamanya undang-undang ini.

Kalau kita lihat daripada muka satu sampai muka lima hampir semuanya adalah pindaan kepada takrif perkataan yang telah diwujudkan 1994 apabila undang-undang ini diluluskan di Dewan ini dan di Dewan Parlimen ini maknanya Dewan Rakyat dan Dewan Negara, masih banyak selepas 12 tahun perkataan itu perlu diubah suai jadi tujuan undang-undang ini ialah untuk mengubahsuaikan takrif-takrif yang sedemikian. Jadi ini tidaklah menjadi satu masalah besar kepada pihak Dewan Negara menerima walaupun ada kelemahan mungkin *dotnya*, mungkin *hyphennye* dan mungkin *spellingnya* dan sebagainya untuk menerima.

Kerana kita pun terasa terkilan juga apabila di Dewan ini sesiapa sahaja Ahli Parlimen membantah mana-mana undang-undang mungkin dianggap sebagai '*racial*.....' ataupun memang pembangkang tetapi kalau sampai ke Dewan Negara dianggap

bahawa itu biasa sahaja, mungkin ahli Dewan Negara itu tidak dianggap sebagai pembangkang. Jadi ini patutnya tidak berlaku di Dewan Parlimen yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat undang-undang perkapalan saudagar di Malaysia ini, ini perkara lain Tuan Yang di-Pertua. Di Malaysia ini kita mempunyai tiga perundangan yang masih wujud iaitu satu undang-undang di Semenanjung dan dua, Ordinan Perkapalan Saudagar Negeri Sarawak dan satu lagi Undang-undang Perkapalan Saudagar di Sabah.

Saya telah melihat sebenarnya semasa saya masih berkhidmat dalam Jabatan Polis dahulu melihat perundangan ini yang dalam konteks perundangan Negeri Sarawak dan saya tertanya dengan diri saya sendiri kenapakah undang-undang ini tidak diselaraskan dan kalau kita lihat daripada takrifan yang dicadangkan dalam perundangan ini iaitu pindaan ini banyaknya minda ialah undang-undang perkapalan saudagar pencemaran minyak yang boleh dilaksanakan di seluruh negara. Tetapi takrifan-takrifan yang diguna pakai banyak dalam undang-undang ini ialah menumpu kepada undang-undang saudagar perkapalan *Malaya* bukan kepada Sarawak dan Sabah. Jadi saya bimbang kalau kita tidak meneliti Undang-undang Sarawak dan Undang-undang Sabah itu sendiri mungkin kalau tidak diselaraskan takrifannya akan datang kecelaruan apabila melaksanakan undang-undang ini khususnya di pesisiran Sarawak dan Sabah.

Apatah lagi undang-undang ini bukanlah undang-undang yang untuk diguna pakai dalam perairan Malaysia sahaja. Undang-undang ini diguna pakai menyeluruh sampai ke zon ekonomi eksklusif Malaysia. Bahkan kalau kita lihat dalam Undang-undang Ibu mengatakan *area* ataupun kawasan yang disebut dalam undang-undang ini melibatkan mana-mana sahaja negara yang terlibat dengan konvensyen ini makna ia boleh di guna pakai di mana-mana sahaja. Jadi saya amat bimbang kalau penyelarasan sempurna tidak dibuat di antara negeri Sarawak dan Sabah dengan undang-undang yang wujud di Semenanjung ini ataupun di Tanah Melayu saya bimbang nanti kalau perkara-perkara berlaku tindakan sebegini boleh dibuat tetapi apabila berlaku di perairan Sarawak dan Sabah tindakan yang sama mungkin tidak boleh dilaksanakan.

Jadi ini saya serahkan lah kepada kebijaksanaan kementerian untuk berbincang dengan pihak *Attorney General* untuk mengatasi masalah mungkin kecelaruan

perundangan yang diwujudkan di Malaysia ini kerana dalam konteks Sabah dan Sarawak undang-undang mereka ialah hanya dalam konteks negeri sendiri dan juga *interstate* ataupun berhubung dengan Semenanjung dan Malaysia seluruhnya. Tetapi tidak kepada perundangan ataupun penyelarasan di seluruh negara ataupun terpaksa akur kepada mana-mana konvensyen yang diterima ataupun ditandatangani oleh pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua saya juga melihat undang-undang ini ada mempunyai dua teras yang utama.

Teras yang pertama undang-undang ini diwujudkan ialah satu untuk mengenal pasti kalau sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan akhirnya dengan pencemaran berlaku oleh minyak dan sebagainya, dahulu disebut tiga jenis minyak sahaja tetapi sekarang telah diubah jenis-jenis minyak yang dikatakan yang boleh menjadikan pencemaran itu di dalam akta ibu ini, jadi memperluaskan lagi maknanya. Ini memang elok, kerana penghantaran minyak di antara satu negara ke satu negara yang lain dan khususnya menggunakan perairan negara-negara yang terlibat tersebut jadi adalah jaminan sedikit supaya pencemaran kalau berlaku tuntutan boleh dibuat kepada siapa yang berkenaan.

Tetapi apa yang saya hendak tanya di sini selain daripada apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Mambong, Yang Berhormat daripada Tanjong mengatakan persoalan pemantauan ini memang pasti dan perlu bagaimana pemantauan ini dibuat. Kadang-kadang kita hanya melihat pencemaran Tan Sri apabila berlakunya *oil spill* dengan izin yang besar. Kalau berlaku macam apa yang berlaku di Alaska itu 'Axxon Valdez' itu karam dan beribu-ribu juta gelen minyak tercemar ke laut baru kita melihat, karam satu kapal dan sebagainya, baru kita melihat.

Tetapi macam mana pencemaran-pencemaran yang lain yang sedikit demi sedikit laluan macam Selat Melaka itu dipakai oleh kapal begitu banyak, jadi pencemaran itu hanya bukan di kena pecah ataupun karam tetapi *gradual discharge* dengan izin daripada kapal yang menggunakan Selat Melaka itu jadi macam mana untuk menangani masalah ini? Bahkan ini macam kereta juga, kalau banyak kereta melintas tempat itu pencemaran udara di kawasan itu memang berlaku. Jadi pakar macam Yang Berhormat daripada Mambong boleh bagi tahu kita, kalau jalan ini diguna banyak kereta

pencemaran banyak berlaku di kawasan ini daripada jalan yang jarang dipakai oleh kereta.

Jadi kalau perbandingan itu dibuat macam pencemaran yang berlaku di Selat Melaka sebagai satu selat yang begitu sibuk sekali di dunia ini, jadi apakah jaminan supaya Selat Melaka ini tidak menjadi satu beban kepada dua negara yang berdekatan iaitu Negara Malaysia dan Indonesia dan apakah pembayaran yang boleh dibuat oleh pihak-pihak pengguna Selat Melaka ini supaya janganlah kita dibebankan oleh kerana pencemaran di Selat Melaka makna pesisiran pantai di sepanjang Selat Melaka itu akan tercemar dan semua sumber-sumber air laut dan sebagainya akan juga terhakis oleh kerana pencemaran tersebut walaupun tidak ada kapal yang karam, tidak ada kapal yang tenggelam tidak ada minyak beribu tan jatuh ke laut, tidak. Jadi apakah jaminan?

Jadi itu yang kedua teras undang-undang ini ialah mewujudkan satu tabung untuk dituntut kalau berlaku pencemaran. Saya belum pasti, belum tengok macam mana dia mekanisme dan siapa dia pengadilnya, di mana tuntutan boleh dibuat, siapa yang menyimpan duit ini, di mana duit disimpan, jadi ini semua persoalan yang saya ingin bertanyalah dan daripada konteks negara kita, mungkin bukan negara yang terbesar sebagai negara pelaut yang terbesar. Sebanyak manakah, adakah data-data, maklumat yang tertentu, berapa banyakkah *contribution* daripada syarikat-syarikat negara ini dan macam mana *contribution* itu dibuat kepada dana yang diwujudkan itu di bawah undang-undang ini, dikatakan di bawah undang-undang ini, macam mana dana itu dibuat dan macam mana hendak menuntut.

Kalau itulah dibuat di Malaysia, saya hendak bertanya juga daripada senarai yang diberi di belakang ini tadi, yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan dipersoalkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, kenapa tidak ada nama Malaysia? Saya cukup yakin Malaysia telah menandatangani konvensyen ini, tetapi nama Malaysia kenapa tidak disebut dan sudah pernahkah negara kita membuat tuntutan di mana-mana atau pernahkah kita telah menerima tuntutan di mana-mana, daripada mana wang, oleh kerana pencemaran yang berlaku dan dibuat, wujudnya undang-undang ini dan liabiliti di bawah perundangan ini. Kalau ada, berapa jumlahnya?

Ini kerana, soalan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah akan membangkitkan semua perkara. Kalau ada dana, kalau diambil daripada pihak-pihak perkapalan, *contribution*

daripada pihak perkapalan, maknanya dengan kos pengangkutan akan timbul dan sebagainya. Kalau kos pengangkutan akan timbul, dengan sendirinya akan naik, harga akan naik, harga barang akan naik, semua akan naik harga. Ini kerana, dalam konteks orang Sarawak dan Sabah, memang ini satu isu yang penting. Kena tanya dengan orang di Sarawak dan Sabah, khususnya orang peniaga, semua mengetahui bahawa barang-barang yang dikeluarkan di Semenanjung ini, kalau harga dia ini, kalau di Sarawak atau di Sabah itu, saya cukup yakin harganya akan ditambah sekurang-kurangnya 10%. Kalau Proton umpamanya di sini, RM40,000. Kalau di Sarawak, dia jadi RM44,000, tambah 4,000. Kalau kita tanya kenapa, oleh kerana pengangkutan dan insurans dia.

Oleh kerana ini, perkara soalan dana, *contribution* dan sebagainya oleh pihak-pihak syarikat yang tertentu dan bagaimana kerajaan mendapat dana ini, saya ingin juga mengetahui supaya kita boleh melihat daripada sudut manakah kenaikan harga tambang daripada Sabah ke Semenanjung, dan berulang-alik ini boleh meningkat mendadak dengan begitu rupa. Jadi, kalau kita boleh atasi dua, tiga masalah ini Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin undang-undang ini boleh mendatangkan perkara yang amat positif, bukan sahaja daripada segi *international relation* kita sebagai juga negara yang terlibat dengan pengangkutan perkapalan dan akur dengan konvensyen antarabangsa yang amat penting kepada negara kita dan boleh mendatangkan juga keuntungan kepada negara ini yang mempunyai tepian laut yang begitu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara iaitu macam mana negara-negara yang terlibat dengan mungkin pengangkutan barang dan sebagainya. Macam negeri ataupun jajahan Taiwan, yang mana ia dikatakan negara pun bukan, state pun bukan. Ia hanya wujud sahaja tetapi masih dianggap jajahan yang di bawah *dispute area* dengan izin. Kata China bukan juga, dikatakan negara yang wujud dengan sendiri pun tidak juga. Dalam senarai ini, saya cukup yakin negara Taiwan tidak ada terlibat walaupun negara China yang terlibat dengan konvensyen.

Jadi macam mana tugas dan tanggungjawab kita dan macam mana *relation* kita, perhubungan kita dengan negara Taiwan ini, berhubung dengan konvensyen antarabangsa, khususnya soalan pencemaran. Ini kerana, negara Taiwan pun banyak menggunakan barang-barang sedemikian, mungkin dibawa menerusi Selat Melaka dan

perairan Malaysia dan cara mana untuk mengatasi masalah kesulitan tuntutan. Takkan mungkin kita boleh menuntut kepada negara China kerana Taiwan dengan China sendiri pun masih bertelagah daripada segi kewujudan entiti Taiwan itu sendiri.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, mungkin Taiwan adalah salah sebuah negara yang kita boleh sebut. Mungkin ada lagi jajahan-jajahan yang lain yang mungkin terlibat dengan bisness secara antarabangsa, yang mungkin datang pencemaran dan masalah kepada negara kita, tetapi dalam masa yang sama, kita tidak boleh mengambil tindakan yang terbaik mungkin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanyalah kepada kerajaan dan kementerian berhubung dengan dana ini tadi, ini yang amat penting kepada saya. Saya ingin tahu, adakah *contribution* itu daripada kerajaan ataupun dikumpul daripada syarikat-syarikat perkapalan dan macam mana syarikat perkapalan membuat *contribution* kepada dana ini. Kalau ya cara dia, mekanisme dia dan siapa jadi hakim untuk menuntut, tuntutan itu boleh dibuat.

Jadi, kalau kita boleh mengetahui, barulah kita boleh mencadangkan perkara lain. Umpamanya di kawasan-kawasan serantau rantau yang berlainan, umpamanya rantau Asean, rantau EAEC, rantau di sebelah Teluk Caribbean dan sebagainya. Ia mempunyai kawasan-kawasan dan rantau-rantau yang diwujudkan satu kelompok-kelompok yang tertentu, di mana pergaulan dan perkumpulan daripada segi ekonomi mereka adalah diikat bersama ataupun dirantaikan bersama. Dari dalam keadaan sedemikian, kita kena tahu macam mana mekanisme masyarakat di negara ini, dengan masyarakat serantau kita supaya undang-undang ini jangan terus jadi undang-undang sahaja. Kita hanya mewujudkan satu undang-undang di negara kita, oleh kerana konvensyen antarabangsa perlukan perundangan ini diwujudkan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian, saya menyokong, terima kasih. Yang Berhormat Kubang Kerian.

2.58 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berbahas tentang rang undang-undang ini yang melibatkan kapal saudagar, khususnya kita fokus mengenai pencemaran minyak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut tentang isu tumpahan minyak ini, saya telah merujuk kepada beberapa fakta dan isu yang berlaku dalam tempoh mungkin dua

dekad yang lalu, yang menyaksikan bagaimana perkara yang paling bersabit tentang negara kita ialah tentang isu keselamatan dan pencemaran yang berlaku di Selat Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, Selat Melaka menjadi nadi yang menghubungkan dagangan sedunia dan menyediakan jalinan rangkaian dagangan kritikal di antara pengeluar dan pengeksport, di antara dunia Timur dan Barat. Jumlah trafik laluan kapal-kapal di perairan ini, malah mengatasi Terusan Suez dan Terusan Panama, menjadikan antara laluan dagangan yang paling sibuk di dunia. Selat Melaka mengelolakan jumlah trafik lebih tiga kali ganda dari Terusan Suez dan lima kali ganda dari Terusan Panama. Trafik kapal tangki melalui Selat Melaka mencatatkan peningkatan mendadak kebelakangan ini dengan isu serantau dan global yang menyaksikan kebangkitan China sebagai kuasa besar ekonomi rantau ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dari perspektif Malaysia sebagai sebuah *littoral state* atau negara pesisir yang terletak di sepanjang Selat Melaka, kepentingan selat ini merangkumi lebih dari laluan dagangan.

Maksud saya, ia meliputi aspek yang sangat kritikal yang kita ambil kira dalam perbahasan rang undang-undang ini iaitu tentang pencemaran minyak, tentang keselamatan trafik yang melalui selat ini yang menyentuh juga tentang kedaulatan negara. Aspek-aspek yang juga menyentuh tentang kegiatan lanun dan negara-negara pesisir yang bertanggungjawab untuk menentukan keselamatan Selat Melaka ini.

Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang wilayahnya bersempadan dengan Selat Melaka, kepentingan perairan ini kepada ekonomi negara tidak terperi nilainya. Kebanyakan pelabuhan utama negara seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas yang mengendalikan majoriti import-eksport kita terletak di sepanjang selat ini. Selat Melaka juga menyediakan sumber makanan kepada penduduk tempatan dan menyediakan dua pertiga hasil tangkapan ikan Malaysia.

Ini membuktikan bahawa kapal-kapal saudagar yang kita perbincangkan dan kesan tumpahan minyak ini akan mengakibatkan suatu senario yang melibatkan bukan sahaja kepentingan ekonomi tetapi juga mengakibatkan kepentingan sosioekonomi yang sudah tentu akan menjejaskan pendapatan rakyat yang menduduki persisiran

pantai yang khususnya mereka ini disebut sebagai golongan nelayan yang bergantung hidup dengan pendapatan laut.

Tuan Yang di-Pertua, hidupan marin dan persisiran pantai serta pulau yang indah di pantai Semenanjung Malaysia dan juga pantai Malaysia Timur menyumbang kepada industri pelancongan. Aktiviti perindustrian dan pertanian bertumpu di Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu dalam persisiran Selat Melaka menjadi terlalu *significant* untuk dipelihara dan dijaga martabatnya yang khususnya untuk memberikan pulangan yang paling baik kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan-pelabuhan kontena terbesar Malaysia terletak di sepanjang Selat Melaka yang mengendalikan 9.1 TEU kontena pada tahun 2003. Ini membuktikan betapa pentingnya pelabuhan-pelabuhan ini yang terletak di Selat Melaka. Ini merupakan 89% daripada jumlah keseluruhan kontena yang dikendalikan di Malaysia sebagai sebuah negara yang ekonominya bergantung kepada dagangan antarabangsa, 90% daripada jumlah dagangannya dengan dunia diangkut melalui laluan Samudera dan Selat Melaka menjadi perantara utama dagangan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003, 63,636 kapal mengangkut pelbagai kargo belayar melalui Selat Melaka. Laluan selamat dan aliran dagangan bebas yang disediakan telah memberikan sumbangan besar kepada Keluaran Negara Kasar Malaysia dan kepada negara-negara pedagang lainnya dan menyediakan berjuta-juta peluang pekerjaan di negara-negara tersebut. Ini adalah suatu suasana yang akan menyebabkan kita, yang akan membuatkan kita mesti lebih berhati-hati pada masa yang akan datang.

Adakah keselamatan ini tidak akan tergugat? Adakah senario ini akan kekal selama-lamanya tanpa kita memberikan dan melihat masa depan tentang kriteria-kriteria yang mengancam keselamatan selat ini, kapal-kapal saudagar yang belayar melalui laluan ini? Dan adakah kapal-kapal saudagar ini bersedia untuk mematuhi undang-undang dan juga peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan melalui Parlimen ini?

Dalam konteks perdagangan antarabangsa, kepentingan Selat Melaka terserlah dalam melihat fungsinya sebagai laluan utama pengangkutan minyak dari Timur Tengah ke Asia Timur terutamanya kepada dua kuasa ekonomi terulung di rantau ini iaitu Cina

dan Jepun dan adalah dianggarkan 11 juta tong minyak dari Timur Tengah dieksport ke Asia Timur setiap hari melalui selat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita memastikan agar keselamatan dan keadaan yang kondusif yang berlaku di Selat Melaka ini, saya mahu pihak kerajaan khususnya kementerian yang berkaitan supaya memberikan penumpuan dan dapat mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif untuk melihat secara objektif apakah dia ancaman-ancaman yang sedang berlaku, yang akan berlaku, yang memungkinkan keselamatan selat ini dan kapal-kapal yang belayar melaluinya pada masa yang akan datang tidak akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, isu penurunan kualiti air yang membawa implikasi buruk dari aspek sosioekonomi. Yang kedua, penurunan dan kerosakan kepada habitat-habitat akuakultur yang mengurangkan sumber perikanan dan menjejaskan industri pelancongan dan habitat seperti paya bakau, hutan gambut yang penting dalam menjamin integriti ekosistem dan ekologi Selat Melaka, pencemaran kumbahan yang mengancam kesihatan penduduk melalui penggunaan air dan hasil-hasil perikanan, seterusnya tumpahan minyak dan sisa toksik yang mencemarkan ekologi, pencemaran udara dari gas dan lain-lain yang bersifat praktikal yang menjadi isu ataupun menjadi perkara yang dibangkitkan terutamanya dalam aspek alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk beberapa insiden yang berlaku yang harus diberikan perhatian di mana yang pertamanya saya melihat Selat Melaka yang sama tarafnya malah lebih tinggi daripada Terusan Suez ataupun Terusan Panama dalam laporan yang dikeluarkan oleh UNDP baru-baru ini tetap mencatatkan bahawa kadar tumpahan minyak dan pencemaran alam sekitar yang berlaku di selat ini masih lagi menjuarai kalau kita hendak bandingkan pencemaran yang berlaku di Terusan Panama ataupun di Terusan Suez.

Mengapa perkara in perlu berlaku? Saban tahun laporan ini dikeluarkan, Selat Melaka tetap mencatatkan kadar tertinggi dari segi indeks pencemarannya. Setiap tahun! Dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan oleh kementerian yang dipertanggungjawabkan oleh jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang diberikan kuasa kepada mereka untuk memastikan Selat Melaka ini tidak lagi

tercatat sebagai sebuah selat yang paling tinggi pencemaran, kualiti airnya dan alam sekitarnya? Takkanlah setiap tahun kita hanya menjuarai isu ini sahaja?

Jadi oleh itu saya berharap bahawa Parlimen yang mulia ini dan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang berkenaan dapat mengambil satu sikap yang serius tentang perkara ini. Dan kita bimbang isu-isu yang berkaitan dengan toksik ini dan pembuangan sisa toksik ini yang berlaku di Kulai baru-baru ini, bagaimana beribu-ribu tong yang masuk ke dalam negara kita, dan sisa toksik ini bukannya kecil seperti kotak mancis. Dia datang dalam beribu-ribu tong yang melalui pelbagai sekatan, Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Imigresen dan lain-lain.

Bagaimana sisa toksik ini boleh diletakkan, boleh melepasi pengawal-pengawal di pelabuhan, diangkat dengan lori dan diletakkan di sebuah kilang di Kulai? Macam mana ini boleh berlaku? Ini isu yang sangat kritikal, Tuan Yang di-Pertua, supaya ini tidak berulang dan dalam konteks kita melihat, *we have to look at the big picture*, dengan izin, bahawa keselamatan perairan ini adalah sesuatu yang mesti kita jaga untuk memelihara tentang masa depan ekonomi negara kita supaya tidak terus tercemar akibat perilaku kapal-kapal saudagar ini yang membuang sewenang-wenangnya sisa toksik ini.

Perairan Tanjung Piai sebagai contoh, perairan di Selat Tebrau sebagai contoh, berkali-kali berlakunya tumpahan minyak, berkali-kali berlakunya kapal-kapal secara sewenang-wenangnya membuang sisa minyak mereka, sisa toksik mereka di kawasan perairan ini yang menyebabkan beribu-ribu nelayan hilang pendapatan mereka. Kenapa mereka tidak berani buang di perairan Singapura? Kenapa kapal-kapal ini tidak berani membuang sisa toksik ini dan sisa minyak mereka di perairan negara-negara di sekitar Terusan Suez ataupun Terusan Panama?

Kenapa mereka buang dan tempat paling popular mereka buang di Selat Melaka. Fasal apa? Sudah tentu ini satu persoalan yang mesti dijawab secara kolektif oleh mana-mana agensi yang diberikan autoriti kepada mereka demi kita menjaga martabat dan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merujuk kepada satu isu di mana dalam konteks penilaian kesan alam sekitar EIA sebagai contoh yang terbaru berlaku

projek mega membuat besi keluli di Kuala Langat yang melibatkan aktiviti kapal muatan besi buruk mendapat kelulusan EIA daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

Ini satu contoh kapal saudagar yang boleh membuang sisa toksik yang berbahaya dan saya harap perkara ini mendapat satu perhatian jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar dan saya juga tidak mahu perkara-perkara yang menjadi isu pada hari ini sebagai contoh pada 6 Jun tahun 2006, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengesahkan bahawa punca kebakaran yang memusnahkan bilik fail di Pejabat Jabatan Alam Sekitar Johor adalah perbuatan khianat dan bagi kes kematian Rumie Azim Mahlie di Sarawak baru-baru ini yang disahkan oleh Polis Diraja Malaysia antara isu-isu kritikal. Isu-isu yang sangat *suspicious*, dengan izin sifatnya yang boleh menjejaskan kredibiliti kita sebagai kerajaan dan juga kredibiliti kita untuk tidak menyabitkan bahawa semuanya berlaku di Malaysia kerana negara kita mudah menerima ataupun menjalankan amalan rasuah.

Saya harap bahawa dengan penjelasan dan perbahasan yang menyentuh rang undang-undang ini akan membuka mata kita semua betapa pentingnya selat ini, betapa pentingnya masa depan negara yang bergantung kepada sistem laluan trafik yang sempurna, tidak ada tumpahan minyak, kapal-kapal saudagar yang gerun bagi mereka untuk membuang sisa toksik di perairan ini adalah di antara perkara dan *indicator* yang akan memberi jaminan terhadap selat ini pada masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kelana Jaya.

3.12 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memfokuskan perbahasan saya tentang pencemaran laut akibat pertumpahan minyak daripada kapal. Saya bersependapat dengan Yang Berhormat Kubang Kerian bahawa Selat Melaka merupakan satu laluan yang paling kritikal kepada perdagangan dunia. Selain daripada kemunculan China sebagai pasaran utama dunia yang menyebabkan pertambahan bilangan trafik di Selat

Melaka, pertumbuhan ekonomi Korea Selatan dan Jepun juga telah menyebabkan pertambahan trafik kapal ini. Kini Selat Melaka telah dianggap sebagai laluan strategik bukan sahaja kepada negara-negara pesisir pantai tetapi juga kepada negara-negara lain yang mahukan hubungan perdagangan dapat dilakukan secara bebas.

Pada tahun 1999, bilangan trafik kapal yang melalui Selat Melaka adalah 43,964 telah meningkat pada tahun 2004 ke 63,636 trafik. Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna sejumlah 45 buah kapal tangki minyak China melalui Selat Melaka setiap hari buat masa kini dan dijangkakan menjelang tahun 2010 ianya akan meningkat kepada 60 buah setiap hari. Anggaran ini dijangkakan akan meningkat lagi kerana permintaan terhadap minyak.

Tuan Yang di-Pertua, di laut ini tumpahan minyak boleh berlaku disebabkan kemalangan yang melibatkan kapal pembawa minyak atau kemalangan di pelantar minyak. Setiap tahun adalah dianggarkan tumpahan minyak sebanyak 500,000 tan minyak itu telah dilepaskan ke laut dan disebabkan oleh tiupan angin, arus minyak ini tidak tersebar ke mana-mana pun. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Kubang Kerian di mana dalam perbahasan yang saya sediakan ini juga menampakkan bahawa tumpahan minyak ini menggugat habitat marin dan juga mengancam sistem ekologi. Tuan Yang di-Pertua, ini membawa akibat yang buruk dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Pada tahun 1993 Tuan Yang di-Pertua, 24 kejadian tumpahan minyak dilaporkan di sepanjang Laut China Selatan dan Selat Melaka. Ia meningkat kepada 93 pada tahun 1995. Kita faham bahawa di negara kita ada satu pelan yang dinamakan Pelan Kontinjensi Tumpahan Minyak Kebangsaan dan ekorannya daripada Pelan Kontinjensi Tumpahan Minyak Kebangsaan ini satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu jawatankuasa bagi melawan tumpahan minyak di setiap negeri dan juga ditubuhkan Tabung Pembersihan Pantai.

Malaysia juga telah mengesahkan Konvensyen Antarabangsa Bagi Mencegah Pencemaran Daripada Kapal-kapal pada 1 Mei 1997 dan juga Konvensyen Antarabangsa Mengenai Persiapan Pencemaran Minyak (Kerjasama dan Tindak Balas) pada 30 Oktober 1997. Ingin saya mengetahui daripada pihak kerajaan apakah pelan kontinjensi tumpahan itu dapat mencapai matlamatnya. Apakah jawatankuasa itu dapat

menjalankan tugasnya dengan baik dan apakah kita dapat mematuhi segala resolusi-resolusi yang telah dicapai dalam konvensyen-konvensyen yang saya sebutkan tadi.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya walau bagaimanapun saya menyokong pindaan Rang undang-undang Perkapalan Saudagar ini kerana saya melihat bahawa ia mencadangkan langkah-langkah untuk mencegah dan mengurangkan kes pencemaran minyak di laut dengan melalui penguatkuasaan undang-undang dan menambah baik undang-undang yang sedia ada untuk mencegah pertumpahan minyak.

Dalam perhubungan yang sama saya rasa semua kos pembersihan sisa-sisa minyak patut ditanggung oleh syarikat perkapalan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya rasa semua pihak yang terlibat dapat mengaplikasikan teknik pembersihan yang lebih efektif dan moden dalam membersihkan sisa minyak ini. Yang terakhir sekali ialah bagaimanakah pihak kementerian dan pihak yang berkaitan dapat menggesa pihak-pihak yang lain dapat menggunakan sistem radar dan komunikasi yang lebih teratur dan sistematik kerana sistem radar dan komunikasi yang efektif itu dapat mengelakkan pelanggaran kapal-kapal yang semakin kerap di Selat Melaka. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri Pengangkutan menjawab.

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. *Nature calls.*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: *[Ketawa]* Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini dan boleh dikatakan sebahagian besarnya telah dibahaskan itu juga terkeluar daripada apa yang telah dibentangkan pada hari ini.

Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada beberapa Yang Berhormat yang amat prihatin tentang pencemaran di laut atau di sekitar laut kita dan boleh dikatakan semua Yang Berhormat begitu dengan izin *concern* dengan pencemaran laut kita ini.

Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan mengenai Konvensyen MARPOL 1973-1978 dan pencemarannya kerana rang undang-undang ini menguatkuasakan Protokol CLC 92 dan Protocol Fund 92 yang mana adalah konvensyen mengenai skim tuntutan pampasan dan MARPOL adalah konvensyen berbeza yang mengawal pembuangan ataupun *ship waste* daripada operasi kapal. Yang Berhormat bagi Mambong juga menyarankan pembinaan *reception facilities*. *Reception facilities* ini adalah perkara yang dikawal oleh Konvensyen MARPOL yang mana bukanlah perkara yang dikawal oleh rang undang-undang ini.

Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Jasin dan Kinabatangan membangkitkan isu penguatkuasaan terhadap aktiviti mencemarkan laut oleh kapal-kapal. Seperti yang diterangkan tadi bahawa penguatkuasaan terhadap aktiviti mencemarkan laut oleh kapal adalah perkara yang dikawal oleh Konvensyen MARPOL yang mana adalah di luar daripada skop dan rang undang-undang ini adalah mengenai skim tuntutan pampasan akibat insiden kemalangan kapal.

Yang Berhormat bagi Mambong juga membangkitkan tentang pampasan yang dituntut oleh kerajaan hendaklah juga dinikmati oleh pihak-pihak lain yang terlibat seperti para nelayan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebarang pampasan yang dituntut oleh kerajaan di bawah Konvensyen CLC dan Fund 1992 ini adalah pampasan yang terdiri daripada tuntutan-tuntutan daripada semua pihak yang menanggung kerugian.

Yang Berhormat bagi Tanjong telah menimbulkan tentang kenapa protokol ini hanya diterima pakai pada baru-baru ini sahaja? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, protokol kepada kedua-dua konvensyen walaupun diterima pakai oleh IMO pada tahun 1992 telah hanya berkuat kuasa di seluruh dunia pada tahun 1996. Pada ketika itu Malaysia baru sahaja menerima pakai konvensyen lama iaitu pada tahun 1995 iaitu CLC 1969 dan Fund 1971. Oleh itu masa diperlukan untuk menilai kesesuaian protokol baru berkenaan di samping menyediakan perundangan yang baru.

Yang Berhormat bagi Mambong dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong menimbulkan tentang Malaysia tidak ada dalam senarai jadual. Jadual yang di dalam rang undang-undang merupakan senarai negara-negara yang telah menerima pakai kedua-dua protokol dan adalah untuk maksud menguatkuasakan perintah penghakiman bersaling di bawah Akta Penghakiman Bersaling 1958. Seजार itu, Malaysia tidak perlu

dinyatakan dalam senarai berkenaan kerana senarai tersebut bukan bermaksud senarai nama negara-negara ahli kedua-dua protokol seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan Tanjong.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan tentang status Vessel Traffic System. Sistem VTS ini di Selat Melaka...

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebelum Timbalan Menteri menjawab tentang perkara lain, saya ada membangkitkan bahawa *Supplementary Fund Protocol 2003* sudah pun diterima pakai. Saya ingin tahu sama ada kementerian bercadang untuk membuat pindaan untuk menerima pakai Protokol 2003 ini?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Minta maaf Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: Mengikut Konvensyen Kumpulan Wang dan Konvensyen Liabiliti Sewa, selepas kedua-dua konvensyen ini diterima pakai pada tahun 1996, didapati bahawa tidak mencukupi untuk menanggung liabiliti. Jadi, wujudnya *Supplementary Fund Protocol* ini untuk memberi *The Third Tier of Conversation* untuk menangani masalah ketidakcukupan pampasan. Jadi, ini sudah pun diterima pakai dan berkuat kuasa pada tahun ini. Jadi, saya ingin tahu sama ada kita perlu tunggu 1994 kita untuk terima pakai Konvensyen 1969. 2005, kita terima pakai Konvensyen 1992. Kalau Konvensyen 2003, mungkin kita kena tunggu 2015. Saya rasa ini tidak munasabah.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya, setakat hari ini kita hanya menerima pakai yang dua *tier* sahaja iaitu CLC dan *fund* yang mana kita membawa rang undang-undang pada hari ini untuk dikukuhkan lagi.

Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan tentang status *Vessel Traffic System* (Sistem VTS) di Selat Melaka yang masih beroperasi dan berjaya memenuhi objektif yang kita harapkan dan ia di bawah pengendalian atau *supervision* Jabatan Laut bagi komponen pengawalan kapal-kapal dagang. Yang bagi Tanjong juga membangkitkan tentang sistem Traffic Separation Scheme (Sistem TSS) memang telah

mendapat kelulusan *International Maritime Organization* (IMO) dan sebelum dikuatkuasakan pada 1 Disember 1998.

Yang Berhormat bagi Santubong telah membangkitkan tentang takrif kapal-kapal dan pemakaian akta. Takrif kapal dan akta ini adalah terpakai bagi seluruh negara Malaysia dan bagi semua kapal-kapal daftaran Malaysia. Yang Berhormat bagi Santubong juga menyentuh tentang pemantauan, pencemaran dan jaminan tidak ada pencemaran yang berlaku. Pemantauan dan penguatkuasaan dibuat di bawah undang-undang negara khususnya Ordinan Perkapalan, Saudagar dan Akta Pencemaran Minyak 1995. Tindakan pendakwaan dan tuntutan pampasan dibuat apabila berlaku insiden pencemaran.

Yang Berhormat bagi Santubong juga menyentuh tentang sistem pampasan dan tabung. Siapa yang buat *contribution* ini? Di bawah konvensyen CLC, pihak insurans kapal akan membayar pampasan dan apabila siling pampasan CLC telah dilepasi, tabung di bawah *Fund Convention* akan membuat pembayaran tuntutan. Malaysia pernah membuat tuntutan dan menerima pampasan bagi tiga insiden yang berlaku sebelum ini. *Contribution* dibayar oleh pengimport minyak Malaysia seperti Shell, Petronas dan Tenaga Nasional.

Yang Berhormat bagi Santubong juga telah membangkitkan tentang tuntutan daripada kapal-kapal Taiwan. Sistem tuntutan ini adalah tertakluk kepada syarikat insurans iaitu kapal bagi Konvensyen CLC dan Tabung IODC di bawah *Convention Fund*. Oleh itu tidak timbul isu *nationality* kapal-kapal daripada Taiwan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan beberapa perkara yang saya anggapkan terkeluar daripada apa yang kita bincangkan hari ini berkait dengan rang undang-undang ini. Jadi, ini keluar daripada skop rang undang-undang yang telah kita kemukakan pada hari ini.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya telah membangkitkan tentang sistem radar dan telekomunikasi yang baik dapat digunakan. Perkara ini di luar skop rang undang-undang ini dan saya tidak perlulah dibangkitkan di sini. Jadi saya rasa itu sahaja yang telah dibangkitkan pada petang ini untuk saya yang termampu menjawabnya, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah selesaikan jawapan?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal_1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KAPAL LAYAR
ANTARABANGSA LANGKAWI (PINDAAN) 2005**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.33 ptg

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2003. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 telah dikuatkuasakan pada 2 Oktober 2003 di mana ia merupakan satu akta untuk maksud Penubuhan dan Pendaftaran Kapal Layar (*Yacht*) di Pulau Langkawi. Pelabuhan Pendaftaran tersebut dikenali sebagai *Langkawi International Yacht Registry* (LIYR).

Tuan Yang di-Pertua, LIYR adalah merupakan *one stop center* dengan izin bagi pendaftaran dan aktiviti kapal layar bertujuan menarik pemilik kapal layar dari seluruh dunia untuk mendaftar kapal layar mereka di LIYR. Dengan adanya LIYR Pulau Langkawi akan menjadi *yachting destination* dengan izin yang utama di rantau ini dan setanding dengan *yachting center* diwujudkan di negara-negara lain.

Walaupun LIYR baru ditubuhkan tindakan perlu diambil bagi memastikan LIYR tidak ketinggalan dari aspek memberi kemudahan pendaftaran kapal layar yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa. Ini kerana beberapa buah pusat pendaftaran kapal di negara-negara lain seperti Carmen Island, Marshall Island, dan Monaco sudah pun membuat beberapa pengubahsuaian terhadap kemudahan pendaftaran kapal mereka bagi memastikan pusat pendaftaran kapal tersebut terus berdaya saing dan memenuhi kehendak industri kapal layar.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, tindakan perlu diambil bagi membuat pindaan kepada Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bagi memperkemas, memastikan akta tersebut memenuhi kehendak semasa dan mempertingkatkan peruntukan yang sedia ada. Di antara Fasal-fasal pindaan yang dicadangkan yang dianggap sebagai substantive adalah:

- (i) peruntukan mengenakan pendaftaran sementara. Fasal ini adalah memasukkan peruntukan bagi pendaftaran kapal layar secara interim. Ini merupakan kemudahan yang diberi kepada pemilik kapal layar yang hendak memindahkan pelabuhan pendaftaran dari luar Malaysia ke Pulau Langkawi. Dengan kemudahan ini kapal layar berkenaan boleh didaftarkan di Pulau Langkawi walaupun terdapat beberapa perkara pemindahan pemilikan yang belum selesai. Fasal yang terbabit ialah Fasal 5 Rang Undang-undang;
- (ii) memperkemas peruntukan mengenai pendaftaran *bareboat chartered*. Fasal 16 Rang Undang-undang ini mengiktirafkan bahawa diberi terhadap kapal layar yang disewa secara *bareboat* dan didaftarkan di LIYR untuk dikenali sebagai *Langkawi Yacht*. Fasal ini juga merujuk kepada hak-hak milik pemilik asal kapal layar yang terbabit;
- (iii) peruntukan membolehkan orang perseorangan mendaftar kapal layar. Pindaan dibuat kepada seksyen 8, Akta Ibu melalui Fasal 4 Rang Undang-undang untuk membolehkan orang perseorangan yang bukan rakyat Malaysia mendaftar kapal layar. Pada ketika ini warga asing secara individu tidak boleh mendaftar kapal layar mereka di mana ia hanya dapat dilakukan melalui pemerbadanan sesebuah syarikat terlebih dahulu.

Pindaan-pindaan yang lain di dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkemas akta-akta ini;

- (i) membolehkan pendaftaran sebarang pengubahsuaian yang dibuat di atas kapal layar seperti mana yang terdapat dalam Fasal 9 Rang Undang-undang;
- (ii) membolehkan kaedah penghantaran dokumen dibuat secara elektronik. Fasal ini adalah dimasukkan dalam Fasal 11'
- (iii) memperuntukkan kuasa mahkamah seperti mana Fasal 12 Rang Undang-undang untuk menghalang sebarang pengendalian dengan mana-mana kapal layar Langkawi;

- (iv) memberi perlindungan kepada industri kewangan yang memberi kemudahan pembiayaan kewangan untuk memperolehi; kapal layar Langkawi sekiranya pemilik kapal layar berkenaan di dapati bankrap melalui Fasal 25;
- (v) memperkemas peruntukan-peruntukan berhubung crew kapal layar Langkawi termasuk perkara-perkara seperti kontrak kerja, pembayaran gaji, *accumulative crew* dan sebagainya;
- (vi) memberi kuasa kepada Menteri pengangkutan di mana didapati perlu untuk membuat ubahsuaian kepada fi yang telah di tetapkan seperti mana Fasal 40 Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah satu perkara yang akan dipinda dalam Akta Pendaftaran Kapal Layar Langkawi (Pindaan) 2005; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal_1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang iaitu Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 (Akta 246) dibacakan kali yang kedua sekarang. Akta 246 ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 1981 oleh Jabatan Tenaga Rakyat. Akta ini merupakan undang-undang yang diperkenalkan untuk mengawal aktiviti agensi pekerjaan swasta dan menjaga kepentingan pencari-pencari kerja tempatan sama ada di dalam atau di luar negara.

Akta ini mengandungi peruntukan mengenai pelesenan agensi pekerjaan swasta yang bertanggungjawab untuk mendaftar dan menempatkan pencari kerja di dalam dan juga di luar negara. Peruntukan-peruntukan dalam akta ini meliputi pengawasan ke atas agensi yang diberi lesen, pengiklanan jawatan kosong dan penyimpanan rekod-rekod aktiviti agensi. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan pekerjaan yang lebih cekap dan berkesan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tarikh penguatkuasaan Akta ini dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Jabatan Tenaga Rakyat, di bawah seliaan Ketua Pengarah Tenaga Rakyat. Pada 1 April 2003, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan tersebut telah digabungkan dengan Jabatan Buruh. Ekoran penggabungan ini,

pentadbiran dan penguatkuasaan akta ini dipindahkan kepada Jabatan Buruh yang kini dikenali sebagai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Dan secara tidak langsung, ia diletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 246, Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan supaya Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dipinda seperti berikut:

- (i) Tafsiran Ketua Pengarah di bawah Seksyen 3 dipinda daripada Ketua Pengarah Tenaga Rakyat kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.
- (ii) Kuasa pelantikan pegawai-pegawai oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 4 dipinda kepada Menteri Sumber Manusia untuk membolehkan Menteri Sumber Manusia melantik Ketua Pengarah bagi menjalankan penguatkuasaan Akta ini.

Pindaan ini akan membantu dalam urusan pelantikan Pengarah Tenaga Kerja negeri Sabah dan juga Pengarah Tenaga Kerja negeri Sarawak untuk menjalankan tugas sebagai Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini di negeri Sabah dan Sarawak. Pindaan ini adalah bertujuan untuk:

- (i) memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja supaya tugas-tugas yang perlu dijalankan di bawah Akta ini dapat diteruskan tanpa sebarang gangguan.
- (ii) memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia supaya memudahkan urusan pelantikan pegawai-pegawai bagi menjalankan tugas-tugas di bawah Akta ini.
- (iii) membolehkan kelulusan dan pembaharuan lesen Agensi Pekerjaan Swasta diproses sebaik sahaja pindaan kepada Akta ini diluluskan; dan
- (iv) menentukan proses pengeluaran lesen Agensi Pekerjaan Swasta tidak tergendala.

Pada 6 April 2005, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pindaan tersebut di atas yang telah dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan dapat meneruskan pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 dengan lebih cekap dan berkesan demi menjaga kepentingan pihak-pihak pencari pekerja, majikan, agensi pekerjaan swasta dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Petua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta tahun 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ipoh Barat.

3.48 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun pemindaan ini nampaknya satu perkara yang biasa, tapi yang terlibat ialah berjuta-juta ringgit, kalau tidak billion ringgit. Di Malaysia ramai orang ingin tahu apakah syarat-syarat atau apakah yang dikenakan untuk memperolehi satu lesen yang dikeluarkan oleh jabatan ini. Saya difahamkan di antara kelayakannya ialah sekurang-kurangnya perlukan koneksi-koneksi dengan pihak-pihak atasan dalam parti-parti politik.

Saya baru-baru ini telah berjumpa dengan satu di antara beberapa syarikat yang mengambil pekerja-pekerja asing. Dia memberitahu saya, *"I'm just a temporary agent, the real agent is in KL", you must have connection with him, you must have connection with the minister or you must have strong UMNO person to be a partner in my company to get the necessary licence.* Adakah ini betul? Saya tahu ramai di antara orang-orang yang telah dipilih, yang dikenalkan di negara ini, yang ada kena-mengena dengan ramai, banyak syarikat. Bukan ratus-ratus juta, berbilion-bilion Tuan Yang di-Pertua.

Setiap pekerja yang datang di negara ini perlukan bayaran sekurang-kurangnya minimum RM2-3 ribu, bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, kalau 2 milion pekerja di negara ini darab RM2 ribu atau RM3 ribu seorang, setakat manakah keuntungannya. Tetapi yang lebih mustahak adalah, bukan sahaja setakat kriteria yang digunakan untuk

memilih atau memberi lesen kepada pihak-pihak yang menjadi agensi, apakah kebolehan mereka, apakah kriteria yang digunakan? *There's no certainty* dengan izin.

Tidak ada kriteria-kriteria yang tertentu walaupun kita tahu rang undang-undang ini hanya satu muka sahaja, tetapi ini ada implikasi yang sangat luas di negara ini. Yang ditanyakan oleh Trade Union Congress dalam negara ini adalah, kenapa kita perlukan ramai pekerja asing di negara ini? Kenapa kita perlukan lebih dari 2 juta pekerja di negara ini? Walhal ribu-ribu orang di negara ini menjadi penganggur, walhal orang-orang yang keluar dari universiti, yang mahir dengan beberapa kursus yang mereka belajar di universiti tidak dapat kerja, tetapi kita perlu membawa pekerja-pekerja asing untuk bekerja di sini. Saya tidak ada bantahan setakat membawa pekerja-pekerja asing.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya tidak ada bantahan setakat membawa pekerja-pekerja asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cerai? Saya belum cerai lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai, bukan cerai.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Oh Jerai, saya ingat cerai!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat hendak cerai, itu Yang Berhormat punya fasal. Ini Jerai bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, bukan! Saya dengar Tuan Speaker cakap hendak nak cerai, itu saya tersilap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh? Boleh? Saya...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, terima kasih. Berkenaan dengan kerja ini, ini pandangan Tuan Yang di-Pertua, memang banyak pelajar-pelajar kita yang keluar dari universiti dan yang tidak diberi peluang pekerjaan tetapi yang saya fahamkan yang kita bawa masuk pekerja-pekerja asing ini adalah kategori yang berbeza, contohnya buruh kasar yang kerja dalam ladang getah, yang bekerja di petrol-petrol *kiosk*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak jawab atau hendak minta penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jawab tidak boleh sebab saya bukan menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ini memang Yang Berhormat pandailah, Yang Berhormat betul. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan, pasal saya hendak beri kawan saya ini faham kerana dia tidak faham. Jadi kita kena ingat dalam Islam dia kata sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu meniaga tetapi orang-orang kita ini dia tidak mahu meniaga dan dia hendak makan gaji dan dia kadang-kadang memilih kerja. Peluang pekerjaan ini cukup banyak, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia terlibat. Kadang-kadang mereka yang berniaga burger mereka berasa lekeh, berniaga burger duduk di tepi jalan. Tetapi Ramli Burger dahulu dia seorang penjual burger jalanan, tetapi hari ini dia menjadi seorang pengusaha export ke luar negara. Burger!

Jadi ini adalah rezeki meniaga tetapi kalau semua hendak tumpu tentang pekerjaan dan sudah tentulah mereka apabila keluar di universiti mereka kadang-kadang tidak mahu kerja yang lekeh-lekeh. Tetapi di Kedah ada satu perempuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Beri isyarat]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nanti sekejap, ada satu perempuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan sekarang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak perelaskan kepada Yang Berhormat ini supaya dia ini jangan salah apabila kita bawa masuk pekerja asing. Jadi kalau dia salah, tidak bolehlah. Pasal apa? Tengok apabila orang Indonesia itu disuruh balik kerana tidak ada permit dan sebagainya, banyak projek-projek kita yang tersadai dan tidak dapat disiapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah sesat kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini.... Tidak, tidak! Saya hendak perbetulkan dia supaya dia jangan salahkan kerajaan kerana bawa masuk. Dia

blame kerajaan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kemasukan pekerja asing itu juga diperlukan untuk hendak *generate* ekonomi negara kita ini? Terima kasih. Yang Berhormat faham atau tidak?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya harap saya dapat memberi satu *lecture* selepas ini untuk kawan saya dari Jerai yang akan lebih faham apa situasi yang betul-betul. Kalau betul pandangan yang dikeluarkan oleh kawan saya dari Jerai, kenapa negara-negara macam Australia dan New Zealand tak perlukan ribu-ribu atau juta-juta pekerja asing?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: New Zealand banyak kambing daripada orang!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sekejap, sekejap saya belum habis! Ini *floor* saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: New Zealand banyak kambing daripada orang! Buat apa orang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi buat apa dengan orang?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini, inilah Tuan Yang di-Pertua, cakap *professionalism* dalam debat tidak ada! Kalau tidak ada asas, cakap tidak ada asas. Tidak tahu, dengar orang cakap. Saya boleh debat, saya boleh!

Beberapa ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hah, itu dia...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yaa!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tarik balik, minta minta tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta laluan, Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak tarik balik?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak tahu, saya boleh beritahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, dia menjatuhkan imej saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Imej Yang Berhormat tidak kena dijatuhkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 36.6 Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah, baiklah! Sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak berasas, ya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan berkata perlukan berjuta-juta atau ribu-ribu orang untuk bekerja di negara ini kita sudah salah tafsir. *Wrong assessment!* Kita tidak perlukan *immediate development*, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlukan, tidak perlukan. Kalau sedemikian negara-negara yang telah bangun seperti Australia, New Zealand dan negara-negara yang maju akan adakan berjuta-juta orang pekerja kerana mereka juga sedang pesat membangun. Tetapi asasnya adalah ini: Adakah perkara-perkara ini tidak boleh dibuat oleh pekerja-pekerja di negara ini? *The 3 Ds*, Tuan Yang di-Pertua, *Danger, dangerous, dirty* dan sebagainya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mana? Oh, kawan saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawan awak ya, baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Apakah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat setuju bahawa masalah keperluan pekerja asing ialah masalah polisi yang telah wujud di dalam keranda Barisan Nasional. Kita boleh tengok buruh kasar, ramai warga negara Cina - *I'm talking about the Malaysian Chinese* - terpaksa melompat kapal terbang - dengan izin - [dalam bahasa Cina] ke luar negara untuk masuk tanpa kebenaran untuk mencari kerja sebab di bidang buruh kasar pembinaan polisi Barisan Nasional, *sub, sub, sub contracts!* Sampai ke peringkat bawah, mereka tidak boleh cari makan. Apakah setuju Yang Berhormat dengan pandangan ini? Polisi kerajaan Barisan Nasional yang menyebabkan kita punya orang tempatan enggan memasuki kerja-kerja buruh kasar dan juga pertanian. Ramai

yang telah bekerja ibu bapa atau nenek moyang mereka bekerja di tanah itu tetapi diambil oleh kerajaan untuk pembangunan, tidak boleh kerja lagi untuk sektor pertanian. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dengan perkara ini? Sedarkah ramai yang pergi ke [*cakap bahasa Cina*] ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu, Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Melompat kapal terbang! Tak kanlah Yang Berhormat tidak tahu? [*bahasa Cina*] Tidak tahu kah? [*bahasa Cina*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak tahu, saya tidak tahu!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order!* Yang Berhormat kena cakap bahasa yang orang faham dalam Dewan Rakyat!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dengan izin, dengan izin!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini kita tidak faham, Yang Berhormat kata *cheng cheng* ini apa? Ini kita pun tidak faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ada kata, lompat kapal terbang yang masuk ke negara lain, bekerja tanpa permit! Tanpa permit! Tanpa permit! Dan ini menimbulkan ... Apakah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, Jerai sila duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Orang tidak kata lompat, orang kata naik kapal terbang! Orang tidak kata lompat kapal terbang! Mana boleh lompat kapal terbang?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini Yang Berhormat bagi Jerai tidak tahu apa yang berlaku di kawasan dialah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hey, hei! Siapa kata?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya percaya di setiap tempat jika ada masalah,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Yang Berhormat duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau saya tidak tahu berlaku, saya tidak jadi ahli politik, Yang Berhormat!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mohonlah Ipoh Barat, sedarkah perkara ini yang menyebabkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, tadi Jerai dia bangun dia minta itu, ada sebab dia, sebab saya pun tidak faham apa dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi sebelum itu saya sudah terangkan masuk ke luar negara kerja tanpa permit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi apa Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada gunakan perkataan yang saya pun tidak faham dan dia pun tidak faham.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi saya sudah terangkan, dengan izin, *[bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, sebelum Yang Berhormat terangkan, saya ingat langgar kapal terbang.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya telah ulang dua kali perkataan ini. Yang pertama kali saya telah jelaskan masuk ke negara lain untuk kerja dalam bidang sektor pembinaan buruh kasar tanpa kebenaran. Jadi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat apakah setuju bahawa masalah ini telah juga menimbulkan masalah sosial? Suami pergi - dengan izin - *[bahasa Cina]* ini menyebabkan... *[Disampuk]* Tadi sudah terangkan. Kalau ada pasang telinga ada dengarlah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Cakap dalam bahasa Cina]* *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi ini menyebabkan suami ada masalah keluarga, masalah sosial, anak-anak dibiarkan tanpa jagaan atau untuk nenek moyang. Apakah Yang Berhormat sedar masalah sedemikian ekoran polisi Barisan Nasional yang tidak adil di dalam pemberian kontrak dan *sub, sub, sub* kontrak ini?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bagus itu satu pandangan yang telus, benar dan betul.

Kita semua tahu, kita semua tahu *[Dewan menjadi riuh dengan sorakan]* sistem Barisan Nasional yang menyebabkan - ini pelajar-pelajar yang datang hari ini ke Dewan Rakyat - satu hari mungkin mereka pun dalam situasi yang sama kerana polisi-polisi Barisan Nasional yang tidak boleh pakai! *The cause of the whole problem* dalam negara ini! Kita perlu fikir, Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangkitkan perkara ini bukan kali ini

sahaja, tetapi telah banyak kali ingatkan kepada kementerian tersebut. Oh kenapa satu situasi di mana ramai macam yang dikatakan oleh kawan saya dari Batu Gajah yang perlukan *migration to another country* untuk bekerja? Rakyat Malaysia! Sedangkan kita mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja dalam situasi yang sama dengan gaji yang kurang. Kenapa kita perlukan membayar gaji yang kurang supaya mengambil pekerja-pekerja dari Indonesia dan negara-negara lain, walhal kita ada pekerja-pekerja yang semahir, kalau tidak lebih mahir? Kenapa kita lepaskan peluang ini kerana polisi-polis yang tidak kena, polisi-polisi yang tidak tentu dan yang tidak boleh difahami, Tuan Yang di-Pertua?

Saya harap perkara ini saya sendiri telah bangkitkan di banyak forum. Saya rasa satu di antara sebabnya adalah kementerian tersebut sendiri di mana kurang arif dengan perkara-perkara yang logical. Kerap kali bukan sahaja Ahli Parlimen-ahli Parlimen, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri juga kata kita perlu capai *develop status* jadi kita perlukan tenaga dari luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *What is the hurry?*

Tuan M. Kula Segaran: *Why sacrifice the environment, why sacrifice dengan izin our people, our rice bowl of our people tidak perlu, we can do in the slow and in the correct way dengan izin.* Ramai di antara rakyat di negara ini lebih-lebih lagi rakyat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai bangun.

Tuan M. Kula Segaran: "Cerai"?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat suka ceraikah?

Tuan M. Kula Segaran: Bukan saya dengar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingat Yang Berhormat ini ada masalah rumah tanggakah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, kita hendakkan negara kita membangun, apabila negara kita membangun peluang pekerjaan banyak, jadi daripada ucapan Yang Berhormat tadi seolah-olah Yang Berhormat ini berada di

zaman yang tidak suka pembangunan, mundur ke belakang sedangkan negara-negara lain menuju ke arah kemajuan. Jadi sudah tentu bila ada sesuatu pembangunan dia tentu ada sedikit pengorbanan, ini yang Yang Berhormat kena faham, kenalah *sacrifice* sedikit dan saya pun tidak bersetuju bila *development*, dia ambil tanah, itu dan sebagainya. Potong bukit, banjir dan sebagainya tetapi kita juga memerlukan pembangunan.

Kalau tidak ada rumah di Kuala Lumpur ini di mana kita hendak duduk, di mana rakyat Wilayah Persekutuan hendak duduk? Jadi sudah tentu kita terpaksa berkorban sedikit malah Kedah sendiri pun *rice bowl of Malaysia* Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang kita terpaksa kalau tidak di mana kita hendak letak orang kawasan saya 80 peratus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan M. Kula Segaran: Pandangan yang tidak berapa tuluslah Tuan Yang di-Pertua, tidak kena pada perkara yang mustahak. Itulah bila *the* justifikasi itu sebenarnya tidak boleh diterima, yang kita katakan kita tidak perlukan sebanyak orang tersebutlah di negara ini. Kita tidak perlu sebanyak orang pada masa sekarang, kita cukup orang. Kalau kita betul-betul tidak cukup dalam kemahiran-kemahiran yang tertentu, macam di *New Zealand* Tuan Yang di-Pertua bila kita pergi sana kita nampak posmen-posmen di sana, bukan dari luar negara atau pekerja-pekerja yang tidak mahir, dia semua ada seberapa yang boleh digunakan orang-orang dalam negara dan bayar dia gaji yang berpatutan. Kalau kita membayar pekerja-pekerja kita di industri-industri yang berkenaan dengan gaji yang berpatutan mustahil mereka tidak mahu bekerja.

Tetapi kita membayar gaji-gaji yang terlampau kurang, itulah sebab kita membawa pekerja-pekerja dari luar negara, majikan-majikan sangat seronok, ahli-ahli politik lebih seronok kerana lebih permit dikeluarkan lebih boleh cari makan.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik Yang Berhormat. Saya orang politik saya tidak cari makan atas orang, Yang Berhormat jangan kata macam itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu *not fair*lah

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua itu perkataan, "Siapa makan cabai....."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak apa bila Yang Berhormat Ipoh Barat sebutkan ahli politik termasuk Yang Berhormat sendiri ahli politik.

Cik Fong Po Kuan: Dia tidak makan cili, ha? Dia tidak makan cili.

Tuan M. Kula Segaran: Ya, ya, ya.....saya tidak maksud.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tapi sekejap tadi dia cakap Barisan Nasional, dia cakap tadi dia guna perkataan "UMNO", ini tidak patut.

Cik Fong Po Kuan: Hah! Sudah tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak apalah, jangan susah hatilah duduk, duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tarik balik.

Cik Fong Po Kuan: Sudah tahu apa yang mahu tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, ini orang kata, "Siapa makan cabai apa itu.....?"

Cik Fong Po Kuan: Dia yang rasa pedas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: "Siapa makan cabai dia rasa pedas".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa peribahasa pun tidak tahu hendak cakap, apalah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Kita tahu, kita mahu *you* sebut supaya lebih faham.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran: Saya mahir dalam ini bahasa jangan *you* perkecilkan apa yang saya hendak katakan.

Cik Fong Po Kuan: Ya. Nanti dia kata, “Tembak”, ingat orang tidak fahamlah.
[Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran: [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, yang lebih mustahak adalah kerajaan perlu memberi sebab-sebab yang tertentu atau pihak-pihak yang membuat polisi-polisi berkenaan lebih tahu, lebih arif supaya kita perlu *control* pengambilan pekerja-pekerja di negara lain.

Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini kita dapat tahu kerajaan telah memberi beberapa *amnesty-amnesty* untuk menghantar balik pekerja-pekerja asing, itu adalah satu sistem yang baik, tetapi yang lebih baik yang kerajaan kurang prihatin adalah kenapa kita tidak *legalize* mereka dengan izin. Pekerja-pekerja yang datang tanpa izin di negara ini, kenapa kita tidak *legalize* ini dan perkara itu dapat diselesaikan, kita dapat pendapatan - senang.

Tetapi saya difahamkan mereka dihantar balik dengan cara ini supaya mereka dapat balik, supaya ada permit dikeluarkan, ada duti-duti yang kena, ada pihak-pihak yang akan untung dalam proses ini. Jadi inilah yang kita katakan yang menggunakan jawatan-jawatan yang ada, atau mengeluarkan polisi-polisi untuk menguntungkan pihak-pihak yang tertentu, yang inilah yang kita perlu elak. Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita perlu tahu apakah ini sistem yang sedang digunakan ini, di mana berapa syarikat yang telah diberi, dikeluarkan lesen atau permit sehingga hari ini yang mengambil pekerja-pekerja asing. Saya selalu membaca di dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua kita dapat beberapa iklan-iklan yang tertentu mengatakan bahawa, “*With no education jobs available in Canada and such other countrie*”s. Adakah ini betul? Apakah kawalan-kawalan yang dibuat oleh kementerian tersebut?

Adakah setakat ini tindakan-tindakan telah diambil terhadap pihak-pihak yang mengiklankan, yang mengatakan sesuatu tetapi bila rakyat negara kita keluar ke negara asing mereka bukan sahaja tidak dapat kerja, terpaksa dibuang negara balik ke negara ini. Apakah yang dibuat oleh kementerian tersebut? Dan dalam proses ini, baru-baru ini bila pekerja-pekerja dihantar balik, berapakah pekerja-pekerja yang *illegal* telah dihantar

balik? Dan adakah ini ada kawal selia oleh badan yang dikatakan yang akan ditubuhkan kepada satu badan yang tertentu, dan kita hendak tahu adakah kita ada tenaga-tenaga yang tertentu, *specialize agency* yang dapat mengawal, mengambil tindakan susulan dalam perkara ini?

Saya difahamkan tidak ada, hanya setakat mengatakan kita akan meluluskan rang undang-undang ini, tetapi yang betul-betul berfungsi untuk mengambil tindakan tidak ada pihak-pihak yang berkenaan, dan macam mana kita boleh adakan *sustainable development* dengan izin, bila kita membawa sebanyak ramai pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini, dua minggu dahulu pendatang yang tidak diizin telah mengambil tindakan mahkamah untuk mendapat balik gaji mereka dan mahkamah buruh telah mengatakan, tidak ada kuasa tindakan untuk membawa tindakan kes untuk pekerja-pekerja tersebut.

Apakah ini diliputi di ruangan *jurisdiction* pihak badan tersebut dan apakah pertolongan yang telah diberi dan akan diberi oleh badan yang akan ditentukan selepas ini, selepas rang undang-undang ini diluluskan. Apakah fungsi-fungsi yang tertentu untuk menolong pekerja-pekerja yang susah, yang telah bekerja betul-betul, tetapi telah dianiayakan oleh majikan-majikan yang ada beroperasi, berniaga di negara ini. Adakah kita akan membenarkan atau menggalakkan atau memberhentikan atau mengambil tindakan terhadap majikan-majikan tersebut. Walaupun baru-baru ini di Selangor ini, di mana majikan telah menang kes tersebut, apakah tindakan badan yang dikatakan akan ditubuhkan untuk memberi pertolongan kepada pekerja-pekerja tersebut.

Ramai di antara itu Tuan Yang di-Pertua, ini dari pengalaman saya sendiri bila kami menolong pekerja-pekerja asing, bila membawa kes sahaja ke mahkamah buruh mereka dilucutkan jawatan, mereka diberhentikan oleh majikan mereka dan visa mereka akan diberhentikan. Makna mereka tidak ada hak untuk berada di negara ini melainkan dibenarkan oleh imigresen. Dan setiap kali seorang warganegara asing pergi untuk memperbaharui visa mereka dengan pihak imigresen, mereka perlu membayar RM100, bukan setiap satu tahun, setiap satu bulan. Bila kejadian ini berlaku di Ipoh, mereka perlu, bukan disalurkan di pejabat imigresen di Ipoh, tetapi di pejabat imigresen di Kuala Lumpur. Mereka tidak fasih dalam bahasa Malaysia, orang-orang asing ini.

Kita perlu memberi pertolongan, menjaga mereka. Apakah ini badan, agensi pekerjaan ini akan memberi pertolongan-pertolongan tersebut? Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa kementerian tersebut ada banyak yang perlu dibuat. Oleh kerana ekonomi kita pesat membangun, tetapi Kementerian Sumber Manusia tidak pesat membangun, mungkin pesat tidur. Ini perlu ambil perhatian. Saya tahu pihak-pihak yang berkenaan pernah berkata, mereka tidak cukup pegawai-pegawai dalam kementerian tersebut, tidak cukup pegawai-pegawai *enforcement* dalam kementerian tersebut dan tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka. Apakah ini akan jadi dan adakah ini dapat dielakkan? Adakah kementerian akan betul-betul mengambil tindakan untuk mengatasi perkara ini?

Sebagai akhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dan kata juga. Dalam membawa pekerja-pekerja asing ini, adakah standard V yang akan dikenakan atau telah dikenakan? Adakah betul pekerja-pekerja asing sekarang dikenakan bayaran seberapa banyak yang disukai oleh agensi tersebut. Ada yang dikenakan RM1,000, ada yang dikenakan RM2,000, ada yang dikenakan RM3,000 dan ada yang dikenakan beribu-ribu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, apakah dalam rang undang-undang yang akan disokong dan diluluskan oleh Barisan Nasional sekarang, tidak ada dikatakan apa-apa. Berapakah minimumnya, macam manakah pemilihan pekerja-pekerja dari luar negara, kenapa kita perlukan membawa pekerja-pekerja yang boleh membuat bom dari negara-negara yang tertentu, yang ada kena mengena dengan Al-Qaeda dan sebagainya. Ini akan memberi galakan-galakan yang tertentu, yang membawa binasa kepada negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bersetuju bahawa hari ini adalah Hari Pelarian Sedunia, *World Refugee Day*. Bukankah tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai *crack down*, tindakan yang diambil oleh pihak imigresen mengenai pekerja-pekerja asing tetapi antara mereka yang ada ditangkap dalam operasi itu ialah pelarian-pelarian Rohingya, lebih kurang 9,000 Rohingya yang suatu masa Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri ada berkata akan diberi taraf pengakuan oleh Kerajaan Malaysia supaya mereka boleh terus berada dalam Malaysia tanpa menjadi mangsa-mangsa dan sampai sekarang mereka belum dibebaskan.

Bukankah khasnya hari ini *World Refugee Day* atau kenapa Yang Berhormat Menteri tidak di sini. Tetapi, nampaknya ini menjadi satu tabiat menteri-menteri Barisan Nasional, ada rang undang-undang mereka hilang, cuma wakilkan kepada Timbalan Menteri, kepada Setiausaha Parlimen yang sangat tidak bertanggungjawab. Mereka patut di sini. Kalau mereka tidak di sini, panggil mereka letak jawatan sebagai menteri. Untuk jawab, kenapa tidak menggunakan hari ini *World Refugee Day* untuk mengisytiharkan semua pelarian, semua refugee yang ada ditangkap dalam operasi-operasi dahulu akan dibebaskan dan mereka tidak akan menjadi mangsa imigrasi pihak imigresen. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Yang di-Pertua, *World Refugee Day* adalah satu hari yang sangat mustahak, lebih-lebih lagi kepada negara seperti Malaysia di mana bukan sahaja dari Rohingya, kita banyak pelarian dari lain-lain negara macam dari Aceh, Filipina dan sebagainya. Apakah pendirian, situasi mereka? Saya difahamkan. Saya setuju penuh dengan kawan saya dari Ipoh Timur, pandangan beliau bahawa satu-satu pengisytiharan patut dibuat hari ini.

Satu situasi yang baik di mana kerajaan boleh membuat satu pendirian dan memberi tunjuk ajar kepada negara-negara lain bahawa kita adalah negara yang bukan sahaja ingin bangun menjadi develop 2020 tetapi pemikiran dan apa yang kita buat adalah satu yang terbaik dalam negara dan terbaik dalam dunia ini, yang unggul sekali. Tetapi, kita sudah ada lebih kurang 25,000 orang pelarian Rohingya yang hanya memegang satu kertas Tuan Yang di-Pertua, yang mengatakan bahawa mereka adalah seorang pelarian. Dengan ini, diharapkan dia mendapat duduk di negara ini tanpa diusik atau dikacau oleh pihak-pihak yang tertentu. Apakah situasi mereka ?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat kita balik kepada pekerjaan di rang undang-undang inilah?

Tuan M. Kula Segaran: Dalam rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ia lari sedikitlah.

Tuan M. Kula Segaran: Banyak kurang sikitlah.

Puan Chong Eng: Dia lari ke luar negeri, dia sudah lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan, saya haraplah sebagai soalan akhir, saya hendak kata, kita perlulah, kita perlu iktiraf bahawa suatu situasi telah datang untuk memberi satu pertolongan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru dalam proses saya debat ini, saya ingat di negara ini sekarang, kita ada ribu-ribu orang juga Tuan Yang di-Pertua yang tidak ada kad pengenalan atau surat lahir. Apakah situasi mereka? Apakah pendirian kerajaan dalam perkara ini? Adakah kerajaan akan memberikan pertolongan kepada mereka? Saya difahamkan mereka tidak dapat EPF atau Socso dan apa-apa benefit jika mereka tidak mempunyai kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan akhir. Saya ingin tahu. Ini Akta Pekerjaan Swasta, selepas ia telah dipertanggungjawabkan kepada satu pihak yang baru ini, adakah ia akan mengawal semua pendaatang dari luar negara secara memberi permit, lesen untuk datang ke negara ini? Apakah pendirian kerajaan untuk memberi lesen kepada pihak-pihak yang layak untuk memohon mendapat lesen tetapi di mana pihak-pihak perlukan gabungan atau *shareholder* dari pihak-pihak yang tertentu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

4.18 ptg.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbincangan meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meminda akta ini agar kita dapat memberi kuasa kepada menteri, melantik pegawai-pegawai bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta 246 di Semenanjung Malaysia dan juga di negeri Sabah dan Sarawak. Seperti mana kita sedia maklum, Ordinan Buruh, Sabah dan Sarawak telah pun dipinda dan kita telah pun dengan segera kalau boleh dapat menyelaraskan aktiviti-aktiviti kebajikan buruh di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak.

Saya yakin melalui pindaan pada hari ini, kita dapat memberi kuasa kepada pengarah-pengarah buruh di negeri Sabah dan Sarawak untuk melantik dan juga menjalankan aktiviti agensi pekerjaan swasta di Sabah dan Sarawak dengan lebih efektif lagi. Kita sedia maklum bahawa agensi pekerjaan swasta adalah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara kita. Kita amat memerlukan satu akta yang

lebih sempurna untuk memastikan peranan agensi swasta ini dapat dijalankan dengan baik.

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah pun lama tidak dipinda dan ia memang lapuk dan ketinggalan zaman. Kita sudah masuk ke zaman era baru. Oleh itu saya ingin mendapatkan keterangan lanjut daripada Timbalan Menteri bilakah kita hendak meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini kerana kalau kita lihat dari segi kandungan Akta Agensi ini memang dari segi liputan kuat kuasa akta ini juga terhad. Fi yang terkandung dalam Akta ini juga terlalu rendah. Kuasa yang diberikan kepada Menteri dan Ketua Pengarah juga tidak begitu meyakinkan untuk melaksanakan akta ini dengan baik. Saya berkata demikian kerana kita semua sedia maklum bahawa Kementerian Sumber Manusia meluluskan banyak permit agensi pekerjaan swasta.

Saya tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi bahawa kelulusan agensi pekerjaan swasta ini perlukan *connection*, memberi peluang kepada ahli politik untuk mencari rezeki. Itu satu tuduhan liar kerana kita sedia maklum bahawa permit agensi pekerjaan swasta, syarat-syarat untuk menubuhkan agensi pekerjaan ini begitu telus, begitu terbuka, sesiapa yang berhak, sesiapa yang memenuhi syarat boleh dapat wujudkan agensi pekerjaan swasta. Tetapi kita lihat apabila Kementerian Sumber Manusia meluluskan beribu bilangan agensi swasta ini tetapi yang aktif yang dapat beroperasi begitu kecil sekali.

Apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan agensi-agensi swasta yang telah diberi lesen yang telah dibenarkan beroperasi tetapi nampaknya tidak dapat beroperasi dengan baik, nampaknya tidak dapat menjalankan operasi dengan begitu meyakinkan sehinggakan ramai yang dapat lesen telah pun merayu agar kementerian dapat mengkaji balik klausa-klausa yang terdapat dalam akta ini untuk membolehkan akta ini menjamin masa depan pengusaha agensi pekerjaan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan perkara ini kerana saya rasa sudah tiba masanya Kementerian Sumber Manusia mengkaji sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya agar agensi pekerjaan swasta yang ada ini diberikan kuasa yang lebih besar, diberikan liputan skop kerja yang lebih besar untuk membolehkan agensi pekerjaan swasta ini hidup dan dapat beroperasi membantu Kementerian Sumber Manusia menjalankan kerja-kerja dalam sumber manusia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian kerana kita tahu bahawa agensi pekerjaan swasta yang ada pada hari ini walaupun telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Sumber Manusia tetapi tidak ada kuasa untuk mengambil pekerja daripada luar negeri. Sekiranya hendak ambil pekerja daripada luar negeri, dia perlukan kelulusan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Permit yang diluluskan pada hari ini hanya boleh menjalankan aktiviti pertukaran pengambilan pekerja dalam negeri sahaja iaitu di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Itu menyebabkan bahawa ini tidak dapat memberi satu keuntungan yang besar kepada agensi pekerjaan swasta ini.

Tambahan pula apabila mereka hendak menghantar pekerja-pekerja ke luar negeri juga perlu dikenakan syarat-syarat yang tertentu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya berharap kementerian dapat mengkaji isu ini dengan sebaik-baiknya dan dapat membuat pindaan akta untuk membolehkan Kementerian Sumber Manusia sendiri dapat mengawal bilangan pekerja yang masuk, bilangan pekerja yang keluar, dapat mempunyai autonomi dalam menentukan bilangan sumber manusia atau tenaga kerja yang diperlukan dalam negara ini kerana pada hari ini nampaknya bahawa Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai kuasa langsung dalam menentukan bilangan pekerja yang diperlukan dalam negara ini. Saya rasa sudah tiba masanya Kementerian Sumber Manusia perlu diberikan peranan yang perlu dimainkan untuk menentukan arah tuju pasaran buruh dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia juga ada mewujudkan satu *labour exchange board* yakni satu bursa pertukaran pekerjaan. Ini adalah melalui satu sistem elektronik, *electronic exchange*, satu usaha yang cukup kita sanjung tinggi kerana Kementerian Sumber Manusia merupakan satu-satunya kementerian yang cukup ke hadapan dalam meng"IT"kan, memastikan teknologi maklumat digunakan sepenuhnya dalam aktiviti pertukaran buruh ini tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, apa sudah jadi kepada bursa pekerjaan yang kita cita-citakan untuk melihat kejayaannya.

Nampaknya bursa ini tidak boleh berjaya dan aktiviti penempatan pekerjaan telah dijalankan oleh pihak swasta dengan lebih berjaya lagi walaupun tanpa sokongan daripada kementerian. Kita lihat bagaimana Jobstreet menjalankan penempatan pekerjaan mendapat sambutan yang begitu baik daripada para belia. Baru-baru ini

Pemuda MCA bekerjasama dengan Jobstreet, kita mengadakan satu Job Fair dan kita dapat lihat lebih kurang 20 ribu belia datang untuk mendapatkan pekerjaan dan Jobstreet dapat menawarkan banyak pekerjaan melalui internet dan juga perkhidmatan yang diberikan oleh agensi pekerjaan swasta ini.

Saya hendak tahu daripada kementerian, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh kementerian dalam bidang ini untuk menaikkan taraf dan juga imje kementerian dalam aktiviti perkhidmatan penempatan pekerjaan. Kita tidak mahu lihat bahawa kita sudah wujudkan infrastruktur yang baik, kita sudah adakan talian elektronik yang begitu canggih tetapi dibiarkan, disia-siakan tanpa diurus dengan begitu baik sekali. Adakah Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk ataupun kita berkongsi dengan pihak swasta untuk menggunakan infrastruktur yang ada pada hari ini untuk membantu belia-belia mencari pekerjaan.

Tidak guna kita telah menyediakan infrastruktur yang baik tetapi tidak dapat dijalankan aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada belia kita semasa mencari kerja. Saya minta Kementerian Sumber Manusia mengkaji sedalam-dalamnya sama ada kita boleh bekerjasama dengan pihak swasta dalam bidang ini untuk membantu para pencari kerja.

Tuan yang di-Pertua, satu lagi berhubung dengan....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, silakan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bentong mengenai agensi pekerjaan swasta ini dan berhubung dengan Kementerian Sumber Manusia. Dalam tempoh setengah dekad ini, kita nampak perubahan dasar yang begitu dinamik yang berlaku akibat daripada perkembangan ekonomi kita dan juga perkembangan negara kita dari aspek pekerja-pekerja dari luar negara ini.

Dan saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bentong ini, apakah dasar-dasar itu yang sentiasa ditukar-tukar. Contohnya baru-baru ini kita ada di mana dasar untuk pengambilan pekerja, selepas itu hantar balik, kemudian terbuka kembali, ini mempunyai impak terhadap budaya pengambilan kerja ini.

Bagaimanakah masalah ini dapat diatasi oleh kementerian? Apakah cadangan Yang Berhormat bagi Bentong supaya satu dasar yang begitu stabil dapat diwujudkan demi pengambilan pekerja kerana pekerja ini jumlahnya berjuta-juta dan ini mempunyai impak yang begitu besar kepada sosial ekonomi negara. Perkara ini perlu dilihat dengan begitu mendalam sekali. Saya rasa keputusan ini bukan sahaja sekadar membuat keputusan. Saya mencadangkan mungkin Yang Berhormat bagi Bentong boleh memberi komen sama ada satu *select committee* atau *standing committee* perlu diwujudkan untuk mencari satu kata putus dan penyelesaian yang mendalam terhadap isu ini. Minta penjelasan.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands yang memang begitu prihatin tentang hala tuju sumber manusia negara kita. Kita memang berasa bimbang apabila kerajaan pada 1990-an mengatakan bahawa kita tidak akan bergantung kepada pekerja asing. Pekerja asing yang kita mula bawa masuk pada awal 90an itu sekadar sementara. Kemudian kita tengok desakan-desakan majikan pekerja asing semakin meningkat sehinggakan hari ini sudah pun menjangkau 1.2 juta. Itu pun tidak termasuk pekerja asing tanpa izin. Kalau masuk pekerja asing tanpa izin saya tidak tahulah mungkin 2 juta. Ini cukup membimbangkan rakyat berbilang kaum, rakyat semua peringkat.

Memang satu perkara kita perlu timbang dengan begitu serius apabila kita rasa memang serius kita perlu wujudkan *select committee*. Saya boleh cadangkan di sini kita boleh wujudkan *select committee* untuk menimbang dengan sedalam-dalamnya, mendengar pandangan-pandangan mahupun daripada pihak swasta, majikan dan juga rakyat seluruh negara kita untuk melihat dengan lebih dalam lagi masalah-masalah dari segi pengambilan pekerja asing ini. Kalau kita tidak bagi pekerja asing, majikan kata kita tidak ada pekerja. Tetapi kalau kita bagi pekerja asing banyak lagi masalah lain seperti yang dikatakan tadi bahawa majikan dengan sewenang-wenangnya memastikan bahawa gaji tenaga buruh kita begitu rendah sehinggakan orang tempatan tidak mahu bekerja dalam sektor-sektor tertentu.

Saya ingin hendak bangkitkan di sini bahawa memang saya dapati ada sesetengah majikan yang dengan sengajanya menyusahkan pekerja tempatan agar pekerja tempatan melepaskan kerja tersebut dan membolehkan majikan tersebut

memohon pekerja asing. Saya harap Kementerian Sumber Manusia dapat menyasat perkara ini agar memastikan bahawa tiada majikan yang mengambil peluang untuk mencari jalan mudah untuk mendapatkan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, memang dasar kerajaan dalam pengambilan pekerja asing ini saya rasa sentiasa berubah-ubah. Perlu kita tegaskan di sini bahawa dasar yang ada pada hari ini perlu selaras dengan keperluan memastikan bahawa pekerja asing yang masuk dalam negara kita ini adalah secara sah dan tidak menyusahkan pihak majikan.

Seperti yang kita tahu melalui program pengampunan, melalui Ops Nasihat, melalui Ops Tegas ramai pekerja asing tanpa izin (PATI) telah pun ditangkap, ada yang dihantar balik, ada yang dinasihatkan supaya meninggalkan negara kita tetapi sehingga hari ini masih lagi menimbulkan kekeliruan sama ada pekerja asing mana yang kita perlu bawa masuk sumber-sumber tenaga ini daripada Bangladesh, Pakistan, negara China, Myanmar, Vietnam, Kemboja dan sebagainya. Saya rasa kebergantungan kepada sesetengah negara untuk pekerja asing ini juga tidak memberikan satu pandangan yang lebih meluas berhubung dengan dasar pekerja asing kita pada hari ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji bagaimana kita hendak memastikan bahawa majikan tidak menggaji pekerja asing tanpa izin. Banyak cadangan telah pun diutarakan.

Contohnya, kalau kita berikan agensi pekerjaan swasta yang ada, berikan kuasa lebih besar memastikan agensi-agensi ini membawa masuk pekerja asing, mereka juga kena menjaga kebajikan pekerja asing, mereka kena memastikan bahawa pekerja asing yang ada bekerja dengan majikan-majikan tersebut tidak tertindas. Ini dapat menentukan pekerja asing yang ada di dalam Malaysia ini tidak melompat daripada satu majikan ke majikan yang lain dan akhirnya menjadi pekerja asing tanpa izin.

Saya rasa kerajaan memang mempunyai dasar untuk menjaga kebajikan pekerja asing ini. Contohnya, Kementerian Sumber Manusia telah pun menetapkan pekerja asing membeli insurans pekerja asing. Ini satu langkah yang baik kerana apabila mereka kemalangan ada insurans yang dapat meliputi mereka. Saya hendak tahu sejauh manakah majikan mengakuri perintah Kementerian Sumber Manusia. Berapa peratus pekerja asing yang telah mendapat liputan ini.

Satu lagi, Kementerian Sumber Manusia juga menggalakkan majikan membayar EPF kepada pekerja asing. Saya hendak tahu sejauh manakah galakan ini diterima baik oleh pihak majikan. Adakah galakan dan juga syor-syor oleh Kementerian Sumber Manusia ini hanya sekadar kata-kata manis sahaja dan tidak dapat dijalankan di peringkat akar umbi mahupun didengar oleh pihak majikan agar kebajikan pekerja asing ini dapat dijaga dengan baik.

Saya yakin sekiranya kebajikan pekerja asing dijaga dan majikan menjalankan kerja dan tanggungjawab mereka dengan baik, pekerja asing tanpa izin dalam negara ini dapat dikurangkan. Masalah pekerja asing tanpa izin dalam negara kita semakin hari semakin membimbangkan dan kita tidak ada jalan singkat. Saya tanya dalam Dewan ini, berapa majikan yang telah didakwa berhubung dengan penggajian pekerja asing tanpa izin. Dahulu kita rasa susah hendak pastikan majikan hendak menggaji pekerja asing tanpa izin kerana majikan boleh lepas tangan sahaja tidak didenda dan tidak disebat.

Oleh itu Dewan ini juga telah meluluskan akta untuk membolehkan Akta Imigresen kita boleh tangkap majikan, kita boleh sebat majikan sekiranya mereka menggaji pekerja asing tanpa izin. Tetapi sehingga hari kita lihat berapa ramai pekerja asing tanpa izin yang ada di dalam negara kita, berapa majikan yang telah ditangkap, berapa majikan yang telah ditahan, berapa majikan yang telah disebat, tidak dengar pun. Saya tanya dalam Dewan ini dia kata 14 majikan yang telah didakwa kerana menggaji pekerja asing tanpa izin dan apakah langkah-langkahnya pun dalam dakwaan. Tidak tahu lagi sama ada apakah penaltinya. Saya rasa sudah tiba masanya kerajaan kena tegas dalam isu ini. Tidak boleh kita meremeh-temehkan, membiarkan majikan, melepaskan majikan itu dengan sewenang-wenangnya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Liow Tiong Lai: Silakan Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Sebenarnya Yang Berhormat Bentong, di mana ada semut di situ ada gula. Jadi, sekarang ini kita kena *remove* gula baru semut tidak datang. Maknanya *to remove the sugar*....

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin ke? *[Ketawa]*. Bermaknanya undang-undang ini harus *dienforcekan* ataupun dikuatkuasakan.

Jadi sekarang ini tidak ada kuat kuasa. Sebab itulah majikan-majikan tidak takut, Yang Berhormat bagi Bentong. Cuba seorang kena sebat, contohnya Cameron Highlands, kalau dia bawa pekerja asing tanpa izin, ambil dia, tangkap dia, suruh Arau sebat!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, minta ditarik balik!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kata itu contoh. Yang Berhormat, ini contoh. Saya tidak boleh sebut nama syarikat, tidak adil kerana saya tidak tahu. Nanti Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Seputeh marah. Jadi, sekarang ini saya hendak minta supaya penguatkuasaan di Bentong harus tegas! Kalau seorang dua sudah kena sebat, Tuan Yang di-Pertua, tidak beranilah. Maka gula-gula ini akan tidak ada lagi. Apabila gula-gula ini tidak ada, maka semut tidak akan datang. Jadi sekarang ini kita hendak *remove that sugar!* Jadi kita kena rotan, kita rotanlah. Kita tidak kira siapa. Kalau dia salah, rotan dia. Tetapi semalam Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan, dia kena hukum penjara dahulu baru boleh rotan, kalau tidak hendak rotan di mana? Takkan hendak buat rotan di depan Parlimen ini? Tidak boleh. Ataupun di depan kementerian, tidak boleh. Jadi ini undang-undang yang harus kita perkemaskan supaya jangan pekerja pun teraniaya dan majikan pun mengambil lewa terhadap pekerja-pekerja.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai kerana ia memang jelas menunjukkan bahawa kita perlu memandang serius tentang masalah PATI ini.

Sekarang ini, pihak penguat kuasa kita beri tanggungjawab kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya hendak cadangkan bahawa Kementerian Sumber Manusia juga perlu diberikan kuasa untuk menguatkuasakan majikan tidak menggaji pekerja asing. Memang ini dalam tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh.

Dato' Liow Tiong Lai: Tanggungjawab majikan, saya rasa Kementerian Sumber Manusia kena jaga supaya majikan tidak menggaji pekerja asing, tidak boleh lepas tangan pada kementerian lain. Ini tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia dan kemudian Kementerian Sumber Manusia perlu mempunyai kakitangan yang cukup untuk menguatkuasakan bidang ini. Silakan Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Tadi Yang Berhormat bagi Bentong sebut tentang kenapa kerajaan tidak sebat majikan yang mengupah pekerja tanpa izin. Saya rasa kita juga harus mengkaji kenapakah begitu ramai pekerja tanpa izin berada di negara kita dan juga apakah masalah yang dihadapi oleh pihak majikan yang amat memerlukan perkhidmatan pekerja asing.

Saya pernah menerima aduan daripada majikan yang sebenarnya ingin mengupah pekerja asing dengan izin, dengan *permit* pekerja tetapi mereka memang menghadapi banyak masalah dalam pihak imigresen ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...yang mana pihak imigresen sengaja melambatkan permohonan untuk mendapat kelulusan pekerja asing itu sehingga mereka tidak ada pilihan. Jadi apa yang ada di hadapan mereka adalah pekerja asing tanpa izin yang *available*, yang mampu dan sanggup bekerja dengan gaji yang rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan untuk Yang Berhormat berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya bukan berucap, saya hanya hendak membangkitkan perkara ini kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...kepada Yang Berhormat bagi Bentong kerana korupsi yang berlaku di pihak Imigresen ini adalah salah satu sebab yang menyebabkan begitu ramai pekerja tanpa asing berada di negara kita dan mereka telah menyusahkan majikan yang benar-benar ingin mengupah pekerja asing dengan saluran yang betul. Saya rasa kita tidak harus hendak cakap sebat majikan. Saya rasa ini agak kejam! Saya rasa yang harus disebut mungkin adalah ramai pegawai sama ada pegawai polis dan pihak pegawai imigresen yang begitu korup yang membenarkan pekerja asing tanpa izin ini berada di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Berhormat, cukup!

Dato' Liow Tiong Lai: Saya dengar cadangan Yang Berhormat bagi Seputeh itu tetapi yang saya hendak katakan di sini bahawa apa yang saya cadangkan tadi memang adalah satu cara untuk kita mengatasi masalah yang ada pada hari ini, kerenah birokrasi dan sebagainya. Oleh itu saya minta Kementerian Sumber Manusia mengkaji balik Akta Agensi Pekerjaan Swasta agar dapat memberi kuasa yang lebih banyak kepada kementerian untuk membolehkan agensi pekerjaan swasta membantu majikan-majikan yang ada pada hari ini. Kalau kita letak sahaja bagi majikan berurusan dengan pihak kementerian, saya rasa banyak juga perkara-perkara seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi timbul. Saya hendak tegaskan di sini bahawa agensi pekerjaan swasta boleh memainkan peranan yang penting untuk memudahkan lagi dan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pekerja asing dalam negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***Mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memang banyak tuduhan, banyak dakwaan bahawa pekerja-pekerja asing yang kita bawa masuk ini perlu membayar *fee* yang begitu tinggi sehinggakan contohnya orang-orang Bangladesh yang datang ke Malaysia ini kena bayar sampai RM4,000 – RM6,000. Kemudian apabila sudah masuk ke negara kita, beliau bekerja satu hingga dua tahun, apabila gaji tidak dapat, mereka tidak berani balik. Mereka hendak balik ke negara asal mereka pun, mereka kena bayar balik yuran yang telah dijanjikan, maka mereka menjadi pekerja tanpa izin dalam negara kita.

Saya rasa perkara-perkara ini banyak lagi masalah yang perlu kita lihat untuk menyelesaikan semua masalah ini dan apakah, sama ada akta yang kita hendak bincangkan ini, Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini dapat dikaji dengan sedalam-dalamnya untuk membolehkan kita mengawal keadaan yang ada pada hari ini. Saya yakin melalui usaha Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri, kakitangan Kementerian Sumber Manusia, sama-sama kita berusaha untuk memastikan satu agensi

yang lebih berwibawa dapat diwujudkan untuk membantu, bagi kita sama-sama membantu menyelesaikan masalah PATI dalam negara kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bentong, Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tambah sedikit.

Dato' Liow Tiong Lai: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setuju atau tidak kalau kita ada *limit* bila jangka masa sebab kita dalam perancangan ini ada *long-term, short-term*, dengan izin. Kalau boleh, kita buatlah jangka pendek dan jangka panjang bila kita hendak habiskan pengambilan pekerja-pekerja asing ini? Kita tidak boleh berterusan.

Yang keduanya, bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Bentong, kita hendak *legally right, morally right*? Kita tidak mahu *legally right, morally wrong*. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih. Hebat betullah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh – *Legally right, morally also correct* ya?

Seorang Ahli: *Religious* betul!

Dato' Liow Tiong Lai: Kita pastikan ini berjalan dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh perlu ada satu jangka masa. Saya haraplah Kementerian Sumber Manusia dapat meminda akta ini dalam tahun ini juga. Sudah tidak ada masa, ini sudah masuk bulan Jun. Kalau dapat kita pinda akta ini tahun ini, dapat sama-sama kita lihat untuk membolehkan Kementerian Sumber Manusia juga diberi kuasa yang penuh untuk menjamin masalah pekerja tanpa izin ini tidak berlaku berleluasa dalam negara ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin, silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sahabat saya Yang Berhormat bagi Bentong. Kita sedang berbincang Akta Agensi Pekerjaan Swasta dan banyak di antara

rakan-rakan kita menyuarakan berkenaan dengan pekerja asing. Sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa agensi pekerja swasta ini tidak dibenarkan untuk merekrut pekerja asing? Saya baru dapat pertanyaan daripada jawapan lisan di Dewan Rakyat ini, saya menanyakan sama ada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bercadang untuk melesenkan kembali agensi pekerjaan swasta untuk menguruskan kemasukan pekerja-pekerja asing bagi pihak majikan negara ini. Jawapan daripada kementerian, kerajaan belum berhasrat untuk melesenkan agensi pekerja swasta bagi menguruskan kemasukan pekerja asing. Pada masa ini agensi pekerjaan swasta yang ada berdaftar dengan Imigresen hanya dibenarkan untuk membawa pembantu rumah sahaja.

Saya hendak tanya juga Yang Berhormat, agensi pekerjaan pada hari ini lebih-lebih lagi melibatkan pekerja asing dan Yang Berhormat pun tadi sedar bahawa komisen yang dibayarkan oleh negara-negara sumber kepada agen-agen kita hari ini, begitu besar sekali dan oleh kerana agensi-agensi yang berlesen ini tidak dapat mainkan peranan, hari ini apa yang berlaku orang luar datang. Malah agensi-agensi dari Indonesia, Bangladesh dan juga Pakistan pada hari ini yang main peranan. Agensi-agensi kita di Malaysia ini oleh kerana sekatan yang diadakan, tiada peranan langsung. Mereka tidak tahu undang-undang Malaysia, tetapi hari ini mereka yang jadi agen. Dia yang untung, yang dapat nama - kita. Jadi oleh demikian saya kira, Kementerian Sumber Manusia ini dan juga Kementerian Keselamatan Dalam Negeri duduklah balik.

Cari jalan bagaimana rezeki yang datang ke negara kita “gula” kata Yang Berhormat bagi Jerai tadi supaya anak tempatan, agensi pekerjaan swasta negara kita ini dapat keuntungan bukan orang luar yang datang mengambil keuntungan ini, terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Itulah maksud saya dari mula saya sudah cadangkan bahawa kementerian perlu kaji balik Akta Agensi Pekerja Swasta kita. Tidak akanlah beri lesen dan tidak boleh bawa masuk pekerja asing. Itu yang kita rasa cukup kesal dan juga rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku, kerana apabila kita tidak membenarkan mereka bawa pekerja asing, maka apa yang terjadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, agensi bawah tanahlah. Agensi gelap jadinya semua agensi luar negara yang masuk mencari

keuntungan dalam negara kita. Saya harap kita memang sudah terlalu lewat untuk meminda akta ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pun berminat.

Dato' Liow Tiong Lai: Ya, sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Bentong. Apabila kita menyebut tentang agensi pekerjaan swasta di Malaysia, nampaknya ini kuasa daripada Menteri Sumber Manusia untuk meluluskan lesen. Tetapi apabila lesen itu diluluskan, nampaknya lesen itu tidak berguna. Kalau hendak ambil pekerja asing, kena melalui imigresen. Kenapa tidak kementerian memikirkan apabila bagi lesen, jangan lesen yang tempang. Sebab orang yang tempang ini tidak boleh jalan dengan sempurna. Jadi, biarlah kalau kita hendak mengurus dengan baik, apa pandangan Yang Berhormat bagi Bentong, perkara ini harus dikemas kini. Tidak boleh kita melihat tidak dari sudut yang lebih holistik. Kalau tidak masalahnya tidak akan selesai dapat lesen ini tidak guna dan kita masih ada agen-agen dari luar negeri datang ke sini. Itulah masalah utama. Apa pandangan Yang Berhormat Bentong? Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah dengar. Semua rata-rata Ahli Parlimen dalam Dewan ini semua pun mempunyai pendapat yang sama, bahawa lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia itu tempang. Tidak dapat beroperasi, tidak mendapatkan keuntungan. Tidak membolehkan agensi kita berjalan dengan baik. Oleh itu kita pinda sahaja akta dan saya rasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh memahami masalah yang timbul pada hari ini. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

4.54 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen ini kita meminda akta demi untuk kebaikan, kesejahteraan dan bagi memudahkan.

Tetapi kadang-kadang saya minta kalau bolehlah kita adakan satu *committee* untuk mendapat pandangan terutama sekali daripada wakil-wakil rakyat dan juga orang yang terlibat dalam bidang ini supaya kita faham. Kadang-kadang pegawai di kementerian pun bukan hendak reti semua. Adalah dia faham, tetapi dia reti semua masalah yang dihadapi. Jadi, di sini kita bahas kemudian terus di sini kita lulus. Jadi takut tidak 'dan' kementerian hendak *adjust* balik yang mana patut di*adjust* ataupun patut diselaraskan kembali. Ini saya ingat pandangan saya yang pertama.

Yang keduanya, apa akta yang kita pinda pun kalau penguatkuasaan itu tidak tegas dan kakitangan tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, maka ia tidak akan menjadi kebaikan dan akhirnya menjadi satu mainan. "Orang main-main" dia kata. Bolehlah akta itu, akta ini. Kadang-kadang menteri kata, kita beri amaran, siapa buat macam ini, macam ini, denda, bubuh jail dan sebagainya.

Boleh bagi amaran sahajalah. Kita akan bertindak.... 'akan' sahajalah, bila hendak bertindak? Jadi banyaklah kita pinda ini, tetapi tidak menjadi kenyataan. Apabila saya tanya, pihak kementerian kata hendak buat macam mana? Macam di Kedah Tuan Yang di-Pertua, hendak jaga pendatang asing itu, penguat kuasa lebih kurang kalau tidak silap saya tujuh orang. Hendak jaga penjuru daripada Padang Besar, daripada Bukit Kayu Hitam sampai ke Seberang Pulau Pinang itu. Mana hendak sempat. Pakistan buat perangai, India buat perangai. Macam-macam, jadi tidak sempat. Pegawai tidak cukup. Jadi kita kena pastikan undang-undang yang kita lulus di Dewan Rakyat ini menjadi satu realiti dan menjadi kenyataan dan tindakan diambil. Kalau tidak orang akan melawak-lawakkan undang-undang kita. Jadi ini yang saya tidak mahu. Fasal meminda Akta Agensi Pekerja Swasta. Pertamanya kita minta semua syarikat.

Dia kena rujuk, dia kena maklum balik kepada kementerian ini, katalah satu syarikat hendak buat di mana-mana syarikat keretakah, berapa tenaga pekerja yang hendak pakai? Ini kadang-kadang depa hendak ambil hendak jaga kilang pun pakai gurkha. Sudahlah orang itu tidak reti hendak cakap Melayu muka lebih kurang sahaja. Tetapi bekas-bekas tentera kita yang baru bersara, tidak bolehkah pergi kerja? Fasal apa kita pergi ambil orang luar yang tidak reti bahasa, yang tidak tahu alam sekitar negara kita, keadaan negara kita, budaya negara kita pergi jadi pegawai keselamatan.

Itu bekas askar, bekas polis hendak buang mana lepas pencen, ataupun depa berhenti awal? Ini yang menjadi masalah. Jadi, saya mahu pihak kementerian memonitorkan pekerja-pekerja yang kita hendak pakai itu. Ok, kalau macam pegawai keselamatan, kita tidak boleh bawa dari negara luar. Buat undang-undang “*no, you cannot bring*”, dengan izin.

Ok, untuk apa, untuk *labourer* boleh, untuk kerja-kerja yang barangkali tidak sesuai dengan kita kerana negara membangun. Dahulu Tuan Yang di-Pertua, menoreh getah pun boleh orang menoreh. Orang Melayu, India dan Cina menoreh getah. Fasal apa tidak boleh? Fasal apa..... ini....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya ghairah mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Jerai tadi sebab apabila Yang Berhormat menyebut tentang agensi pekerjaan swasta ini mengambil pekerja daripada luar, sebenarnya kuasa itu tidak ada dan apa yang berlaku kalau kita *complain* tentang dia bawa gurkha dan sebagainya. Ini sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Sumber Manusia. Adakah Yang Berhormat bersetuju suruh Timbalan Menteri sampaikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya perkara ini dapat dilihat lebih menyeluruh. Kalau tidak sampai tua pun kita sampai ke masalah ini, cuma tukang sampai masalah sahaja. Sebab kuasa tidak ada dalam Kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu saya kata tadi. Kita kena ada satu jawatankuasa merangkumi Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara. Mungkin ambil kesian Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam... seorang duduk dalam ini. Kita hendak kaji tengok macam mana. Jadi barulah buat undang-undang buat akta. Ini ikut teringat sahaja, buat masuk dalam Dewan Rakyat, kita pun ikutlah. Ikutlah, tidak ikutpun tidak payah. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua. Ini menjadi masalah. Rakyat nampak, kalaulah gurkha pergi kerja di kawasan Parlimen Gurun, kawasan Parlimen saya Jerai, jaga kilang dan sebagainya. Orang kampung itu kata apa Tuan Yang di-

Pertua. Dia marah wakil rakyat. Bukan ada salah saya pun. Bukan salah saya, bukan kilang saya, bukan saya rekrut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sahabat saya Yang Berhormat Jerai, kadang-kadang kita pun kasihan kepada Kementerian Sumber Manusia ni, ibarat “harimau tidak ada gigi”. Dulu masa buruh asing mula-mula masuk negara kita, di mana syarikat yang menghendakkan perkhidmatan buruh asing, diisi borang dan Jawatankuasa itu akan mengkaji dan Kementerian Sumber Manusia akan memberi pendapat dia. Kalau misalan kata di Jasin, satu kilang itu hendak memerlukan pekerja asing, Kementerian Sumber Manusia mengatakan bahawa tidak perlu pekerja asing kerana pekerja tempatan cukup. Tetapi malangnya pada hari ini oleh kerana Kementerian Sumber Manusia ini “harimau tidak ada gigi”, jadi semua dah *by pass*, Kementerian Sumber Manusia ini sudah tidak diperlukan lagi.

Dan pada hari ini untuk makluman Jerai, bukan sahaja jaga-jaga pada hari ini dipenuhi oleh orang-orang Gurkha tetapi pada hari ini industri-industri di banyak kawasan industri kita hanya hantar surat pada Kementerian Dalam Negeri, dia telah mengiklankanlah, dia telah merekrut pekerja tempatan tidak dapat dan dia hendakkan pekerja asing dan Kementerian Dalam Negeri luluskan macam itu sahaja. Walhal untuk makluman Jerai, banyak lagi kawasan industri kita pada hari ini tidak berapa hendak ambil pekerja tempatan kerana dia tidak mahu membayar EPF, pekerja tempatan minta cuti dan sebagainya dan dia lebih suka kepada pekerja asing, ini yang pada hari ini kita lihat orang tempatan ramai yang menganggur yang tidak ada kerja dan pekerja-pekerja asing pada hari ini mengambil peluang-peluang pekerjaan daripada orang-orang kita. Apa pendapat Jerai?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Inilah ibarat pepatah mengatakan, Jasin, “anak di rumah kelaparan, kera di hutan disusui”, ini peribahasa Melayu orang lama-lama, anak di rumah het...het... berteriak, yang kera itu bukan manusia cuma makhluk bagi susu. Jadi kita tidak mahulah macam itu. Jadi saya mahu pihak Kementerian tegas dengan syarikat-syarikat swasta ini sebelum mereka nak rekrut orang buat kerja, bawa mai banyak mana yang nak. Apa jenis pekerjaan, jawatan yang

diperlukan, kita tengok kalau jawatan itu boleh dipenuhi oleh rakyat tempatan, anak kita, anak Malaysia, pasal apa syarikat itu nak ambil orang luar. Kita kena inform dia, *you must take local citizen*, dengan izin, no other way about it. Who say yes? *[ketawa]*

Jadi kalau tegas macam tu Tuan Yang di-Pertua, baru boleh selesai. Saya bersetuju dengan Jasin tadi kerana dalam kawasan saya ada syarikat, dia pergi ambil pekerja daripada Vietnam, local dia tak ambil. Kepong, hari ini Hari Pelarian, Kepong pakai baju warna merah Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ambil orang Vietnam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari Bapa, Hari Bapa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari Bapa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hari Bapa kelmarin Tuan Yang di-Pertua. Hari ini Hari Pelarian, Kepong dia pakai baju merah. Nampak pun *very sweet looking lah.[ketawa]*

Alasan saya setuju tadi kerana kalau rakyat tempatan pertama kenduri, kalau kenduri dia kata dia minta *off* lah, kemudian mak dia sakit ke, ni sakit ke, jadi masalah kalau bagi kerja kilang. Dia kata rugi, jadi dia ambil orang Vietnam, dia buat asrama, dia bubuh orang Vietnam di situ, orang Vietnam makan nasi dengan sayur sahaja, belanja tak banyak. Dia duduk situ, dia kerja ikut *time, production* dia keluar elok dan sebagainya. Jadi kita kena fikir, Kementerian, nak jaga kepentingan syarikat itukah ataupun nak jaga kepentingan rakyat tempatan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sahabat saya Yang Berhormat Jerai, ada satu lagi peristiwa berkenaan dengan pekerja-pekerja asing India. Jawatankuasa Kabinet Berkenaan Kemasukan Pekerja Asing telah memutuskan di restoran-restoran boleh bawa masuk pekerja-pekerja daripada India tetapi hanya sebagai tukang masak dan tukang cuci. Ini Jawatankuasa Kabinet yang punya keputusan, tetapi realitinya kalau kita lihat pada hari ini, restoran-restoran nasi kandar yang berada di ibu kota, sehinggakan pelayan-pelayan dan *cashier-cashier* pun pekerja-pekerja India.

Jadi di mana salah kita ini Yang Berhormat Jerai? Jawatankuasa Kabinet telah memutuskan, Kementerian Sumber Manusia pun ada di dalam Jawatankuasa Kabinet,

tetapi ini pun dilanggar. Jadi bagaimana Akta yang kita hendak bincangkan pada hari ini sampai petang ini Jerai, kalau Jawatankuasa Kabinet punya persetujuan pun, keputusan pun dilanggar macam itu, ini apatah lagi akta macam tu. Apa kata Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Menyedihkan, menyedihkan Jasin. Saya nak minta kalau bolehlah bila Wakil Rakyat bagi laporan, *enforcement* tindakan ambil segera. Saya bersetuju takkan mai hendak tanya order pun, bawa mai daripada India, import mai. Awat Cameron Highlands? Orang India pun ramai, anak-anak India juga ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Penjelasan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi, 'tak-dan' saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Jerai, kenapa dia tak suka orang India ni? Selalu dia sindir-sindir, dia kutuk-kutuk saja, apa cerita Yang Berhormat Jerai? Boleh tak minta pandangan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan kutuk, bukan sindir. Kalau kedai mamak tu dia nak orang India, bawa mai daripada India buat kerja, awat tak boleh ambil India dalam kawasan Parlimen saya, berapa ribu orang India ada. Yang pergi dok ambil India daripada India, India daripada Jerai pun banyak.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: India daripada Ipoh Barat pun ada. Tidak ada masalah, kenapa nak ambil India daripada India? Saya nak habak bagi kepada Yang Berhormat Cameron Highlands, saya biasa pergi Madras.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Bukan lagi Madras, Chennai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, Chennai. Saya biasa pergi sana, saya masuk restoran, saya tanya mee goreng pun tak ada, saya tanya mee rebus pun tidak ada, saya tanya dalca pun tidak ada, yang ada 'marsala'.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak ada salah, Restoran Pelita Chennai ada. Semua ada Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ikut peraturan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuba tengok makanan di sana, yang ada di sini dicipta di Malaysia, tapi pi ambil pekerja di India mai kerja di Malaysia, tak patutlah. Di belah kawasan saya itu banyak kalau hendak, berapa ramai nak kot-kot nak yang gelap juga dok dalam kedai itu, kita bawa mai, tiada masalah. Kalau restoran Cina, ambil daripada Cina Malaysia pun ramai ada. Saya nak mencadangkan juga kalau boleh restoran ni Tuan Yang di-Pertua, berhentilah setakat pukul 12.00 sudah, 24 jam ni manusia makan apa ni sampai tak berhenti-henti, lebih daripada tikus. *[Ketawa]* Itu yang jadi masalah hospital, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya. *[Ketawa]*

Sampai 24 jam restoran, lepas itu kita habaklah duit tak cukup, ekonomi tak ni. Nak ekonomi apa kalau pukul 11 malam kita nak tidur, depa baru nak keluar pi minum, pi makan. Lepas itu makan di kedai, mahu belanja tak banyak. Jadi orang rumah pun tak masak, jom pi nasi kandar, nasi kandar 24 jam Tuan Yang di-Pertua, pi-lah tengok dapur dia, kadang-kadang daging dia letak atas simen sahaja, kita nak pi bilik air, tengok daging tu dia, hak tulah cita rasa yang sedap bagi kita makan tu. 24 jam mana ada masa dia nak cuci kedai dia, mana ada masa nak cuci dapur dia. Tapi sedap? Tak sedap, hak masak di rumah sedap lagi. Kalau tak percaya tanya suri-suri rumah tu, hak di rumah tu sedap lagi, yang dia pi makan di luar tu buat apa? Jadi saya minta Kementerian, Timbalan Menteri pun dah lari, mana dia? *[ketawa]*

Tak apalah pegawai boleh ambil catatan, pertama kali saya bersyarah Timbalan Menteri pun lari, dah la Menteri pun tiada. *[Ketawa]* Tak apalah. Cuma kita nak...

Seorang Ahli: Biasalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ... supaya pihak kerajaan mengadakan program dia khusus untuk pekerja-pekerja asing itu untuk kerja-kerja yang tertentu sahaja. Saya biasa tanya Menteri yang hak Pakistan yang baru mai di Malaysia ni nak bubuh tang mana? Motong getah, Pakistan tak reti, pokok getah mana ada di Pakistan. Nak buat kerja apa? Nak pi kerja buruh kasar, tak boleh dengan seluar jenis kembang bawah tu, nak pakai apa depa boleh?

Menteri kata, mungkin pi ke laut, ikan tengok depa pun takut. *[Ketawa]* Jadi masalah Tuan Yang di-Pertua, bukan saya nak kata, minta maafalah kalau sesiapa

keturunan Pakistan di dalam Dewan ini. Di kampung huru-hara, dia pi mengurat anak dara kampung, dia ambil permit jadi pelajar, dia pi jual karpet, dia boleh lepas hutang, dia dok ulang pi rumah kawan tu, akhir-akhirnya maklumlah orang Pakistan, hidung terpacak tu dia, *[Ketawa]* pemuda kita pula penuh pusat serenti. Jadi hak yang di rumah ni ambil pula kahwin dengan Pakistan, Pakistanlah. Lepas saja permit kerja, dia balik, dia tinggal. Bila tinggal, masalah tinggal kepada Wakil Rakyatlah, depa senang, depa seronok Wakil Rakyat yang tanggung, *[Ketawa]* ini kerja biasalah. Ini masalah pendatang asing yang kita kena fikir, banyak sangat Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya berharap kementerian – Timbalan Menteri ini bagus, dia rajin supaya tolong beritahu bahawa ada program, kilang-kilang hendak buka mesti dapat kelulusan dari pihak agensi ini dahulu. Apabila sudah tidak boleh sangat pekerja tempatan, tidak apa, kita mahu dan kita pun bukan larang. Rezeki ada, kalau tidak boleh pada kita, beri pada orang lain apa salahnya dan kalau kita bawa masuk mereka Tuan Yang di-Pertua, walaupun bukan di bawah bidang Kementerian Tenaga dan bukan di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi kita kena tengok macam gurka seorang itu dijatuhkan hukum oleh mahkamah, dirotan kawan itu kemudian hukum itu tidak kena kah, macam mana terlepas. Sudahlah orang itu kena rotan tidak fasal-fasal, majikan dia patut kena rotan, gaji tidak bayar dan sebagainya.

Jadi mereka pun manusia macam kita juga Tuan Yang di-Pertua, mereka pun hendak hidup dan hendak makan ada anak dan bini tetapi gaji tidak dibayar, kemudian buat aniaya. Kemudian pula ada majikan itu tengok baru-baru ini dalam TV3, dia tunjuk Orang Asli dan mereka pergi ambil Orang Asli suruh buat kerja, gaji tidak bagi, apa pun tidak bagi, makan pun tidak bagi, mereka hendak lari selepas itu dipukul pula Orang Asli. Ini orang tempatan yang memukulnya, Orang Asli itu peribumi kita, mereka tidak tuntutan kita patutnya baik sudah. Mereka itu Orang Asli Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita buat aniaya begitu, jadi saya hendakkan kementerian tegas kepada majikan-majikan ini. Jangan kerana mereka melabur, kita pula oh kerana mereka hendak melabur, kita kena beralah, tidak boleh beralah, tidak boleh begitu,. Kalau kita terlampau beralah akhirnya kita akan hilang segala-galanya kerana mereka datang daripada luar negara mereka hendak mengembangkan ekonomi negara kita. Mereka hendak ambil sesiapa pun tidak apa tetapi tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

Macam saya kata, syarikat Jepun mereka datang ke sini kalau boleh mereka hendak bawa semua kalau boleh emak, bapa, datuk, nenek bawa dari Jepun datang ke sini, mana boleh? Negara lain kalau kita hendak masuk untuk cari kerja bukan senang Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak ada wang ringgit, tidak ada kelulusan, tidak ada pengalaman, taubat dia tidak ambil kita.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendang bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Boleh?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya sila Doktor Yang Berhormat .

Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jerai. Menyebut tentang pekerja-pekerja asing ini, saya teringat di Pulau Pinang banyak syarikat-syarikat Multinasional macam DELL, Seagate, Motorola ini, dia menggunakan *top management* dia kebanyakannya macam engineers daripada rakyat asing, dia tidak ambil daripada rakyat tempatan dan ini merupakan satu penganiayaan kepada rakyat kita yang tahu tentang macam engineering apa semua itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara *expatriate* asing yang mengendalikan syarikat multinasional yang meninggalkan rakyat tempatan ini? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Pendang, yang inilah yang saya berbahaskan Pendang. Kasihan, fasal apa budak-budak kita pun *qualified*, beritahu sedikit kepada rakyat Malaysia apa yang tidak boleh buat Tuan Yang di-Pertua? Rakyat Malaysia apa yang tidak boleh buat beritahulah? Yang baik pun boleh yang tidak baik pun boleh, *complete* kita ini, ya sungguh. Cuma naik ke bulan kita tidak lagi tetapi kita hendak naik sudah, turun dengan naik dah. Pas dia naik dengan roket tidak apa, naik dengan DAP pun tidak sampai. *[Ketawa]* Tidak sampai, tidak sampai. Dia lima tahun nanti tetapi dia cuba tidak sampai, sebab roket dia power tidak kuat, PAS hendak tarik, PAS tidak boleh tarik pula jadi minta maaf saya bercakap ya jangan marah ya. Tidak, Pasir Mas, Assalamualaikum, lama sudah tidak berjumpa dengan Pasir Mas

Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, fasal apa kadang-kadang rakyat Malaysia ini memang tadi saya bersetuju juga dari abang-abang dari para pembangkang, ada kelulusan ada kebolehan tetapi tidak diberi peluang. Ini masalah dan apa bezanya kita ambil *expatriate* daripada luar negara, kenapa? Dia pergi belajar di universiti di luar negara, orang kita pun belajar di situ juga, belajar di situ juga. Dia kelulusan kejuruteraan, kawan ini pun kejuruteraan juga dan dia pergi hendak ambil mereka bawa ke sini buat apa? Kemudian gaji bayar lebih dan kita ini pula bayar tidak lebih, pergi cempua sana, cempua sini, mari datang hendak bayar tabung pendidikan negara pun tidak boleh.

Sudah tidak boleh bayar, yang itu gaji sedikit kemudian fail pula hilang, selamat lah mereka ini setahun kah, atau sebulan dua bulan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian, Yang Berhormat orang yang seorang yang tegas dia kalau bersyarah pun berapi Yang Berhormat ini, kira Haji Hadi pun lari dengan dia ini. Cuba bawa perkara ini, pastikan keutamaan diberi kepada rakyat tempatan khususnya rakyat dalam kawanan itu, kalau dia buat kilang di Cameron Highland, kilang sayur kah, kilang apakah, bagi orang di kawasan orang itu dahulu peluang pekerjaan jangan ambil orang luar kerana orang di situ kadang-kadang dia tengok tidak boleh makan, bolehkah orang begitu dan macam mana tetapi kalau kita ambil macam NAZA dan KIA dia bagus dia ambil orang kawasan gurun.

Jadi orang di kawasan itu seronok, dia jaga kilang itu bagi elok supaya kilang itu maju, kilang itu berjaya anak cucunya boleh tumpang cari makan dan dia tidak ambil orang luar, yang ini kita mahu. Supaya keutamaan *priority* dengan izin harus diberi kepada rakyat tempatan, *Malaysian the best* Tuan Yang di-Pertua. Malaysia boleh, asyik menjerit Malaysia boleh, Malaysia boleh tahu-tahu tidak boleh kerja, marah lah mereka. Jadi kena fikir sekarang ini.

Jadi kita ini Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhirnya selalu wakil rakyatlah menjadi tempat mereka marah bukan ada hal pun, baru ini, Mak Long itu kena potong *welfare* sudah dapat lapan puluh ringgit, tidak tahu pula pejabat kebajikan potong tidak beri. Dia datang ke pejabat wakil rakyat saya, klinik saya itu, menangis dan meleleh air mata dan marah pada saya, makcik pangkah Barisan Nasional daripada dahulu sampai sekarang, lapan puluh ringgit pun hendak ambil balik. Saya kata makcik bukan cek yang ambil

balik, yang ini kerajaan kot yang ambil silap di mana-mana. Apabila saya bising di pejabat, pegawai marah saya, Penolong Kebajikan Masyarakat Daerah Yan, orang perempuan marahkan saya, dia kata ahli Parlimen Jerai kurang ajar. Saya pula yang merasa sebak, sebab saya tegur sedikit dalam Dewan Rakyat dan saya hendak bela nasib orang kampung yang susah, inilah kita sebagai wakil rakyat, menjadi lilin, bakarlah diri tetapi kalau sumbu pun terbakar hendak bakar apa lagi. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Jadi, ini saya serahlah dan saya hendak minta tolonglah kalau kerajaan hendak buat apa-apa pun, memang mudah sebab kami ini di bawah, kami ini bergelumang dengan rakyat. Rakyat hendak marah kepada siapa, dia marah kepada wakil rakyat kita hendak marah pada siapa? Tidak akanlah hendak marah kepada menteri, tidak boleh marah pada menteri, mereka ini menteri, tegur pun bolehlah sedikit-sedikit tetapi janganlah pegawai-pegawai pun marah sama kepada wakil rakyat ini, kecil hati kami sebagai wakil rakyat.

Jadi berbalik kepada kes kita Tuan Yang di-Pertua, lagi satu pekerja asing ini, kita minta kalau yang Islam itu beri kerja yang di rumah orang Islam. Yang ini saya sudah bercakap banyak kali, tidak sesuai dia kena beri sesuai, duduk dalam rumah itu, jadi kalau orang Islam duduk bekerja dengan majikan Islam dia boleh bekerja dan dia boleh buat ibadah sedikit. Kalau yang agama Buddha duduk rumah Buddha dia buat cara dia dan sebagainya. Pada mata kasar dunia, macam dahulu apabila rakyat Indonesia dihantar balik sedemikian rupa mereka kata kerajaan Malaysia lahana, lahana maknanya memandang rendah kepada mereka Tuan Yang di-Pertua tetapi mereka datang secara tidak halal dia datang secara haram kita hendak suruh dia balik dan datang balik secara Halal

Saya hendak minta kementerian konsisten lah dari segi hendak buat peraturan ini, jangan dalam masa sebulan ini ada tiga, empat peraturan keluar. Jadi *confuse* orang hendak buat kerja, sekejap macam itu, sekejap macam ini, yang pakai pas lawatan boleh, yang sekejap pakai lawatan tidak boleh, yang datang pula macam ini, jadi macam mana?

Jadi kita kena buat satu peraturan *stick to that* peraturan ubah kalau memerlukan pindaan. Ya, Kepong hendak tanyakah? *[sambil bertanyakan kepada Yang Berhormat*

Kepong] Tidak, tidak apa. Jadi saya berharap jangan begitu, sekarang dia *highlight* macam itu, macam di Indonesia itu jadi satu masalah, sebab dia kata kita kejam.

Kita tidak layan depa seperti manusia. Yalah, kami susah tetapi tidak akan orang senang, orang Islam, macam itu negara Islam, dia sebut buat kami macam ini rakyat Indonesia. Ini rintihan yang saya dapat daripada depa, kerana *back fire* kita sedangkan tujuan kita baik hendak bagi peluang pekerjaan dekat depa dan sebagainya. Jadi majikan-majikan ini harus diberi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:untuk mengambil dalam negeri yang bekerja ini. Yang Berhormat Kepong, penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak minta pun, berdiri sahaja!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana saya hendak minta kita mesti tuju kepada itu....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat kena tengok kepada Tuan Yang di-Pertua

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tengok situ juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Yang Berhormat tengok saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak saya tengok di sini dahulu sebab kita ubahlah sedikit pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila. Sila Yang Berhormat Kepong

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah sebab Yang Berhormat pakai baju merah hari ini saya bagi peluanglah, silalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu disebelah pun merah muda juga, tidak sebut pun.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Soalan pula! Ini penjelasan sahaja ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita pergi ke kem pertahanan termasuklah di Semenyih PATI itu sama ada pekerja rumah dan sebagainya di situ layanan ke atas

mereka itu teruk juga. Tidak cukup dengan integriti orang-orang Malaysialah. Adakah itu Yang Berhormat hendak pihak kerajaan memberi layanan yang lebih baik juga, sesuai dengan taraf Malaysia - Malaysia boleh, Malaysia perikemanusiaan dan sebagainya.

Walaupun saya setuju kerana kita bayar semua, tahan mereka kita bayar, hantar balik pun kedutaan mereka tidak bayar satu sen pun kita bayar semua, kita rugilah dari segi itu tetapi dari segi kemanusiaan kita mesti memberi layanan yang lebih baik. Bukan kita sayang semua, bila dia datang tanpa izin macam mana hendak sayang? Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kita memberi layanan yang sesuai dengan sifat perikemanusiaan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Kepong, sebenarnya Malaysia ini Ya Allah, cukup baik. Sudahlah macam itu punya layanan kita bagi depa, naik feri balik elok-elok. Kita tidak hantar dengan sampan pun, malah hantar balik dengan feri dan saya tengok depa *transfer from one camp to one camp* pakai bas yang berhawa dingin. Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak.

Dr. Tan Seng Giaw: Ketegasanlah ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal....

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepong teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat bagi Jerai ini pergi tengok sendirilah keadaan beratus-ratus di satu tempat dan sebagainya seolah-olah mereka ini mergastua sahajalah, mergastua sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh hendak kata mergastua, mergas muda pun kita jaga. Jadi tidaklah sampai ke tahap itu tetapi kalau sudah kita *raid at one time*, jadi ramailah. Maklumlah bila ramai jadi macam itulah. Sebab itu saya minta kerajaan pertahankan dan tegas tentang undang-undang majikan jangan ambil pendaatang-pendaatang tanpa

izin. Dia kalau majikan tidak ambil depa hendak mai macam mana? Depa tidak akan datang kalau majikan tidak ambil. Ini fasal majikan dok ambil jadi mereka datanglah secara sah tidak sah, fasal cara sah susah.

Macam di Indonesia dia hendak keluar dia kena bayar fizikal dan sebagainya jadi masalah. Depa ini susah hendak hidup, hendak tumpang rezeki yang melimpah di Malaysia ini tetapi mereka tidak tahu undang-undang dan kalau majikan kita ini... sebab itu saya kata kalau majikan yang mengambil orang yang tanpa izin ini harus diberi tindakan yang cukup tegas. Kita jangan denda orang yang datang secara haram itu, denda majikan itu fasal dia pergi ambil orang itu. Kalau dia tidak ambil lama-lama dia orang ini akan datang secara sah fasal depa tahu kalau kami datang ke Malaysia bekerja secara tidak sah kami tidak akan ada peluang untuk pekerjaan. Jadi sebabkan gunakan itu tapi sekarang ini kita sudah lulus undang-undang, sudah berbuih dalam Dewan Rakyat ini. Tetapi penguatkuasaan tidak cukup untuk mengambil tindakan.

Jadi saya berharap bahawa untuk menyelesaikan masalah ini majikan ini harus dipertanggungjawabkan sepenuhnya kerana hendak mencari keuntungan berlebihan dan juga bersikap tidak adil, Tuan Yang di-Pertua kerana majikan ini kadang-kadang tidak bayar gaji

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Jerai mengatakan bahawa majikan harus dipertanggungjawabkan. Bagi pembantu rumah yang dibawa masuk oleh agensi pekerjaan swasta, mengikut laporan mulai tahun 2001 hingga Mei 2004 terdapat 57,000 pembantu rumah yang masuk ke Malaysia secara sah telah melarikan diri, apakah ini salah majikan ataupun salah agensi pekerjaan swasta? Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kedua-duanya bersalah Tuan Yang di-Pertua. Dua-dua bersalah. Kadang-kadang majikan itu kejam, kadang-kadang pekerja itu pula jahat. Sudah biasa dalam surat khabar saya baca kerja tiga empat tahun bila majikan dia pergi makan angin, *transfer* habis perkakas rumah itu dia ambil, ada juga. Jadi biasalah, biasalah macam ini. Jadi sebab itu kita kena ada satu agensi yang *screen background* depa ini. Benda lain kita tengok jenayah-jenayah yang berlaku dalam negara kita ini banyak daripada pendatang-pendatang asing yang membuat tindakan-tindakan yang kejam, pembunuhan-pembunuhan.

Saya la ini naik takut Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap hari bunuh, silap sedikit sahaja bunuh. Kadang-kadang bukan silap banyak silap sedikit sahaja dia bunuh tidak fasal-fasal. *Road bully* itu sedikit sangat - tetak mati. Sampai la ini kita naik bimbang juga benda-benda macam ini. Sudahlah di sekolah satu hal, dia dok buli budak-budak seorang demi seorang, *student* sama *student*. Jadi kita nampak la ini budaya kita sudah tidak macam dahulu lagi, budaya yang mengganas. Jadi ini kita bimbang, kita takut. Saya harap pihak kementerian tolonglah, bertindak tegas kepada majikan untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin ini.

Kalau ini dapat dilakukan InsyaAllah pendatang tanpa izin ini dia tidak mai, dia mai secara izin dan saya minta juga majikan bagi keutamaan kepada rakyat tempatan. Hanya yang terakhir sahaja kita ambil luar daripada Malaysia. Selagi boleh kita ambil, kita ambil dan kalau majikan tulis surat kementerian mengatakan orang-orang Malaysia ini tidak boleh buat kerja jangan ambil terus, *check* hantar wakil rakyat dalam kawasan itu pi masuk kilang tengok bagi tahu, kita boleh tolong. Kalau kementerian sudah tidak cukup *enforcement* bagi tahu wakil rakyat. Kalau berlaku di kawasan Parlimen Arau bagi tahu Wakil Rakyat Arau, kita pi tengok betul tidak betul benda ini berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau Seputeh..... Mana Seputeh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tambah sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Jerai, Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat. Setuju tidak kalau kita dapat tangkap sindiket yang bawa pekerja tanpa izin ini, kita bagi penjara, tetapi kena bawa mahkamah dahululah. Jika didapati dia bersalah, penjara, sebat. Saya setuju kalau bagi sebat juga, setuju tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebat itu memang sudah ada Seputeh. Tetapi bila kita hendak sebat tidak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, Pasir Puteh. Sudah ada. Tetapi bagi saya orang ataupun pembawa pendatang tanpa izin itu pun tidak akan wujud

kalau majikan tidak terima depa ini, dia hendak pergi mana? Tidak akan dia hendak ambil bela di rumah dia. Jadi yang ini mustahak.

Puan Teresa Kok Suh Kim [Seputeh]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Yang Berhormat. Cakap elok-elok na?.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Puteh cakap banyak tentang sebat majikan, sebat orang ini, orang itu, bukankah ini bercanggah dengan prinsip Islam Hadhari?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Islam Hadhari - minta maaf Yang Berhormat, saya jawab. Islam Hadhari tidak bercanggah sebab *ar raie*. Saya bagi kaedah ... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Jerai yang hendak bagi jawapan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai yang hendak bagi jawapan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak, Yang Berhormat Jerai bagi tadi. Saya hendak bagi Seputeh sedikit. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kerajaan boleh buat apa sahaja demi kemasyarakatan umum. Dia hendak sebat pun boleh. Ini Ustaz Wae senyum - Yang Berhormat Pasir Mas, dia setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat jawab besoklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sambung kes sebat besok, ya. *[Ketawa]* Jadi Seputeh dengan Pasir Puteh ini tidak setuju. Saya minta maaf "puteh" kedua-dua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 5.30 petang. Kita ada usul penangguhan. Yang Berhormat Menteri sila.

USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, seorang ahli menyokong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KEMPEN BUDI BAHASA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat ada tujuh minit setengah. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat.

5.32 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan, apakah ucapan saya ini sepatutnya dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tetapi di sini, ditulis Menteri Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, saya ingin meneruskan ucapan saya.

Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, beberapa bulan lalu mengupas dengan terperinci mengenai rakyat Malaysia dalam konteks Kempen Budi Bahasa atau *Towering Personality* tetapi lebih jauh daripada itu, apakah ini membayangkan bahawa masyarakat kita akan sampai ke peringkat rosak dan tidak seimbang kerana dilanda bermacam-macam gejala sosial. Kejatuhan moral dengan teruk serta merebak jenayah rasuah.

Selain masalah ini, saya bimbang dengan masalah remaja yang gagal ditangani dengan sempurna dan membawa mereka jauh menyimpang dari laluan yang sepatutnya. Sebut sahaja apa bentuk keruntuhan akhlak yang tidak membabitkan anak-anak remaja, daripada lepak, lumba motor haram, seks bebas, penagihan najis dadah, arak hinggalah ke lembah pelacuran. Perkataan paling baik bagi perkara ini ialah “menakutkan dan jijik”. Tetapi, apakah masyarakat perlu lari daripada masalah ini atau melihat sahaja gelagat serta gejala ini? Sesuatu perlu dilakukan untuk mencari jalan mengekanginya kerana keterlanjuran yang berlaku tidak seharusnya dibiarkan melarat.

Menyalahkan remaja sahaja mungkin tidak wajar kerana masih ramai lagi remaja yang berfikiran positif, berdikari, berdaya maju dan berwawasan. Justeru, menjadi tanggungjawab ibu bapa, anggota masyarakat mahupun agensi-agensi serta badan-badan kerajaan untuk membimbing dan memimpin remaja yang terlepas laku ini kembali semula ke pangkal jalan.

Bila menyebut kerajaan, kita ingin mengetahui dengan jelas, apakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang membabitkan Pusat Islam, JAKIM atau agensi lain dalam soal ini? Berikutan itu, saya ingin mengesyorkan supaya perkara ini segera dibincangkan di semua peringkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila.

5.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larut. Kementerian Belia dan Sukan ingin menjawab kerana penangguhan ini adalah telah ditentukan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Tugas untuk membina generasi muda di negara ini merupakan satu tanggungjawab bersama semua pihak dalam suatu sistem masyarakat yang menyeluruh, termasuklah oleh keluarga dan institusi-institusi pendidikan.

Oleh itu, usaha membentuk peribadi generasi muda, remaja adalah menjadi tanggungjawab bersama pihak-pihak tersebut. Terjadinya gejala-gejala sosial di kalangan generasi muda adalah disebabkan terdapat kelemahan-kelemahan tertentu

dalam sistem masyarakat tersebut. Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan di bawah strategi Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional ada melaksanakan pelbagai program dan aktiviti ini di pelbagai peringkat dan kawasan dengan tujuan untuk mampu menarik minat mereka menyertainya. Dalam melaksanakan strategi ini, kementerian menggunakan dua pendekatan iaitu:

- (i) secara terus oleh kementerian. Dalam pendekatan ini, kementerian melaksanakan sendiri program serta aktiviti kepada kumpulan sasaran golongan generasi muda dan remaja, terutamanya rakan-rakan muda yang berumur 15 hingga 25 tahun. Kementerian juga menjalankan penyelidikan-penyelidikan dan melaksanakan kursus-kursus tertentu ke arah menyedarkan golongan ini dari terjebak dalam gejala-gejala sosial seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat;
- (ii) secara tidak langsung melalui persatuan-persatuan. Dalam pendekatan ini, kementerian menyalurkan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan belia serta badan-badan bukan kerajaan termasuk juga persatuan-persatuan beruniform untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan juga melibatkan kumpulan sasar generasi muda serta remaja. Namun begitu, kementerian ini juga berhadapan dengan halangan-halangan asas seperti kekurangan peruntukan kewangan serta kekurangan pegawai.

Keupayaan Kementerian Belia dan Sukan dari segi kepegawaian dan kewangan pada masa ini belum berada pada tahap yang mencukupi untuk menguruskan seramai lebih kurang 11 juta golongan belia yang digolongkan dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun. Atas sebab itu, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk memperkasakan pertubuhan belia di semua peringkat. Pertubuhan-pertubuhan belia selaku rakan kongsi utama kementerian.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh mohon penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ini saya kena minta maaf, kerana soalan ini ditujukan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawab, jawab Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Pertubuhan-pertubuhan belia selaku rakan kongsi utama kementerian dalam pembangunan belia belum mampu berperanan dan menarik penglibatan generasi muda dalam aktiviti yang mereka anjurkan oleh semua sektor seperti sektor kerajaan melalui kementerian ini serta agensi-agensi yang lain. Sektor swasta dan sektor bukan kerajaan. Melalui pertubuhan-pertubuhan belia dan kelab-kelab, golongan muda akan mempunyai banyak pilihan untuk menyertai dan sekali gus menjadikan aktiviti-aktiviti tersebut mampu menghindarkan mereka dari gejala-gejala sosial dan negatif.

Pada tahun 2005, Kementerian Belia dan Sukan mengisytiharkan tindakan memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan belia melalui kempen dan aktiviti bertemakan "Belia Benci Dadah". Selain itu, kementerian ini turut memperkenalkan Program Rakan Muda, Jiran Muda dengan tujuan untuk menyedarkan berleluasanya gejala negatif di kalangan generasi muda, khususnya di kawasan-kawasan yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi. Kementerian ini mengharapkan komitmen dan peranan semua pihak untuk bergerak seiring dengannya dalam merangka strategi dan pendekatan yang paling sesuai lagi efektif membangunkan generasi muda negara ini melalui tindakan bersepadu dan mengamalkan pendekatan rakan kongsi.

Kementerian Belia dan Sukan akan terus memberi fokus kepada tiga bidang. Pertama iaitu 3 K – Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan. Dalam

membangunkan belia seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di bidang kepimpinan, kursus-kursus akan terus dianjurkan untuk pemimpin-pemimpin belia di pelbagai peringkat negeri dan daerah.

Di bidang kemahiran, kursus-kursus yang terdapat di Institut-institut Latihan Belia Negara (IKBN) akan diperbanyakkan dan dipelbagaikan lagi dengan mengadakan kursus-kursus di sebelah malam dan di hujung minggu, manakala di bidang keusahawanan pula, Kementerian Belia dan Sukan akan bekerjasama dan mengadakan pakatan strategik untuk menjalankan latihan-latihan dan kursus-kursus yang bersesuaian kepada golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penjelasan apakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perdana Menteri, saya tidak dapat jawablah mengenai Pusat Islam dan JAKIM. Terima kasih.

PELARIAN FILIPINA DI Sabah – MASALAH SOSIAL

5.41 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, pelarian yang pada mulanya lari ke Sabah pada tahun 1972 semasa perang saudara di Selatan Filipina pada ketika itu sudah pun berada di negeri Sabah lebih daripada satu generasi ataupun lebih 30 tahun dan kini bilangan mereka sudah mencecah 65 ribu orang menurut jawapan bertulis daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada saya di Dewan yang mulia ini.

Kehadiran mereka secara berterusan tanpa kesudahan dan penyelesaian telah mengakibatkan pelbagai masalah sosial di Sabah yang kini terpaksa ditanggung oleh rakyat dan kerajaan. Antara masalah sosial yang dilakukan oleh pelarian Filipina ialah pengedaran syabu, pemalsuan dokumen-dokumen kewarganegaraan, kewujudan *street children*, kegiatan pelacuran sekali gus membawa penyakit berjangkit, keadaan penempatan mereka yang kotor dan menjadi sarang kepada penyakit berjangkit seperti *typhoid* atau demam kepialu, kes-kes rogol, pembunuhan dan kecurian dan pelbagai lagi gejala sosial yang dilakukan oleh mereka.

Perkara ini telah dibawa berkali-kali di Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Parlimen tetapi pihak yang berwajib tidak mendengar dan berdiam diri tanpa apa-apa

tindakan positif untuk mencari penyelesaian muktamad terhadap masalah ini. Yang anehnya, Ketua Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara baru-baru ini telah menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 18 ribu pelarian Filipina yang telah diberi ataupun sedang diberi kerakyatan ataupun kewarganegaraan Malaysia. Persoalannya ialah siapakah yang telah membuat keputusan tersebut? Apakah Perdana Menteri yang membuat keputusan tersebut? Atau apakah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri yang membuat keputusan dan meluluskan permohonan pelarian Filipina menjadi warganegara?

Dan oleh kerana nama-nama orang pelarian Filipina ini tidak seperti nama orang Cina, orang India ataupun orang Putih, apakah orang ini nanti akan diberi status bumiputera? Persoalan-persoalan ini perlu dijawab demi memberi keselesaan kepada rakyat supaya tidak ada kekeliruan. Sebab kekeliruan boleh mengakibatkan perkara-perkara yang tidak diingini seperti ketegangan hubungan kaum dan ini boleh menjejaskan keharmonian serta suasana rukun damai di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya hal ehwal pelarian Filipina ini diletakkan di bawah pengawalseliaan Jabatan Imigresen dan bukannya di bawah Majlis Keselamatan Negara, Petugas Khas Persekutuan. Adalah tidak munasabah bagi petugas khas melaksanakan penguatkuasaan undang-undang Akta Imigresen kepada para pelarian. Biarlah Jabatan Imigresen yang mengawal selia pelarian Filipina ini. Dan langkah pertama yang harus diambil ialah menarik balik dokumen IMM13 yang mereka pegang sekarang dan biarlah pihak Kerajaan Filipina mengeluarkan passport antarabangsa kepada pelarian Filipina ini. Untuk ini pihak kerajaan harus membuat perundingan dengan Kerajaan Filipina bagaimana menangani kemelut masalah pelarian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Yusof bin Yacob]: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Kementerian di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai isu pelarian Filipina di Sabah. Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan sedikit sejarah kehadiran pendatang luar negara ataupun PLN dan kesannya di Sabah. Peperangan antara bangsa Moro di Filipina dengan pemerintah Filipina telah bermula sejak abad ke 15 apabila Sepanyol tiba untuk menjajah dan berterusan sehingga pendudukan Amerika Syarikat.

Perjuangan ini memuncak di awal tahun 1970-an apabila Moro National Liberation Front mengambil alih inisiatif daripada pihak Kesultanan Sulu dengan melancarkan peperangan untuk mendapatkan kemerdekaan. Pergolakan yang berterusan ini mengakibatkan ramai penduduk selatan Filipina mencari perlindungan di Sabah. Situasi ini membawa kepada kebanjiran pelarian - *displaced people* - ke Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Di awal tahun 80-an dan tahun-tahun seterusnya, perkembangan ekonomi yang pesat telah menarik kumpulan pendatang untuk berhijrah ke negeri Sabah. Dengan demikian kita lihat pendatang-pendatang dari Indonesia pula membanjiri negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mencari pekerjaan bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Kehadiran PLN ini iaitu pendatang luar negara ke negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan menimbulkan pelbagai kesan negatif/masalah kepada aspek sosial politik, ekonomi, ketenteraman awam dan keselamatan seperti berikut:

- (i) Percambahan kawasan setinggan. Kehadiran PLN terutamanya pendatang tanpa izin telah menyebabkan tumbuhnya penempatan haram setinggan. PLN membina penempatan haram setinggan ini di bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan. Penempatan-penempatan ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan kesihatan yang sempurna, tiada bekalan elektrik dan air, mewujudkan penempatan yang sesak dan kotor dan pemandangan yang buruk. Penempatan seperti ini juga merosakkan alam semula jadi melalui penebangan pokok bakau serta mengganggu ekosistem kawasan-kawasan tersebut.

- (ii) Penyakit berjangkit. PLN membawa bersama berbagai-bagai penyakit seperti batuk kering, *sexually-transmitted diseases* seperti sifilis, gonorea, HIV dan lain-lain penyakit kronik.
- (iii) Ancaman keselamatan kepada penduduk tempatan. Penduduk tempatan merasa keselamatan mereka terancam akibat pertambahan kemasukan pendatang luar negara ke Sabah. Terdapat anggapan bahawa satu hari nanti golongan pendatang akan mengatasi jumlah penduduk asal Sabah. Bermula dengan hanya seramai 140,000 pendatang pada tahun 1979, jumlahnya telah pun meningkat kepada 300,300 pada tahun 1991 dan sekarang dianggarkan mencapai 600,000 orang. Ini merupakan 29% dari keseluruhan penduduk negeri Sabah.
- (iv) Membebankan perkhidmatan kesihatan dan sosial. Kemudahan-kemudahan kesihatan dan lain-lain kemudahan sosial banyak digunakan oleh pendatang luar negara di negeri ini sehingga membebankan kos perbelanjaan kerajaan serta menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat tempatan.
- (v) Pengundi bukan warganegara. Isu bukan warganegara mendaftar sebagai pengundi, khususnya di Sabah telah menarik perhatian ramai. Isu ini telah menjadi isu politik dan telah menjejaskan imej kerajaan, khususnya apabila keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Likas tahun 1999 dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 8 Jun 2001.
- (vi) Sindiket pemalsuan dokumen. Kumpulan sindiket telah mengambil kesempatan daripada kehadiran PLN untuk mengaut keuntungan dengan menjual pelbagai jenis dokumen palsu. Keadaan ini menyulitkan agensi penguat kuasa mengambil tindakan penguatkuasaan. Sindiket ini terdiri daripada penduduk tempatan dan juga penduduk tetap.
- (vii) Ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kehadiran PLN (Pendatang Luar Negara) telah digunakan oleh pihak

berkepentingan untuk tujuan tertentu yang melibatkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Terdapat kes di mana PLN telah dilibatkan dalam demonstrasi bersifat anti kerajaan. Kehadiran anggota kumpulan pemisah yang menjadikan negara ini sebagai tempat perlindungan dan melancarkan aktiviti-aktiviti mereka boleh meletakkan negara ini dalam keadaan serba salah dari segi hubungan dua hala dengan negara berkenaan.

Jadi jelas daripada tujuh kesan negatif ini menampakkan iaitu bahawa ia bukan sahaja soal imigresen tetapi lebih daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, masalah kehadiran pendatang luar negara di Sabah telah dianggap sebagai masalah keselamatan. Justeru itu kerajaan iaitu Jemaah Menteri pada 24 Ogos 1986 telah memutuskan bahawa Kerajaan Persekutuan perlu menangani masalah ini secara langsung dan keputusan yang sama telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 Disember 1988.

Kesinambungan kepada keputusan-keputusan ini sebuah pasukan khas telah di tubuh yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah Labuan (PPKP Sabah/Labuan) yang diberikan mandat menangani masalah pendatang luar negara termasuklah masalah pelarian, buruh asing dan pendatang tanpa izin di Sabah dan Labuan. Pasukan ini diberikan kuasa dan mandat untuk bertindak secara terus dengan bantuan semua agensi Persekutuan dan kerajaan negeri seperti mana termaktub dalam arahan Majlis Keselamatan Negara nombor 16 yang telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Pengarah Gerakan Negara pada 4 April 1989.

Hasil daripada kerjasama semua pihak yang terlibat melalui pelbagai langkah pendaftaran seperti yang dijalankan oleh pihak Jabatan Ketua Menteri Sabah dan gerakan banci yang diselaraskan oleh pihak PPKP Sabah/Labuan seramai 57,197 orang pendatang dari Filipina telah dikenal pasti sebagai golongan pelarian yang mendapat pengecualian pasport seperti mana dinyatakan di bawah Perintah Pasport (Pengecualian (2) (Pindaan) 1972). Akhirnya setelah meneliti dan menilai pelbagai

aspek termasuklah menyesuaikan permasalahan ini dengan perundangan negara, pihak Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa sejenis dokumen dikenali sebagai IMM 13 diguna pakai bagi membolehkan golongan pelarian ini sentiasa dapat dikenal pasti identiti mereka.

Sejajar dengan keperluan perundangan negara juga pas atau permit dikeluarkan kepada semua pemegang IMM 13 ini dengan tempoh tidak melebihi satu tahun (Dua belas bulan) dan boleh disambung dari setahun ke setahun untuk membolehkan mereka tinggal dan bekerja di Sabah. Selanjutnya, Majlis Keselamatan Negara pada sidang bilangan 1/2002 bertarikh 27 Ogos 2002 telah membuat keputusan untuk mengesahkan status bermastautin di negara ini kepada golongan pelarian Islam Filipina dan pendatang tanpa izin Filipina ini memandangkan mereka telah tinggal lama di Sabah menjangkau tempoh masa 30 tahun dengan syarat mereka memenuhi kelayakan-kelayakan yang ditetapkan termasuk lulus ujian bahasa Melayu.

Dasar kelayakan adalah mengikut kategori berikut:-

- (i) taraf warganegara diberikan kepada golongan pelarian Islam Filipina dan pendatang tanpa izin Filipina yang tinggal melebihi 30 tahun;
- (ii) taraf penduduk tetap diberi kepada golongan pelarian Islam Filipina dan pendatang tanpa izin Filipina yang tinggal di antara 15 hingga 29 tahun; dan
- (iii) taraf pendatang tanpa izin bagi golongan pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina yang tinggal kurang daripada 15 tahun, golongan ini dihantar balik ke negara asal mereka.

Lanjutan kepada keputusan sidang MKN bilangan 1/2002 itu PPKP Sabah/Labuan telah memproses permohonan permit masuk daripada pelarian Islam Filipina yang memegang dokumen IMM 13 untuk tujuan memberi status bermastautin di negara ini. Sejak tahun 2002 sehingga kini sejumlah 20,767 permohonan permit masuk telah dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk kelulusan.

Jumlah IMM 13 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah kepada pelarian Islam Filipina adalah sebanyak 61,314. PPKP Sabah/Labuan sedang berusaha untuk menyelesaikan tugas ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah pendatang luar negara di Sabah telah diiktiraf sebagai satu isu keselamatan yang serius, maka ianya harus ditangani secara teratur, terancang dan menyeluruh oleh Kerajaan Persekutuan. Justeru PPKP Sabah/Labuan yang ditubuhkan khas untuk tujuan itu merupakan entiti yang berwibawa memikul tanggungjawab ini dan sehingga kini masih lagi relevan. Tugas ini tidak boleh dilaksanakan oleh sebuah agensi kerajaan sahaja. Ianya memerlukan penggabungan tindakan-tindakan dari pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM (Polis Diraja Malaysia), Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara termasuk juga Jabatan Imigresen. PPKP Sabah/Labuan memainkan peranan sebagai penyelaras tindakan-tindakan tersebut.

Cadangan Yang Berhormat bagi Tuaran supaya kesemua hal ehwal pengurusan 65,000 orang pelarian Islam Filipina dan pengurusan PATI di Sabah diletakkan sepenuhnya di bawah kawal selia Jabatan Imigresen dianggap tidak sesuai, kerana isu pendatang luar negara di Sabah memerlukan juga penglibatan agensi-agensi Persekutuan yang lain seperti yang saya sebutkan di atas.

PPKP Sabah/Labuan bertindak sebagai penyelaras bagi memastikan dasar-dasar yang telah diputus oleh kerajaan terlaksana dengan berkesan. Sekiranya tugas mengurus pendatang luar negara terutama pelarian diletakkan di bawah kawal selia Jabatan Imigresen, maka ini akan memudahkan usaha golongan-golongan tertentu menjadikan masyarakat pelarian Islam Filipina yang telah lama tinggal di Sabah sebagai pendatang tanpa izin, kerana peraturan dan undang-undang imigresen di Sabah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sekiranya ini berlaku ianya adalah bercanggah dengan keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Seperti mana yang diketahui umum masyarakat pelarian ini telah tinggal lama di negara Malaysia dan tidak lagi mempunyai kampung halaman dan hubungan di Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, PPKP Sabah/Labuan dengan kerjasama agensi Persekutuan lain setakat ini telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan itu dengan berkesan. Oleh itu, cadangan untuk meletakkan hal ehwal pengurusan PLN diletakkan sepenuhnya di bawah kawal selia Jabatan Imigresen adalah tidak wajar. Bagi tujuan menangani masalah PATI pula agensi-agensi penguat kuasa disarankan agar meningkatkan lagi tindakan penguatkuasaan melalui tindakan yang

lebih gigih dan bersepadu. Laluan masuk ke negeri Sabah perlu dikawal dengan lebih ketat lagi dan tindakan lebih tegas diambil terhadap PATI oleh pihak yang berwajib. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, kita telah selesai Usul Penangguhan. Oleh yang demikian Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.